

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Solat merupakan perkara penting dan menjadi paksi utama keimanan seseorang mukmin. Ibadat solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah.<sup>1</sup> Ia adalah tiang agama yang telah difardukan ke atas orang Islam yang mukallaf. Pendidikan solat bermula dari zaman kanak-kanak yang berusia tujuh tahun dan dipukul pada umur sepuluh tahun jika tidak melakukan solat.<sup>2</sup> Sesiapa yang meninggalkan solat seolah-olah dia merobohkan agama. Kewajipan solat tersebut boleh didapati melalui banyak dalil daripada Al-Quran dan Al-Hadith. Perintah untuk menjaga solat amat-amat dititik beratkan sebagaimana firman Allah S.W.T:

حَفِظُوا عَلَى الصَّلَاةِ وَالصَّلَاةُ الْوُسْطَىٰ وَقُوْمًا لِلَّهِ قَنِينِ

Al-Baqarah 2:238

Maksudnya:

*Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang wusta (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk.*

---

<sup>1</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Kaherah: Dār al-Diyan, 1990), 1: 86

<sup>2</sup> Wahbah al-Zuḥāīlī, *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatihī* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1989), 1: 654.

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا ﴿١٣﴾

Al-Nisa' 4:103

Maksudnya:

Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُحْلِصِينَ لَهُ الَّذِينَ حُنَفَاءُ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا

آزْكَوْهُ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٥﴾

Al-Bayyinah 98:5

Maksudnya:

Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar.

Daripada maksud ayat tersebut, jelas menunjukkan bahawa solat adalah satu ketetapan yang mesti dilakukan dan diambil perhatian serius oleh setiap mukallaf. Tambahan pula, ia merupakan amalan yang pertama sekali dihitung. Hal ini telah disebut oleh Rasulullah dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah R.A:

أُولَئِكَ مَا يَحْسَبُ بِهِ الْعَبْدُ صَلَاتُهُ فَإِنْ كَانَ أَكْمَلَهَا وَلَا قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ انْظُرُوا

لَعْبَدِي مِنْ تَطْوعٍ فَإِنْ وَجَدَ لَهُ تَطْوعٌ قَالَ أَكْمَلُوا بِهِ الْفَرِيضَةِ

Maksudnya:

“Amalan yang mula-mula dihisab (diperhitungkan) daripada seseorang hamba pada hari kiamat ialah solat jika sempurna solatnya. Jika tidak, Allah berfirman : Lihatlah kepada solat-solat sunat yang dikerjakan oleh hambaku ini jika ada yang sunat sempurnakanlah solat-solat fardu itu dengan solat-solat sunat”.<sup>3</sup>

Justeru itu, untuk memahami konsep tersebut perlu diterapkan melalui pendidikan sebagaimana yang diasaskan oleh Luqman al-Hakim dalam menasihati anaknya supaya taat kepada Allah seperti mendirikan solat sebagai ibadah yang paling utama dalam mendekatkan diri kepada Allah. Berpandukan firman-Nya dalam surah Luqman, iaitu:

يَبْنِي أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا آتَ أَصَابَكَ إِنَّ

ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ 

Luqman 31:17

Maksudnya:

“Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.

Pendidikan solat kepada anak-anak juga ditekankan oleh Nabi Ibrahim a.s.

seperti yang tercatat dalam firman Allah S.W.T. :

<sup>3</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Salah, Bab al-Muħāsabah ‘Ala al-Solāt, no. Hadith 468. Lihat Abū Dāud, *Sahih Sunan Abū Dāud* (Kuwait: al-Muassasah Gheras, 2002), 229

رَبِّ أَجْعَلْنِي مُقِيمَ الْصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءُ

Ibrahim 14:40

Maksudnya:

*“Ya Tuhanku! Jadikanlah aku dan anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan solat” Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.*

Berdasarkan ayat di atas dapat disimpulkan bahawa mendidik anak-anak supaya taat kepada Allah adalah dengan jalan melaksanakan perintah-Nya. Sesungguhnya Luqman mendidik anaknya agar menunaikan solat dengan sempurna. Pelaksanaan ibadat solat adalah lambang keperibadian seorang muslim sejati yang dapat menghubungkan antara makhluk dan penciptaNya tanpa sebarang perantaraan.<sup>4</sup> Solat yang sempurna dapat mencegah perbuatan maksiat, keji dan mungkar. Dengan solat juga, manusia dapat mendekatkan diri kepada Allah dan bertaqarrub kepada-Nya<sup>5</sup>.

Melalui pendidikan dalam solat yang teratur pasti akan membawa kesan-kesan positif dalam pelbagai aspek kehidupan manusia antaranya aspek kejiwaan kerana solat memberikan ketenangan jiwa. Dari segi aspek kesihatan pula, solat mendidik seseorang supaya menjaga kesihatan dan sentiasa cergas serta aktif. Jika dilihat dari aspek akhlak, solat dapat menyedarkan seseorang terhadap kesalahan dan menghapuskan dosa selain mendidik seseorang itu mendisiplinkan waktunya.<sup>6</sup>

<sup>4</sup> Suhanim Abdullah et al., "Pendidikan Aqidah Luqman Al-Hakim: Satu Analisis Dalam Konteks Pembangunan Modal Insan" (Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006, Universiti Malaya, 2006), 2: 358.

<sup>5</sup> Lihat Abdul Rahman Mat Ismail, *Roh Sembahyang* (Kuala Lumpur : Dār al-Nu'man, 1994), 28

<sup>6</sup> Abd. Rasyid Hj.Ahmad, "Aspek-aspek Pendidikan Dalam Solat", *Jurnal Usuluddin* 2, (Mei 1995), 155-168.

Penerapan pemahaman tersebut perlu disemai dan dimurnikan lagi melalui sistem pendidikan negara kepada pelajar sekolah rendah agar mereka dapat dididik dengan lebih mantap dan sempurna selari dengan matlamat pendidikan Islam seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Islam, iaitu untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh, dan berakhhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah seperti berikut:

*“Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”.*<sup>7</sup>

Bagi merealisasikan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Islam serta matlamat dan objektifnya, maka Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral (JAPIM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan dasar Pelaksanaan Model-model j-QAF pada tahun 2005 untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia.<sup>8</sup> Pelaksanaan Program j-QAF ini diperkenalkan adalah untuk memperkasakan pendidikan Islam di sekolah rendah yang menekankan beberapa aspek iaitu aspek penguasaan Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain. Amali solat adalah salah satu komponen yang terdapat dalam model-model program j-QAF menerusi Model Kem Bestari Solat (KBS) yang dilaksanakan di luar jadual waktu persekolahan. Program ini hendaklah dilaksanakan empat kali dalam tempoh

<sup>7</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Buku Panduan Pelaksanaan Model-model Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Kokurikulum*, (Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2004).

<sup>8</sup> KP(BS)8591/Jld.xvii(13) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2004: Pelaksanaan Program j-QAF Di Sekolah Rendah, 30 Disember 2004.

setahun.<sup>9</sup> Ia merupakan satu program khusus ke arah melatih pelajar secara praktikal melaksanakan solat serta latihan kerohanian (*tazkiyah al-nafs*) seperti wirid dan doa.<sup>10</sup>

Melalui amalan solat lima waktu yang diwajibkan oleh Allah ke atas setiap mukmin, ia menjadi asas kepada lahirnya sifat takwa dalam diri seseorang. Oleh itu dalam usaha melahirkan generasi yang berakhhlak mulia serta bertanggungjawab, pelaksanaan serta penghayatan solat dalam kehidupan adalah perlu diberi perhatian khusus.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penekanan pendidikan Islam khususnya pendidikan solat kepada kanak-kanak perlu diberi perhatian oleh ibu bapa seawal yang mungkin iaitu pada umur tujuh tahun.<sup>11</sup> Para ibu bapa perlu menyedari tanggungjawab mereka untuk memastikan anak-anak melaksanakan solat secara konsisten kerana solat merupakan tonggak utama untuk mengisi jiwa anak-anak dengan akidah tauhid.<sup>12</sup> Menurut *Imam al-Ghazālī* dalam kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* menyatakan bahawa solat itu tiang agama dan tonggak keyakinan, menjadi asas kepada pelbagai cara mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. dan menjadi sinar cemerlang untuk berbakti kepadanya.<sup>13</sup>

Solat merupakan satu bentuk peribadatan yang sangat penting dan berfungsi untuk membentuk peribadi seseorang. Semakin banyak seseorang itu melakukan ibadat solat, maka semakin bertambah kukuhlah keimanannya. Oleh itu, pelaksanaan

<sup>9</sup> *Ibid.*, 204.

<sup>10</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Panduan Amali Pendidikan Islam Sekolah Menengah* (2002), 1.

<sup>11</sup> Abdullah Nasih ‘Ulwān, *Tarbiyyat al-Awlād Fi al-Īslām* (Kaherah: Dār al-Salām, 2002), 1:118

<sup>12</sup> Muhammad Thālib, *Ibu bapa Mithali* (Kuala Lumpur: Darul Nukman, 1997), 77

<sup>13</sup> Al-Ghāzālī, Al-Imam Abī Hamid Muhammad bin Muhammad, *Iḥyā’ Ulumuddin* (Beirut: Dār al-Kheir, 1994), 194.

solat dapat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar sepetimana firman Allah iaitu:

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيَّكَ مِنْ كِتَابٍ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ

الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Al-‘Ankabut 29: 45

Maksudnya:

*Bacalah serta ikutlah (Wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

Namun begitu, peranan dan fungsi solat yang menjadi benteng melakukan maksiat dan kemungkaran semakin dilupakan sejak akhir-akhir ini. Ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian yang dilakukan oleh Farihah Hussain dalam kajiannya terhadap *Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja: Satu Kajian Di Alor Star*. Beliau mendapati tiada penghayatan ibadah khusus terutamanya solat fardu, telah menyumbang kepada keruntuhan akhlak di kalangan remaja. Hasil kajian yang dilakukan beliau yang melibatkan responden seramai 250 orang mendapati, bagi tahap pelaksanaan ibadah solat fardu hanya 53 orang yang melakukannya cukup lima waktu sehari semalam.<sup>14</sup> Ini jelas menunjukkan bahawa pengabaian solat fardu adalah faktor berlakunya gejala keruntuhan akhlak di kalangan remaja hari ini.

<sup>14</sup> Farihah Hussain, "Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja: Satu Kajian Di Alor Star", (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006). 126.

Berdasarkan daripada hasil tinjauan yang diperolehi, amalan asas fardu ain di kalangan pelajar sekolah masih belum mencapai tahap yang memuaskan hati semua ibu bapa. Terdapat kajian dan laporan yang mengatakan tahap keupayaan amalan farđu ain pelajar-pelajar lepasan sekolah yang masih tidak memuaskan.<sup>15</sup> Hal ini dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Dangiran Haji Mustafa dan Ab.Halim & Zarin yang menyatakan bahawa pelajar masih belum lagi fasih membaca surah al-Fatihah, solat yang tidak sempurna, wuduk yang masih boleh dipertikaikan, tidak berani dan tidak bersedia untuk menjadi imam solat, masih berani melanggar larangan agama dan sebagainya.<sup>16</sup>

Keadaan ini tidak sepenuhnya berlaku kerana pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan jabatan-jabatan agama Islam negeri telah menyediakan kurikulum pendidikan Islam yang berterusan bermula daripada sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah. Malah terdapat juga penilaian yang berterusan dalam sistem persekolahan yang dikenali sebagai Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)<sup>17</sup>.

Justeru, pelbagai langkah dan kaedah telah dilakukan oleh pihak sekolah bagi menangani masalah ini. Antaranya adalah, memastikan penglibatan sepenuhnya oleh murid dalam program ibadah Solat. Dengan kehadiran murid ke *musolla* atau surau sekolah, dapatlah guru memerhati amalan murid tersebut. Amalan solat ini perlu diberi perhatian serius oleh pelbagai pihak kerana kewajipan solat merupakan tanggungjawab individu muslim yang paling asas sebelum memenuhi kewajipan lain dalam rukun Islam.

<sup>15</sup> Safora Juaini et.al., “Solat dan Penghayatan Akhlak Pelajar Islam Luar Bandar”, *Jurnal YADIM* 10, (2008), 44.

<sup>16</sup> Dangiran Haji Mustafa, “Kertas Kerja Utama Memperkasakan Pendidikan Islam”. (Seminar Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain j-QAF, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004).

<sup>17</sup> KP5206/8/70 Jld. 13/ (14) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.4/ 1994: Penilaian Perkara Asas Fardu ‘Ain (PAFA) Dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah(UPSR), Penilaian Menengah Rendah(PMR), Dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia(SPM), 12 Mac 1994.

Bagi menangani masalah ini, menyedari akan kepentingan solat dalam pembangunan modal insan dan pembentukan rohani serta memperkasakan pendidikan Islam, maka pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Model Kem Bestari Solat (KBS) menerusi program j-QAF di sekolah rendah. Program j-QAF ini adalah merupakan idea dan inspirasi YAB Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi ketika melawat Kementerian Pelajaran pada Disember 2003. Beliau telah melontarkan idea kepada menteri dan pegawai-pegawai serta cendekiawan-cendekiawan yang selepas itu telah mengadakan beberapa seminar. Peringkat awal program ini adalah melalui projek rintis selama tiga bulan yang telah dijalankan di 30 buah sekolah seluruh negara pada April, Mei, Jun dan Julai 2004 sebelum pelaksanaan sepenuhnya di seluruh sekolah rendah mulai tahun 2005.<sup>18</sup>

Perkataan *j-QAF* adalah singkatan kepada *j* (Jawi), *Q* (al-Quran), *A* (Bahasa Arab), *F* (Fardu Ain). Objektif utama program j-QAF ini ialah supaya murid-murid Islam sekolah rendah dapat menguasai bacaan dan tulisan jawi (*j*), khatam al-Quran (*Q*), menguasai asas bahasa Arab komunikasi (*A*), mantap dan menghayati amalan fardu ain (*F*). Bagi mencapai objektif tersebut, empat model pengajaran dan satu model kurikulum j-QAF telah dipersetujui untuk dilaksanakan iaitu *Model Kelas Pemulihan Jawi*, *Model Tasmik Khatam al-Quran*, *Model 6 bulan Khatam al-Quran*, *Model perluasan Pelaksanaan BAK* dan *Model Bestari Solat (Fardu Ain)*.<sup>19</sup>

Model Kem Bestari Solat (KBS) adalah salah satu model daripada program j-QAF. Objektif Model Kem Bestari Solat (KBS) ini secara umumnya adalah untuk memastikan murid-murid dapat menuaikan solat dengan sempurna dari segi bacaan, perbuatan, ilmu pengetahuan dan penghayatan, murid dapat berwuduk dengan

<sup>18</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan Dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*, (Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2005), 1.

<sup>19</sup> Ibid., 3

sempurna, murid dapat mengetahui bilangan rakaat solat fardu, murid dapat melaksanakan semua perbuatan serta bacaan dalam solat dengan betul dan lancar, dan murid dapat melaksanakan solat dengan sempurna, sama ada secara bersendirian atau berjemaah.<sup>20</sup>

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan kajian merupakan sebab atau alasan mengapa sesuatu kajian itu dilaksanakan. Tidak terkecuali bagi kajian ini. Melalui pengalaman penyelidik semasa bertugas, masih terdapat murid yang belum menguasai rukun solat walaupun sudah beberapa kali melalui Kem Bestari Solat di sekolah. Penguasaan dari segi rukun *qawli* iaitu bacaan semasa solat kurang memuaskan. Ini jelas daripada tinjauan penyelidik semasa pelaksanaan KBS di sekolah, terdapat beberapa masalah yang timbul dalam setiap kali pelaksanaan KBS yang dilakukan di sekolah. Antaranya faktor ketidakhadiran murid dalam Kem Bestari Solat di sekolah mereka. Ini mungkin disebabkan persepsi dan tanggapan murid terhadap pelaksanaan KBS yang dilaksanakan di sekolah. Sikap ketidakpekaan ibu bapa penjaga pula menambahkan lagi senario rekod ketidakhadiran murid dalam penglibatan diri mereka ke program Kem Bestari Solat walaupun surat makluman KBS dikeluarkan lebih awal.

Justeru itu, memandangkan progam KBS ini sangat penting dan diberi penekanan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memperkasakan subjek Pendidikan Islam, maka adalah perlu satu kajian dibuat untuk melihat penguasaan murid melalui pelaksanaan program KBS ini.

---

<sup>20</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, *Buku Panduan Pelaksanaan Model-model Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Kokurikulum*, (Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2004), 203.

## **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Antara persoalan yang akan dijawab di akhir kajian ini ialah:

- 1.4.1 Apakah persepsi murid terhadap pelaksanaan program Kem Bestari Solat (KBS) antara sekolah di bandar dan luar bandar?
- 1.4.2 Apakah persepsi murid terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran guru berkaitan rukun solat antara sekolah di bandar dan luar bandar di dalam KBS?
- 1.4.3 Sejauhmanakah penguasaan rukun solat murid menerusi program Kem Bestari Solat (KBS) antara sekolah di bandar dan luar bandar?

Berdasarkan kepada persoalan di atas, maka satu kajian perlu dilakukan untuk mengetahui keadaan yang sebenar mengenainya.

## **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1.5.1 Mengenal pasti perbezaan persepsi murid terhadap pelaksanaan Kem Bestari Solat (KBS) antara sekolah di bandar dan luar bandar daerah Gua Musang.
- 1.5.2 Mengenal pasti perbezaan persepsi murid terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru berkaitan rukun solat dalam Program KBS antara sekolah di bandar dan luar bandar daerah Gua Musang.
- 1.5.3 Menganalisis penguasaan murid terhadap rukun solat melalui Kem Bestari Solat (KBS) antara sekolah di bandar dan luar bandar daerah Gua Musang.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini penting bagi pengkaji dalam rangka mengetahui penguasaan rukun solat di kalangan pelajar sekolah rendah. Hasil dapatan kajian yang diperolehi dapat memberi faedah kepada pelbagai pihak, antaranya:

1. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia terutamanya Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dapat meningkatkan tahap keberkesanannya pelaksanaan program j-QAF dengan penambahbaikan program sedia ada serta membuat semakan pada pelaksanaan kurikulum tersebut.
2. Pihak Bahagian Perkembangan Kurikulum(BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Dapatan kajian ini dapat membantu mengenal pasti kelemahan yang mungkin wujud dari segi pelaksanaan KBS supaya kelemahan tersebut dapat diatasi.
3. Kepada pihak sekolah, supaya dapat melaksanakan Program Kem Bestari Solat(KBS) dengan lebih terancang dan tersusun. Guru-guru j-QAF sebagai pelaksana dapat mengambil tanggungjawab serta memberi penekanan bagi melahirkan insan yang kamil dan beramal soleh.
4. Kepada para pelajar sekolah agar mereka dapat menguasai dan melaksanakan solat dengan sempurna.
5. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada penyelidik yang berminat untuk meneruskan kesinambungan kajian ini mengenai tahap penguasaan model dalam pelaksanaan program j-QAF.

## **1.7 SKOP KAJIAN**

Kajian ini adalah usaha untuk meninjau penguasaan rukun solat menerusi KBS di sekolah. Kajian ini dilakukan di enam buah sekolah rendah terpilih di daerah Gua Musang, Kelantan. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

1. Sekolah Kebangsaan Sri Wangi.
2. Sekolah Kebangsaan Sri Wangi (2).
3. Sekolah Kebangsaan Gua Musang
4. Sekolah Kebangsaan Paloh 1&2.
5. Sekolah Kebangsaan Chiku 3.
6. Sekolah Kebangsaan Sri Ciku.

Pemilihan sekolah tersebut adalah berdasarkan kedudukan sekolah iaitu di bandar dan di luar bandar daerah Gua Musang. Berdasarkan kedudukan sekolah inilah, tiga buah sekolah telah dipilih di kawasan bandar dan tiga buah sekolah lagi di luar bandar di daerah Gua Musang.

Dari aspek persampelan, populasi dan sampel yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada murid tahun lima sahaja yang telah mengikuti beberapa model Kem Bestari Solat sejak dari tahun satu hingga ke tahun empat sebelumnya. Murid-murid yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 315 orang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Rasional pemilihan pelajar tahun lima sebagai sampel adalah berpandukan dasar Kementerian Pelajaran yang tidak menggalakkan pengambilan pelajar daripada kelas peperiksaan menjadi sampel kajian, kerana dibimbangi akan mengganggu pengajaran dan pembelajaran mereka. Pemilihan ini dibuat kerana

mereka ini telah pun melalui proses pembelajaran rukun solat dalam Program Kem Bestari Solat dengan secukupnya.

Tempoh pelaksanaan kajian lapangan ini dibuat adalah pada tahun semasa 2013 iaitu enam bulan pertama bermula bulan januari sehingga jun.

Kajian ini menumpukan kepada aspek penguasaan rukun solat dalam Program Kem Bestari Solat dari segi bacaan, perbuatan (pelakuan solat), pemahaman maksud bacaan dalam solat dan rukun-rukunnya.

## **1.8 KAJIAN LITERATUR**

Sorotan kajian-kajian lepas yang berkaitan merupakan suatu keperluan dalam penyelidikan agar kajian tidak tersasar dari objektifnya. Malahan berperanan sebagai kesinambungan dari kajian yang lepas dengan menghasikan satu penemuan yang baru. Penulis telah banyak merujuk beberapa kajian ilmiah yang lepas bagi membantu penulis dalam menyiapkan kajian penyelidikan ini. Berdasarkan kajian penulis terhadap kajian lepas, didapati bahawa perihal berkaitan solat telah banyak dibincangkan oleh para pengkaji terdahulu melalui hasil tulisan mereka dalam pelbagai bidang pengkhususan.

Antara kajian lepas adalah kajian yang dilakukan oleh Awang Mohamad Amin di mana kajiannya adalah berkenaan bacaan dalam solat. Bacaan merupakan asas dalam menguasai sesuatu perkara. Dalam solat, pada peringkat awalnya seseorang perlu mempelajari dengan menyebut huruf *hijaiyyah* dan huruf jawi supaya dapat

mempelajari dan membaca al-Quran dengan lancar ketika dalam solat. Kajian yang dijalankan oleh beliau menyatakan bahawa tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis dan membaca tulisan Jawi adalah lemah.<sup>21</sup> Ini dibuktikan dengan laporan penguasaan murid dari segi bacaan dalam solat adalah kurang memuaskan.<sup>22</sup> Hal demikian juga disokong oleh kajian Maimunah Ismail yang membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kebolehan dalam pelajaran jawi dengan membaca al-Quran.<sup>23</sup> Ini jelas menunjukkan bacaan al-Quran boleh mempengaruhi penguasaan dan kelancaran bacaan dalam solat.

Kajian yang berkaitan juga turut dijalankan oleh Nik Rosita Nik Yaacob, di mana hasil kajiannya menunjukkan penguasaan pelajar tingkatan 2 dan 4 dalam kemahiran menguasai tulisan Jawi masih berada pada tahap yang lemah.<sup>24</sup> Kajian ini juga mendapati penguasaan pelajar dalam kemahiran menukar perkataan daripada huruf rumi kepada huruf Jawi adalah amat rendah. Hal ini menunjukkan pelajar kurang cekap mengeja perkataan Arab yang terdapat dalam bacaan rukun solat. Masalah ini boleh menjelaskan tahap penguasaan murid apabila gagal menyebut dan membaca bacaan dalam solat.

Proses pengajaran dan pembelajaran(PdP) solat ini dilakukan secara teori dan amali. Bagi mengalakkan murid menunaikan solat, maka terdapat sekolah yang menghendaki murid melakukannya secara berjemaah. Namun, terdapat murid yang enggan dan mengelak diri daripada menunaikan solat.<sup>25</sup> Berdasarkan pemerhatian

<sup>21</sup> Awang Mohamad Amin. "Tulisan Jawi Ke Arah Penguasaan Yang Lebih Meluas Dan Berkesan". *Jurnal Dewan Bahasa* 33, no. 12 (1989), 937-941.

<sup>22</sup>Lihat laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 28 Feb 2012, [http://www.bhariancom.my/articles/Pelajar sekolah\\_IPT tak faham makna al-Fatihah/Article/](http://www.bhariancom.my/articles/Pelajar sekolah_IPT tak faham makna al-Fatihah/Article/).

<sup>23</sup> Maimunah Ismail, "Kemahiran Membaca Al-Quran Di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan Satu: Satu kajian Kes' . ( Tesis Fakulti Pendidikan , Universiti Malaya, 1995), 78.

<sup>24</sup> Nik Rosita Nik Yaacob ."Penguasaan Jawi Dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam ".*Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 22 (2007), 165.

<sup>25</sup> Asmawati Suhid et.al., "Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat", *Journal of Islamic and Arabic Education* 1,no.1 (2009), 16.

guru dan pengkaji sendiri di sekolah mendapati murid kurang berminat melibatkan diri dalam program kerohanian seperti ketidakhadiran ke Program Kem Bestari Solat.

Kajian yang dilakukan oleh Khuzaifah Jusoh pula berkenaan dengan pelaksanaan program j-QAF gabungan sekolah Kota Kinabalu menyatakan bahawa program j-QAF amat penting dilaksanakan dan perlu disokong oleh semua pihak agar ianya dapat melahirkan insan yang berilmu, beriman dan beramal serta berakhhlak.<sup>26</sup>

Laporan berkenaan kajian tentang j-QAF juga telah diperolehi melalui kajian yang telah dijalankan oleh Nasrudin *et al.* terhadap pelaksanaan program j-QAF KPLI LPBS SR j-QAF di sekolah-sekolah Kebangsaan KPM mendapati pelaksanaan program yang dibuat telah berjaya mencapai matlamatnya melalui P&P dengan menggunakan pelbagai jenis model mengikut komponen matapelajarannya berbanding model integrasi iaitu KAFA, SAN dan SAR yang didapati gagal mencapai matlamatnya.<sup>27</sup>

Kajian juga dilakukan oleh Sabariah Bahrun mengenai *Kajian Pelaksanaan Kurikulum j-QAF oleh Guru Pelatih IPGM kampus Kent, Tuaran, Sabah*. Hasil kajian yang dijalankan beliau menunjukkan pelaksanaan kurikulum j-QAF sememangnya penting dilaksanakan di sekolah.<sup>28</sup> Kajian tersebut merupakan kajian yang hampir dengan kajian pengkaji. Namun, kajian tersebut berbeza dengan kajian pengkaji, kerana kajian yang dijalankan beliau lebih menumpukan kepada semua model-model yang ada dalam program j-QAF. Manakala bagi kajian ini, lebih menumpukan kepada

<sup>26</sup> Khuzaifah Jusoh, “*Pelaksanaan Program j-QAF Dalam Pengajaran Pendidikan Islam KBSR Gabungan Kota Kinabalu Sabah*”. ( Kertas Projek, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 2006), 43.

<sup>27</sup> Nasrudin Bin Ismail, Ghazali Bin Darusalam, Kasim Bin Basir, Zainuddin Bin Abd Hamid& Badrul Hisham Bin Ismail, “*Kajian Pelaksanaan KPLI LPBS SR j-QAF di Sekolah-sekolah Kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia*”. ( Laporan Bahagian Pendidikan Guru, KPM, 2006), 4.

<sup>28</sup> Sabariah Bahrun, “*Kajian Pelaksanaan Kurikulum j-QAF Oleh Guru Pelatih IPGM Kampus Kent, Tuaran, Sabah*”. ( Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010), 174.

satu bentuk model sahaja iaitu pelaksanaan Kem Bestari Solat (KBS) yang merupakan satu komponan dari Program j-QAF. Ini secara tidak langsung kajian dapat difokuskan dengan lebih jelas lagi.

Justeru, kajian juga telah dibuat oleh Unit Kurikulum BPG mendapati peranan yang dijalankan guru j-QAF melaksanakan model Kem Bestari Solat (KBS) mengikut garis panduan yang dicadangkan oleh pihak JAPIM, KPM ternyata memberi impak yang positif kepada murid-murid.<sup>29</sup> Ini jelas menunjukkan bahawa segala aspek perancangan dan pelaksanaan KBS perlu diambil perhatian oleh semua pihak.

Dalam hal yang sama, didapati kajian yang dilakukan oleh Bitah Takbibola tentang teknik-teknik pengajaran guru dalam Kem Bestari Solat Program j-QAF di sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan Labuan menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan kaedah pengajaran ini ialah secara tunjuk cara atau demonstrasi<sup>30</sup>. Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar lebih yakin untuk mengambil wuduk dengan betul dan mengerjakan solat dengan betul.

Kajian turut sama dilakukan oleh Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah tentang kajian kes penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran guru cemerlang pendidikan Islam (GCPI) sekolah bandar dan luar bandar: satu kajian perbandingan mendapati bahawa tahap penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran sekolah oleh GCPI bandar adalah lebih tinggi

---

<sup>29</sup> Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru, " Kajian Tinjauan Awal Pelaksanaan Praktikum KPLI SR j-QAF Mode Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah(LPBS) Ambilan Januari 2005. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2006,

<sup>30</sup> Bitah Takbibola, "Teknik Pengajaran Guru Dalam Kem Bestari Solat Program j-QAF Di Sekolah-Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan". (Prosiding seminar Penyelidikan Pendidik IPG Kamus Dato' Razali, 2008), 11.

berbanding dengan guru GCPI di luar bandar<sup>31</sup>. Ini mempengaruhi tahap motivasi pelajar terhadap minat belajar dalam menguasai matapelajaran pendidikan Islam.

Manakala, Kajian yang dijalankan oleh Mohd Suhardi Bin Mat Jusoh pada tesis beliau mengenai *Pengabaian Solat Fardu Di Kalangan Remaja Di Daerah Pasir Puteh, Kelantan* pula menunjukkan bahawa tahap pengamalan solat fardu adalah berbeza-beza dalam kalangan remaja Islam. Buktinya peratusan pelajar remaja yang mengerjakan Solat Fardu secara konsisten hanyalah sebanyak 53.2% manakala bakinya iaitu sebanyak 46.7% berpendapat mereka tidak konsisten dalam mengerjakan solat fardu<sup>32</sup>. Hasil kajian tersebut jelas menunjukkan bahawa tidak semua pelajar remaja Islam iltizam dan konsisten dalam mengerjakan solat fardu. Beliau juga menyatakan wujudnya isu pelajar yang tidak menunaikan solat fardu adalah disebabkan oleh sikap ibu bapa mereka sendiri yang tidak mengambil berat terhadap perintah menunaikan ibadat solat di kalangan anak-anak mereka di rumah. Beliau menyarankan, pelajar Islam perlu diberi penekanan yang serius tentang asas-asas fardu ain terutama tentang ibadat solat dan rukun-rukun Islam yang lain agar mereka mendapat pengetahuan yang secukupnya dalam melaksanakan solat fardu dan rukun Islam yang lain.

Kajian yang dilakukan oleh Safori Juaini dan Ab. Halim Tamuri dalam kajian mereka terhadap 250 orang pelajar Islam luar bandar tentang solat dan penghayatan akhlak pelajar Islam luar bandar menunjukkan bahawa tahap amalan ibadat solat pelajar dalam Perkara Asas Fardu Ain dan tahap akhlak pelajar adalah berada di tahap

<sup>31</sup> Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah, “Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam(GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan”. *Jurnal Teknologi*, 56 (Sains Sosial), ( Sept 2011), 192.

<sup>32</sup> Mohd Suhardi Mat Jusoh, “*Pengabaian Solat Fardu Dikalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah Di Sekitar Daerah Pasir Puteh, Kelantan*” ( Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 56.

tinggi<sup>33</sup>. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan ibadat solat dengan akhlak pelajar.

Merujuk kajian yang dilakukan oleh Hasiah Musa dalam kajian ilmiah beliau berkenaan tentang penilaian perkara asas fardu ain dari sudut amali solat di Kedah mendapati dalam kalangan pelajar tingkatan satu hingga tiga masih terdapat pelajar yang tidak sempurna bacaan dalam solat mereka seperti bacaan doa qunut(28.3%), bacaan duduk antara dua sujud(26.6%), bacaan al-Fatihah (23.3%), bacaan ketika ruku'(10%), dan bacaan ketika sujud (10%) manakala (18.3%) dalam kalangan pelajar tidak dapat melakukan i'tidal dengan sempurna.<sup>34</sup> Hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana umur 13 hingga 15 tahun sudah sepatutnya boleh mengerjakan solat dengan lebih sempurna.

Sementara itu, kajian turut dijalankan oleh Che Ku Rahayu bt. Che Ku Long tentang kefahaman dan amalan solat fardu dalam kalangan pekerja Syarikat Percetakan The New Straits Time Press (Malaysia) Berhad di Bangsar mendapati terdapat sebilangan pekerja syarikat percetakan tersebut meninggalkan solat fardu kerana malas, sibuk bekerja dan jahil tentang Agama Islam. Beliau menyarankan agar pihak sekolah dan para guru agama memainkan peranan menjalankan pendidikan solat seperti kem motivasi solat atau program penghayatan solat.<sup>35</sup>

Kajian oleh Dayangku Intan<sup>36</sup> tentang aspek pelaksanaan sembahyang lima waktu oleh penduduk Pekan Kecil Meludam, Sri Aman, Sarawak mendapati, sebahagian besar penduduk di kawasan tersebut terutama orang dewasa yang bekerja

<sup>33</sup> Safori Juaini dan Ab. Halim Tamuri, "Solat Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Islam Luar Bandar," *Jurnal YADIM* Bil 10 (2008), 60.

<sup>34</sup> Hasiah Musa, "Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain Dari Sudut Amali Solat Di Kedah", (*Latihan Ilmiah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*, 2000), 82.

<sup>35</sup> Che Ku Rahayu bt. Che Ku Long, "Solat Fardu Dikalangan Kakitangan Syarikat Percetakan The New Straits Time Press(Malaysia), Bangsar: Satu Kajian Kefahaman dan Amalannya" (*Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*, 1999), 78.

<sup>36</sup> Dayangku Intan, "Pelaksanaan Sembahyang Lima Waktu : Satu Tinjauan di Pekan Kecil Meludam,Sri Aman, Bahagian Kedua, Sarawak" (*Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*, 1991), 109.

sebagai nelayan meninggalkan solat fardu. Mereka meninggalkan dengan alasan kesibukan bekerja dan tidak tahu cara sembahyang dengan betul.

Dapatan kajian dari Muhammad Zakaria yang bertajuk *Amalan Sembahyang Fardu Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Di Beberapa Buah Sekolah Di Kota Bharu* menunjukkan ramai di antara pelajar-pelajar sekolah tersebut mengabaikan solat fardu lima waktu.<sup>37</sup> Ini menunjukkan amalan solat fardu diperingkat pelajar sekolah masih rendah.

Isyah Radhiah Idris menyatakan melalui hasil kajian sarjananya yang bertajuk *Pendidikan Solat Oleh Ibubapa Terhadap Anak-anak Dan Remaja Di Kota Bharu, Kelantan* bahawa penekanan pendidikan solat terhadap anak-anak amat penting terutama ketika usia kanak-kanak mencapai 4 hingga 7 tahun. Ini kerana kanak-kanak lebih mudah dibentuk, mudah diajak mengerjakan kebaikan dan lebih suka meniru perbuatan ibu bapanya.<sup>38</sup> Kajian ini hanya menumpukan kepada cara pendidikan solat oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka tanpa menyentuh tentang penekanan terhadap penguasaan rukun solat yang dilaksanakan di sekolah .

Seterusnya, kajian telah dijalankan oleh Habibah Othman yang menumpukan tentang aspek cara dan pelaksanaan solat fardu di kalangan pesakit Islam di Pusat Rawatan Islam ( PUSKAWI ) Kuala Lumpur membuktikan bahawa terdapat ramai di antara pesakit-pesakit tersebut meninggalkan solat fardu kerana tidak memahami tuntutan solat fardu yang mesti dikerjakan pada bila-bila masa sama ada di dalam sihat

---

<sup>37</sup> Muhammad Zakaria, "Amalan Sembahyang Fardu Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Di Beberapa Buah Sekolah Di Kota Bharu" (Kertas Projek Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1991), 89.

<sup>38</sup> Isyah Radhiah Idris, "Pendidikan Solat Oleh Ibubapa Terhadap Anak-anak dan Remaja Di Kota Bharu, Kelantan" (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 65.

ataupun sakit.<sup>39</sup> Hal ini menunjukkan tahap penguasaan untuk melaksanakan solat fardu dalam keadaan darurat masih rendah.

Kajian yang dilakukan oleh Hafidzah Bte Md Shah<sup>40</sup> tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar meninggalkan solat: satu kajian di Daerah Segamat, Johor mendapati bahawa faktor diri dan faktor keluarga mempengaruhi pelajar pada tahap yang rendah manakala faktor masyarakat persekitaran, faktor rakan dan faktor sekolah mempengaruhi pelajar pada tahap yang sederhana. Faktor yang paling dominan mempengaruhi pelajar ialah faktor rakan. Keputusan ujian-t pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dan segi faktor diri berdasarkan jantina manakala faktor keluarga, faktor masyarakat persekitaran, faktor rakan dan faktor sekolah tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Keputusan korelasi Pearson menunjukkan kelima-lima faktor yang dikaji mempunyai hubungan yang signifikan di antara satu sama lain. Ini jelas menunjukkan faktor persekitaran dapat mempengaruhi amalan seseorang.

Siti Rokiah Abdul Ghani dalam kajiannya mendapati bahawa tahap amalan solat dan tahap akhlak pelajar adalah berada pada tahap tinggi.<sup>41</sup> Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat berdasarkan jantina tetapi terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat berdasarkan pencapaian dalam Pendidikan Islam bagi penilaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

---

<sup>39</sup> Habibah Othman, “Cara dan Pelaksanaan Solat Fardu di Kalangan Pesakit Islam: Satu Kajian di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) Kuala Lumpur” (Kertas Projek Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1988), 100.

<sup>40</sup> Hafidzah Md Shah, “Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Meninggalkan Solat: Satu Kajian Di Daerah Segamat, Johor” (Disertasi Sarjana Pendidikan Islam, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 84.

<sup>41</sup> Siti Rokiah Abdul Ghani, “Amalan Solat Di Kalangan Pelajar: Kajian Di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (Ciast), Shah Alam, Selangor” (Disertasi Sarjana Pendidikan Islam, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007), 92.

Kajian yang dilakukan oleh Shairozi Hashim pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman perkara asas fardu ain dan amalannya dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor jantina, lokasi tempat tinggal dan jenis aliran sekolah. Hasil kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman perkara asas fardu ain dengan amalannya di kalangan pelajar.<sup>42</sup>

Berdasarkan kajian Asmawati Suhid dan Lukman Abdul Mutalib pula dalam artikel penerbitan mereka menjelaskan Pendidikan Islam amat menekankan kepada aspek pengetahuan dan penghayatan. Para guru j-QAF yang dikaji memperlihatkan bahawa mereka menyedari hal ini di mana mereka mengakui lebih menekankan kepada aspek penghayatan dalam pengajaran solat dan bersedia memperuntukkan waktu untuk menanamkan dalam jiwa murid rasa cinta untuk mengamalkan solat.<sup>43</sup>

Ini bersesuaian dengan pandangan Ghazali Basri yang menyatakan bahawa kefahaman yang jelas mengapakah kita solat dan apakah pengertian solat yang sebenar dalam kehidupan amat penting diberi penekanan kepada anak-anak. Sekiranya perkara ini tidak diberi penjelasan, maka solat itu akan bersifat ritual sahaja dan perlakuannya bersifat mekanistik.<sup>44</sup>

Ibrahim Bin Mohamad dalam kajian sarjananya memfokuskan pandangan murid mengenai fungsi, peranan dan aktiviti surau sekolah. Sejauhmana ianya dapat membentuk sahsiah murid Islam. Di samping itu kajian ini juga melihat persepsi murid-murid Islam terhadap model usrah sebagai satu program penting dalam

<sup>42</sup> Shairozi Bin Hashim, “Tahap Kefahaman Perkara Asas Fardhu Ain dan Amalannya Di Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam, Selangor” (Disertasi Sarjana Pendidikan Islam, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 104.

<sup>43</sup> Asmawati Suhid et al, “Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat,” Journal of Islamic and Arabic Education 1(1), Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia, (2009), 15-28.

<sup>44</sup> Ghazali Basri, “Gejala samseng di sekolah. Apa usaha kita?,” Jurnal Pendidikan Islam 10, no.4, (Februari 2004), 88.

pembina sahsiah murid.<sup>45</sup> Walaupun kajian yang dibuat ini berkaitan dengan dakwah di sekolah namun tidak menyeluruh.

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, maka pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian berkaitan solat oleh para pengkaji terdahulu. Namun, apa yang membezakan di antara kajian ini dengan kajian-kajian lepas di atas adalah tertumpu kepada Penguasaan murid dari segi bacaan, amalan dan tingkah laku dalam solat terhadap Model-model berikut seperti Kem Bestari Solat (KBS), kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dan Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA).

---

<sup>45</sup> Ibrahim Bin Mohamad, “Peranan Surau Sekolah Dalam Pembangunan Sahsiah Murid Islam Di Sekolah Menengah Daerah Kulai, Johor”. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2004), 56.

## BAB 2

### PELAKSANAAN RUKUN SOLAT DALAM MODEL KEM BESTARI SOLAT

#### 2.1 PENDAHULUAN

Bab ini menghuraikan tentang konsep pendidikan Islam, pandangan fuqahā' tentang rukun-rukun solat, model Kem Bestari Solat (KBS) dan pelaksanaannya.

#### 2.2 PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran wajib bagi semua peringkat persekolahan. Langkah ini adalah selaras dengan pernyataan bahawa Islam adalah Agama Persekutuan dalam Perlembagaan Malaysia<sup>46</sup>. Pendidikan Islam bermaksud suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang menghimpunkan beberapa suruhan, tegahan, hukum-hukum, adab-adab, kelebihan dan kewajipan pelajar yang dibantu dengan menggunakan bahan pengajaran yang berdasarkan kepada al-Quran dan al-Hadith<sup>47</sup>.

Menurut Muhammad Munir Musa, Pendidikan Islam adalah proses pengajaran dan pembelajaran yang disandarkan kepada ‘*manhaj*’ dan ‘*asālib*’ ajaran Islam bagi mencapai tujuan mencari ilmu, kemahiran dan pengalaman. Beliau menjelaskan

---

<sup>46</sup>Abdul Rasyid Ahmad, Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) : Satu Analisis Dari Perspektif Pendidikan Luqman, *Jurnal Usuluddin*, Bil 4, (Mei 1996), 28.

<sup>47</sup>Abdul Qādir Syeikh Idris, *al-Tarbiyyah al-Islāmiyah wa Ṭuruq al-Tadrīṣūkh*, Sudan: Dār al-Sudaniyyah, 1978, 15.

pendidikan (*al-Tarbiyah*) adalah sinonim dengan perkataan ‘*al-Ta’lim*’, ‘*al-Ādab*’ dan ‘*al-Tahdhīb*’<sup>48</sup>.

Pendidikan Islam juga diertikan dengan *al-Ta’lim* iaitu ajaran dan *al-Tarbiyyah* iaitu didikan, Perkataan *tarbiyyah* dikhkususkan kepada pendidikan kanak-kanak kerana perkataannya berasal daripada kalimah ‘*rab*’ yang memberi erti persediaan dan amalan yang mengembangkan potensi-potensi keagamaan (ketuhanan) insan, manakala *ta’līm* diambil daripada kalimah ‘*ilm*’ yang bererti proses memberi pengetahuan kepada manusia yang merujuk kepada pendidikan dewasa<sup>49</sup>.

Sistem pendidikan Islam yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada falsafah pendidikan Islam “*Pendidikan Islam adalah satu usaha yang berterusan dalam menyampaikan ilmu, membentuk kemahiran dan memupuk penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah sepanjang hayat bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat*”<sup>50</sup>.

Secara umumnya, tujuan utama pendidikan Islam adalah memberikan tumpuan yang seimbang dalam melahirkan insan yang bertakwa kepada Allah S.W.T. Maka proses untuk manusia yang beriman kepada Allah, melakukan amal soleh amat diberikan tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan.

<sup>48</sup> Muhammad Munir Musa, *al-Tarbiyah al-Islāmiyah: Uṣūluha wa Taṭawwiruhā fī al-Bilad Bi al-Arab*, (Kaherah: ‘Alām al-Kitāb, 1984), 29.

<sup>49</sup> Abdul Fatah Jalal, *Min al-Usul al-Tarbiyah fī al-Islām*, Kaherah: Dār al-Ma’ārif, 1977, 24.

<sup>50</sup> Falsafah, Matlamat dan Objektif Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah’ (Kertas Kerja Bahagian Pendidikan Islam Dibentangkan Dalam Kursus Orientasi Kakitangan Sumber Pendidikan Islam KBSM di Pusat Perkembangan Kurikulum, Mac 1988, 12.

Ini jelas melalui falsafah pendidikan Islam yang menekankan bahawa matlamat yang ingin dicapai ialah kebahagiaan di dunia dan akhirat. Sudah pasti ia berasaskan kepada keimanan yang mantap kepada Allah S.W.T. Dalam usaha untuk membuktikan keimanan dan keyakinan kepada Allah, seseorang mesti mematuhi segala tuntutan syariat Islam khususnya yang berkaitan dengan ibadah fardu ain seperti solat, puasa dan sebagainya.

Dalam Islam, solat merupakan satu bentuk peribadatan yang sangat penting<sup>51</sup> dan merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah *syahadah*<sup>52</sup>. Selaras dengan itu, bagi memperkasakan pendidikan Islam khususnya dalam penghayatan ibadah maka model Kem Bestari Solat (KBS) program j-QAF telah diperkenalkan pada tahun 2004 dan diperluaskan pelaksanaannya pada tahun 2005 hingga ke hari ini. Secara umum, objektif Model KBS ini adalah untuk memastikan murid dapat menuaikan solat dengan sempurna dari segi bacaan, perbuatan, ilmu pengetahuan dan penghayatan. Dari segi pelaksanaannya selain dalam program yang dijalankan empat kali setahun, aspek solat ini juga diberi penekanan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran *Ulum Syari'ah* dalam pendidikan Islam.

---

<sup>51</sup>Sa'id Ḥawā, *al-Islām* ( Kaherah: Dār al- Salām, 2001), 101.

<sup>52</sup>Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* dalam Ahmad Adnan Fadzil, *Jihad Peperangan Rasulullah S.A.W.*, (Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, 2001), 38

## **2.3 RUKUN SOLAT MENURUT PANDANGAN FUQAHĀ'**

Rukun solat adalah perkara yang sebahagian daripada solat dan bergantung kepadanya sah solat itu. Solat secara amnya mempunyai tiga belas rukun yang terdiri daripada beberapa bahagian. Bahagian tersebut ialah rukun *qalbi*, rukun *qawli* dan rukun *fi'li*. Beberapa pandangan *fuqahā'* berkaitan rukun solat juga telah dijadikan sebagai panduan dalam model ini.

### **2.3.1 PENGERTIAN SOLAT MENURUT BAHASA**

Perkataan “ Solat ” adalah diambil dari bahasa Arab. Ia adalah kata nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja (*fi'lī*) ; *ṣollā*, *yuṣollī*, *ṣolāṭān* yang memberi maksud doa, *al-istighfar*, *al-maghfirah*, *al-rahmah*, *al-Islam*, *al-din*<sup>53</sup>.

Allah S.W.T berfirman dalam ayat seperti berikut:

وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوةَكَ سَكُونٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ  
Al-Taubah 9: 103

Maksudnya:

*Dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha mendengar, lagi Maha mengetahui.*

---

<sup>53</sup> Al-Mu'jam al-Arabi al-Asāsi, (Kaherah: al-Manzimah al-Arabiyah Li al-Tarbiah Wa al-Thaqofah Wa al-Ulum, 1999) 1:746

Dalam bahasa Melayu pula, solat diertikan sebagai sembahyang iaitu perbuatan menyembah Allah dan secara khususnya ia dilaksanakan di dalam Solat fardu yang lima<sup>54</sup>.

Dalam al-Quran, lafaz al-Solat telah disebut sebanyak 66 kali.<sup>55</sup> Lafaz ini digunakan untuk menunjukkan dua pengertian yang berbeza samaada untuk menerangkan maksud solat itu sendiri iaitu solat fardu atau maksud yang lain selain dari erti solat fardu. Penggunaannya lafaz *al-ṣolāh* boleh dilihat di dalam kebanyakan ayat-ayat al-Quran, antara contohnya seperti berikut:

*Al-Ṣālāt* bermaksud *al-rahmah* seperti dalam ayat berikut:

أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهَتَّدُونَ  
Al-Baqarah 2:157

Maksudnya:

*Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagi kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmatNya; dan mereka itulah orang-orang yang dapat petunjuk hidayahNya.*

Dinamakan solat kerana ia meliputi doa, sebagai menyebut nama sebahagian atas keseluruhannya.<sup>56</sup>

<sup>54</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4, ( Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1435.

<sup>55</sup> Hussain Muhammad Fahmi al-Shafi'e, *Al-Dalil al- Fahrīs Li al-fāz al-Qurān al-Karīm* (Kaherah: Dār al-Salām, 1998) , 470.

<sup>56</sup> Mustafa al-Khan, Mustafa al-Bugha dan 'Ali al-Syarbajī, *Al-Fiqh al-Manhājī 'Alā al-Mazhab al-Shāfi'i* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1998) , 1: 9

### **2.3.2 PENGERTIAN SOLAT MENURUT ISTILAH FIQH**

Para *fuqahā'* telah mendefinisikan solat kepada pelbagai ta'rif. Menurut istilah fiqh, Solat memberi maksud beberapa perkataan dan perbuatan yang didahului dengan takbir dan diakhiri dengan salam, mengikut syarat-syarat tertentu.<sup>57</sup>

### **2.3.3 WAKTU-WAKTU SOLAT**

Solat yang difardukan ke atas setiap orang Islam adalah lima waktu sehari semalam iaitu Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan *Isya*<sup>58</sup>. ketetapan ini sepertimana yang dinyatakan dalam nas al-Quran dan diterangkan dalam sunnah Nabi. Firman Allah S.W.T dalam al-Quran iaitu:

أَقِمِ الصَّلَاةَ لِدُلُوكِ الشَّمْسِ إِلَى غَسِيقِ الْلَّيْلِ وَقُرْءَانَ الْفَجْرِ  
كَاتِبٌ مَّشْهُودًا

Al-Isra' 17: 78

Maksudnya:

*Dirikanlah olehmu sembahyang ketika gelincir matahari hingga waktu gelap malam, dan (dirikanlah) sembahyang subuh, sesungguhnya sembahyang subuh itu adalah disaksikan (keistimewaannya).*

Manakala hadith yang menjelaskan tentang waktu solat dalam sunnah Rasulullah iaitu:

<sup>57</sup> Al-Syarbini, *Al-Iqna' Fi Hal Al-Faṣṣ Abi Ṣyūjā'*, (Beirut: Dār al-Kutub ‘Ilmi’ah, 1999), 1: 257

<sup>58</sup> *Ibid.*

فرض الله على أمي ليلة الاسراء خمسين صلاة، فلم أزل أراجعه وأسئلته التحفييف حتى جعلها خمسا في كل يوم وليلة.

Maksudnya:

Telah difardukan solat ke atas umatku pada malam *isra'* lima puluh waktu, maka aku tidak mampu melaksanakannya dan aku minta diringankannya sehingga menjadi lima waktu sehari semalam.<sup>59</sup>

#### 2.3.4 HUKUM DAN SYARAT WAJIB SOLAT

Syarat wajib solat perlu diambil perhatian oleh umat Islam kerana ia penting. Tanpa pengetahuan mengenainya, solat yang dilakukan tidak sah dan sia-sia. Begitu juga dengan amalan yang lain sekiranya dilakukan tanpa ilmu, nescaya ia tidak menepati kehendak asal dan sia-sia sahaja.

Solat adalah fardu ain. Oleh yang demikian, penekanan perlu diberikan sebelum mengerjakan ibadat solat. Antara syarat-syarat wajib solat adalah seperti berikut:<sup>60</sup>

##### 1. Islam.

Ibadah solat diwajibkan ke atas semua orang Islam termasuk lelaki dan perempuan. Menurut pandangan jumhur ulama, ia tidak diwajibkan ke atas orang bukan Islam dan tidak perlu *dīqada'kan* apabila mereka masuk Islam berdasarkan ayat suci al-Quran tersebut:

<sup>59</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, *kitab al-Solat*, Bab kaifa furidat al-Solāh, no. Hadith 458. Lihat Ibn Hajar al-‘Aṣqolānī, “Fathul al-Bārī Bi Syarah Shahih al-Bukhārī” (Beirut: Dār al-Fikr, 1993), 2: 4.

<sup>60</sup> Ibid., 312

قُل لِّلَّذِينَ كَفَرُوا إِن يَنْتَهُوا يُغْفَرْ لَهُم مَا قَدْ سَلَفَ وَإِن يَعُودُوا فَقَدْ مَضَتْ

سُنْنَتُ الْأَوَّلِينَ

Al-Anfal 8:38

Maksudnya:

*Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang yang kafir itu, jika mereka berhenti (dari kekufurannya), nescaya akan diampunkan dosa mereka yang telah lalu.*

## 2. Baligh.

Kanak-kanak yang belum cukup umur mencapai usia baligh, mereka tidak diwajibkan menunaikan solat. Walaubagaimana pun, ibubapa wajib menyuruh anak-anak solat apabila mereka sudah mencapai usia tujuh tahun dan mereka boleh dipukul dengan pukulan untuk mendidik supaya mereka dapat membiasakan diri dengan ibadah solat. Berdasarkan hadith seperti berikut:

مرروا أولادكم بالصلوة وهو أبناء سبع سنين، واضربوهم عليها وهو أبناء عشر سنين، وفرقوا بينهم في المضاجع.

Maksudnya:

*Suruhlah anak-anak kamu dengan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka kerana sembahyang ketika mereka berumur sepuluh tahun dan pisahkan antara mereka (lelaki dan perempuan) di tempat tidur.<sup>61</sup>*

<sup>61</sup> Hadith riwayat Abū Daud, Sunnan Abū Daud, No. Hadith 494. Lihat dalam ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan. *Al-Tarbiyah al-Awlād*, 118.

### 3. Berakal

Orang Islam yang sudah berakal diwajibkan ke atasnya solat kerana mereka terikat dengan hukum-hukum *syari'at* yang lahir atasnya taklif-taklif dan tanggungjawab. Manakala yang tidak waras akalnya, mereka tidak diwajibkan menunaikan solat.

### 4. Suci daripada haid dan nifas bagi perempuan.

Bagi wanita yang kedatangan haid dan nifas tidak diwajibkan menunaikan solat. Mereka perlu suci daripada haid dan nifas tersebut sebelum boleh mula menunaikan solat. Ini berdasarkan hadith bahawa Rasulullah bersabda:

لا تقبل صلاة غير طهور

Maksudnya:

Tidak diterima solat bagi orang yang tidak suci.<sup>62</sup>

### 2.3.5 SYARAT-SYARAT SAH SOLAT

Setiap umat Islam perlu mengetahui syarat-syarat sah solat. Ini penting untuk memastikan solat yang dikerjakan sah atau terbatal. Antara syarat-syaratnya seperti berikut:<sup>63</sup>

#### 1. Suci daripada hadas kecil dan besar.

---

<sup>62</sup> Hadith riwayat al-Muslim, Kitab al-Solat, Bab al-Solat, No. Hadith 224. Lihat al-Imam al-Nawawi, “Sahīḥ Muslim (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1998), 246.

<sup>63</sup> Muṣṭafā et al., “al-Fiqh al-Manhājī ‘Ala Mazhab al-Imam al-Shāfi‘ī’, (Damsyik: Dār al-Qalam, 1998)”, 1: 122.

2. Bagi yang berhadas mereka perlu suci daripada hadas besar dan hadas kecil dengan berwuduk, mandi atau dengan bertayamum. Ini berdasarkan ayat dalam al-Quran seperti berikut:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الْصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى  
 الْمَرَاقِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسَكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهِرُوا  
 وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَابِطِ أَوْ لَمْسَتُمْ  
 النِّسَاءَ فَلَمْ تَحْدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيْكُمْ  
 مِنْهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرُكُمْ وَلِيُتِيمَ  
 نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١﴾

Al-Ma''idah 5:6

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib; dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan*

*tanah - debu yang bersih, iaitu: sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah - debu itu.*

Setiap muslim perlu memastikan pakaian dan tempat untuk mereka menunaikan solat suci daripada segala jenis termasuk najis ringan dan yang berat. Sekiranya tempat solat itu ada najis tetapi tidak tersentuh pada badan ketika solat, maka dikira sah solatnya.<sup>64</sup>

### 3. Mengetahui masuknya waktu solat.

Setiap orang yang mahu melaksanakan ibadah solat, wajib mengetahui dengan yakin bahawa waktu solat yang dilakukannya telah masuk waktunya. Ini berdasarkan firman Allah dalam ayat berikut:

إِنَّ الْصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

Al-Nisa' 4:103

Maksudnya:

*Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.*

### 4. Menutup aurat.

Jumhur ulamak berpendapat, menjadi kewajipan orang yang menunaikan solat itu menutup aurat sama ada dia bersolat di tengah khalayak ataupun seorang

---

<sup>64</sup> *Ibid.*, 123.

diri atau di tempat yang gelap. Ini berdasarkan nas suci dalam al-Quran seperti berikut:

يَبْنِي إِادَمَ خُذُوا زِينَتُكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ

Al-A'raf 7:31

Maksudnya:

*Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang).*

## 5. Menghadap kiblat.

Ulamak telah bersepakat bahawa menghadap kiblat adalah syarat sah solat. Ini berdasarkan pada ayat berikut:

وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ

فَوَلُوا وُجُوهَكُمْ شَطْرًا لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا

مِنْهُمْ فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَأَخْشَوْنِي وَلَا تَمْ بَعْمَقِي عَلَيْكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Al-Baqarah 2:150

Maksudnya:

*Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjid Al-Haram (Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya.*

### **2.3.6 RUKUN SOLAT**

Rukun solat adalah perkara utama dan penting dalam menunaikan ibadah solat. Sekiranya rukun ini ditinggalkan dan diabaikan, maka ibadah solat tersebut dianggap tidak sah menurut hukum syarak.<sup>65</sup> Rukun ini tidak akan tergugur disebabkan lupa atau jahil. Oleh yang demikian, solat seseorang tidak akan sempurna tanpa rukun.

#### **Pengertian Rukun Menurut Bahasa**

Perkataan rukun berasal dari bahasa Arab iaitu *rakana*, *yarkunu*, *raknan* wa *rukunan*.<sup>66</sup> Pengertiannya dari segi bahasa memberi erti tiang, kayu penyokong, sudut yang kuat bagi sesuatu, unsur utama atau bahagian asas.<sup>67</sup>

#### **Pengertian Rukun Menurut Istilah Fiqh**

Para fuqahā' telah menyatakan rukun solat dari sudut istilah fiqh iaitu perkara-perkara yang perlu dilakukan ketika solat dalam bentuk amalan hati, pertuturan atau perbuatan yang khusus dan tidak sah solat seorang itu jika salah satu daripada rukun-rukunnya diabaikan.<sup>68</sup>

Dalam al-Quran al-Karim, terdapat beberapa ayat yang menerangkan berkaitan rukun solat seperti berikut:

1. *Al-qiām*, seperti firman Allah S.W.T di dalam ayat berikut:

---

<sup>65</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, ( Kaherah: Dār al-Fath Li al-‘Ilam al-Arabi, 1999 ), 1:157.

<sup>66</sup> *Mu’jam al-‘Arabi al-Asāfi*, 548.

<sup>67</sup> Mustafa et al., “*al-Fiqh al-Manhāji ‘Ala Mazhab al-Imam al-Shāfi’i*”,(Damsyik: Dār al-Qalam, 1998)”, 130

<sup>68</sup>*Ibid.*

حَفِظُوا عَلَى الصَّلَاةِ وَالصَّلَاةُ الْوُسْطَىٰ وَقُوْمُوا لِلَّهِ قَبْنِتِينَ

Al-Baqarah 2 : 238

Maksudnya:

Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) Segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang wusṭa (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk.

2. *Qiraat al-Fatihah*, seperti firman Allah di dalam ayat berikut:

فَاقْرُءُوا مَا تَيَسَّرَ مِنَ الْقُرْءَانِ عَلِمَ أَن سَيَكُونُ مِنْكُمْ مَرْضَىٰ وَءَآخَرُونَ يَضْرِبُونَ  
فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَءَآخَرُونَ يُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَاقْرُءُوا مَا  
تَيَسَّرَ مِنْهُ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الْزَكُوَةَ وَأَقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا وَمَا تُقَدِّمُوا  
لِأَنفُسِكُمْ مِنْ حَيْرَ تَجْدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا وَأَسْتَغْفِرُوا اللَّهَ إِنَّ

اللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Al-Muzammil 73 : 20

Maksudnya:

Maka bacalah mana-mana yang mudah kamu dapat membacanya dari Al-Quran (dalam sembahyang). ia juga mengetahui bahawa akan ada di antara kamu orang-orang yang sakit; dan yang lainnya orang-orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah; dan yang lainnya lagi orang-orang yang berjuang pada jalan Allah (membela ugamanya). maka bacalah mana-mana yang sudah kamu dapat membacanya dari Al-Quran;

*dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat; dan berilah pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (ikhlas). dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekalan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah, sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalaNya dan mintalah ampun kepada Allah; Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.*

3. *Al-Ruku'*, seperti firman Allah di dalam ayat berikut:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَافْعُلُوا الْحَيْز

لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

Al-Hajj 22: 77

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman, ruku'lah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang), dan beribadatlah kepada tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).*

4. *Al-Sujud*, seperti firman Allah di dalam ayat berikut:

كَلَّا لَا تُطِعْهُ وَاسْجُدْ وَاقْتَرِبْ ﴿٩٦﴾

Al-Alaq 96 : 19

Maksudnya:

*Ingatlah! janganlah engkau (wahai Muhammad) menurut kehendaknya, dan (sebaliknya) sujudlah dan dampingkanlah dirimu kepada Allah (dengan taat dan beramal soleh)!*

### 2.3.7 PENDAPAT PARA FUQAHĀ' TENTANG RUKUN SOLAT

Perumpamaan rukun-rukun di dalam solat ibarat tiang kepada sebuah rumah. Jika rumah itu dibina tanpa tiang, maka rumah itu tidak boleh didirikan. Sama juga dengan solat, jika tidak mempunyai rukun-rukunnya, solat yang dilakukan adalah tidak sah. Sekiranya seseorang itu terlupa mengerjakan salah satu daripada rukun solat, dia perlu mengantikannya tetapi jika seseorang melakukannya dengan sengaja, maka solatnya adalah tidak sah.

Ulama telah berbeza pendapat dalam menentukan jumlah rukun solat. Sebahagian ulama *Syafi'i* berpendapat bahawa rukun solat berjumlah lapan belas.<sup>69</sup> Sebahagian ulama yang lain dari mazhab *Syafi'i* pula berpendapat rukun solat itu berjumlah tujuh belas rukun. Terdapat juga yang mengatakan jumlahnya empat belas<sup>70</sup> dan tiga belas sahaja. Walaubagaimanapun, sama ada ia berjumlah 13, 14, 17 atau 18, semua pendapat tersebut adalah betul.

Pendapat yang mengatakan rukun solat itu terdiri dari 17 rukun ialah hanya menolak rukun iaitu niat keluar dari solat semasa memberi salam ke kanan dan ke kiri. Mereka berpendapat hal ini hanyalah sunat sahaja memadai dengan mengucapkan “

<sup>69</sup> Qadli Abū Syuja' al-Ashfahani, *al-Ghayah Wa al-Taqrīb*, terj. K.H. Siradjuddin 'Abbas (Jakarta: Pustaka Tarbiah, 1978), 36.

<sup>70</sup> Abī Bakar bin Muhammad Ṣhāṭo ḥimyāṭī, *I'ānah al-Tālībīn* (Beirut: Dār al-Fikr, 1998), 1:206.

*Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh.*” Ulama yang berpegang kepada 18 rukun berpendapat bahawa niat keluar dari solat semasa memberi salam ke kanan dan ke kiri adalah wajib. Manakala ulama yang berpendapat bahawa rukun solat ada 14 telah menolak tiga rukun dari 17 rukun tadi. Rukun yang mereka tolak ialah *tama’ninah* iaitu *tama’ninah* ketika *rukū’*, *tama’ninah* ketika *i’tidal* dan *tama’ninah* di antara dua sujud.

Menurut Imam al-Nawawi dalam karangan kitab *Qalyūbi wa al-‘Umairah*, rukun solat ada 13 kerana beliau tidak memasukkan *tama’ninah* sebagai salah satu rukun. Beliau berpendapat bahawa *tama’ninah* telah pun termasuk di dalam *rukū’*, sujud, duduk di antara dua sujud dan ketika *i’tidal*.<sup>71</sup> Oleh yang demikian, 13 rukun solat ini tidak boleh ditolak lagi.

Menurut karangan Ibn Qadāmah dalam *kitab al-Mughni*, kesemua empat mazhab utama dalam fiqh seperti mazhab Hanafi, Maliki, *Syafī’i* dan Hanbali telah bersepakat dalam enam rukun solat sahaja. Rukun tersebut adalah:

1. Takbiratul ihrām.
2. Berdiri (bagi yang berkemampuan).
3. Membaca ayat al-Quran.
4. *Rukū’*.
5. Bangkit daripada *rukū’* dan *i’tidal*.
6. Sujud dua kali bagi setiap rakaat.

---

<sup>71</sup> Shahābuddin al-Qalyūbi dan Umairah, *Qalyūbi Wa Ummārāh*, (Kaherah: Maktabah Al-Taufiqiyah, 1996), 1: 139.

Manakala baki rukun-rukun yang lain pula terdapat perbezaan pandangan dikalangan mereka pula seperti di bawah :

1. Duduk antara dua sujud.
2. Duduk *Tahiyyāt* awal sehingga selawat Nabi. Rukun dan wajib di sisi mazhab *Syafī'i* dan mazhab Hanbali. Mazhab Hanafi dan Mazhab Maliki hanya mewajibkan duduk sebentar sekadar duduk tasyahud sahaja.<sup>72</sup>
3. Lafaz salam. Salam pertama adalah rukun dan fardu pada pandangan mazhab *Syafī'i* dan Hanbali. Manakala pada pandangan mazhab Hanafi ia adalah wajib.
4. *Tama'ninah* dalam perbuatan tertentu. Pada pandangan jumhur, *tama'ninah* adalah rukun dalam perbuatan, *i'tidal*, sujud dan duduk antara dua sujud. Manakala di sisi mazhab Hanafi ianya adalah wajib.
5. Tertib adalah rukun di sisi jumhur kecuali mazhab Hanafi.<sup>73</sup>

Pada pandangan mazhab *Syafī'i* menetapkan bilangan rukun atau fardu solat ialah 13 perkara<sup>74</sup>. Sekiranya salah satu daripadanya tidak dilaksanakan ketika menunaikan solat, maka solatnya tidak sah. Ia wajib dilaksanakan mengikut urutan yang ditetapkan tanpa mendahului antara satu sama lain.

<sup>72</sup> Abd. Rahman āl-Jāzīrī, *Kitab al-Fiqh 'Ala āl-Māzāḥīb āl-Ārbā'āḥ* (Beirut: Dar al-Kutub 'Ilmiyah, 1990), 1: 199.

<sup>73</sup> *Ibid.*, 215.

<sup>74</sup> Shamsuddin Muhammad bin Muhammad al-Khatib al-Syarbinī, *al-Mughnī al-Muhtaj* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1994), 1:340.

Bilangan rukun solat menurut mazhab *Syafi'i* adalah seperti berikut :

1. Niat.

Niat solat hendaklah disertakan ketika takbiratul ihram, tetapi disunatkan melafazkannya sebelum berniat solat. Seperti firman Allah dalam ayat berikut:

وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لِهِ الدِّينَ حُنَفَاءٌ وَّيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكُوَةَ

وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٩﴾

Al-Bayyinah 98:5

Maksudnya:

*Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. dan yang demikian itulah ugama yang benar.*

Hadith Nabi S.A.W:

إِنَّمَا الْأَعْمَالَ بِالنِّيَاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَّا نَوَى.

Maksudnya:

*Sesungguhnya segala perbuatan bergantung kepada niat dan setiap manusia akan mendapat sekadar apa yang diniatkaninya.<sup>75</sup>*

Terdapat beberapa pendapat ulama tentang niat dalam rukun solat ini, Pendapat *Al-Shāfi'iyyah* dan *al-Maliki* mengatakan bahawa niat itu adalah rukun pada tiap-tiap solat fardu atau sunat. Manakala pendapat *Hanafiyyah* dan *Hambaliyyah* berpendapat

<sup>75</sup> Ahmad Bin ‘Ali Bin Hajar al-‘Asqolānī, *Fathul al-Bārī Bi Syarah Sahih al-Bukhārī*( Beirut: Dār al-Fikr, 1993), 1: 18

bahawa niat adalah menjadi syarat sahnya solat sama ada solat lima waktu atau pun solat sunat.<sup>76</sup>

2. Berdiri bagi yang mampu ketika solat fardu dan bagi yang tidak mampu, disebabkan sakit dan sebagainya boleh melakukannya secara duduk, berbaring, terlentang, atau dengan isyarat. Seperti firman Allah S.W.T dalam ayat berikut:



حَفِظُوا عَلَى الصَّلَاةِ وَالصَّلَاةُ الْوُسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَبْتَيْنَ

Al-Baqarah 2 : 238

Maksudnya:

*Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang Wusta (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk.*

Hadith Nabi S.A.W :

كانت بي بواسير فسألت النبي صلي الله عليه وسلم عن الصلاة؟ فقال: صل قائما فإن لم تستطع فقاعدًا فإن لم تستطع فعلى جنب.

Maksudnya:

*Saya terkena sakit buasir, maka saya tanyakan kepada Nabi S.A.W mengenai solat, maka Nabi bersabda: Solatlah dengan berdiri jika*

<sup>76</sup> Syed Hamid al-Habsyi, *Penghayatan Solat Pengertian Tentang Sembahyang* ( Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara, 1993), 128.

*kamu kuasa, maka duduklah jika kamu tidak kuasa dan baringlah jika kamu masih tidak kuasa.*<sup>77</sup>

### 3. Takbiratul Ihram.

Takbiratul Ihram hendaklah dengan lafaz *Allahuakbar*. Jika menggunakan kalimah lain maka takbirnya tidak sah. Seperti hadith Nabi S.A.W:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ إِذَا قَامَ لِلصَّلَاةِ رَفَعَ يَدِيهِ ثُمَّ كَبَرَ .

Maksudnya:

*Sesungguhnya Rasullullah S.A.W apabila telah berdiri untuk mengerjakan solat, beliau mengangkat kedua-dua belah tangannya, setelah itu baru beliau bertakbir.*<sup>78</sup>

### 4. Membaca surah *al-Fatiyah*.

Ulama fiqh telah membahaskan tentang kepentingan membaca surah al-Fatiyah dalam solat, sama ada ketika solat bersendirian maupun solat berjemaah. Membaca al-Fatiyah diwajibkan pada tiap-tiap rakaat. Penjelasan para ulama tersebut berpandukan kepada nas al-Quran dan al-Hadith seperti berikut:

Firman Allah S.A.W dalam al-Quran:

فَاقْرُءُوا مَا تَيَسَّرَ مِنَ الْقُرْءَانِ ﴿٧٣﴾

Al-Muzammil 73:20

<sup>77</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah, *Kitab al-Sunnah*, Bab Iqamah al-Solah, no. Hadith 1223. Abī al-Hassan al-Hanafi, Sunan Ibn Mājah, (Beirut: Dār al-Ma’rifat, 2000), 2: 70.

<sup>78</sup> Hadith riwayat al-Muslim, *Kitab al-Solat*, Bab Istihbab Raf'a al-Yada'īn Khazu al-Munkabina Ma'a Takbitatul al-Ihram, No. Hadith 860. Lihat Imam al-Nawawi, "Sahih Muslim (Beirut: Dār al-Ma’rifat, 1998), 316.

Maksudnya:

*Bacalah mana-mana yang mudah kamu dapat membacanya dari al-Quran (dalam sembahyang).*

Dan daripada hadith Nabi seperti berikut;

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لا صلاة لمن لم يقرأ بفاتحة الكتاب.

Maksudnya:

*Bersabda Rasulullah S.A.W: Tidaklah solat bagi seseorang itu yang tidak membaca surah al-Fatihah.<sup>79</sup>*

### 5. *Ruku'*.

*Ruku'* bermaksud membongkokkan badan sehingga belakangnya menjadi sama rata dan kedua-dua belah tangan diletakkan pada lutut. Ketika *ruku'* hendaklah dengan ḥama' ninah dan disunatkan membaca tasbih dalam *ruku'* iaitu “*Subḥāna rabbīya al-A'z̄imī wa bi ḥamdih*”. Jumhur ulama telah bersepakat bahawa *ruku'* adalah termasuk dalam rukun wajib dalam solat.

Ini berdasarkan pada ayat al-Quran dan hadith Nabi seperti berikut:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَرْكِعُوا وَأَسْجُدُوا وَأَبْعُدُوا رَبَّكُمْ وَأَفْعُلُوا الْخَيْرَ

لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Al-Hajj 22: 77

<sup>79</sup> Hadith riwayat al-Muslim, *Kitab al-Solat*, Bab Wujub Qira'ah al-Fatihah fi Kulli Raka'at, No. Hadith 872. Lihat Imam al-Nawawi, “*Šāhīl Muslim* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1998), 4: 322.

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman, ruku'lah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang), dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).*

Hadith Nabi S.A.W:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لا تجزيء صلاة لا يقسم الرجل فيها صلبه، في الركوع والسجود .

Maksudnya:

*Rasulullah S.A.W bersabda: Kemudian ruku'lah kamu sehingga kamu berada dalam keadaan tenang ketika ruku'.<sup>80</sup>*

#### 6. *I'tidal selepas ruku'.*

*I'tidal* adalah perbuatan berdiri yang memisahkan di antara *ruku'* dan *sujud*. Ia hendaklah dilakukan dengan *tama'ninah*. Ini berdasarkan riwayat daripada Aisyah R.A.H. ketika menceritakan tentang sifat solat Rasulullah S.A.W seperti berikut:

وكان إذا رفع رأسه من الركوع لم يسجد حتى يستوي قائماً.

Maksudnya:

*Apabila Baginda mengangkat kepalanya daripada ruku', Baginda tidak akan sujud sehingga baginda berdiri tegak.<sup>81</sup>*

<sup>80</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah, *Kitab Iqamat al-Solat*, Bab al-Ruku' Fī al-Solat. No. Hadith 869. Lihat Imam al-Nawawī, “*Sunnah Ibn Mājah*” (Beirut: Dār al-Ma’rifat, 2000), 5: 472.

<sup>81</sup> Hadith riwayat Muslim, *Kitab al-Solat*, Bab Mā Yajmā'u al-Sifat al-Solat, no. Hadith 1110. Lihat Imam al-Nawawī, “*Sahih Muslim*”, (Beirut: Dār al-Ma’rifat, 1998), 4:438.

7. Sujud dua kali dalam setiap rakaat.

Sujud ialah meletakkan atau menyentuh dahi atau sebahagian daripada dahi yang tidak berlapik ke tempat sujud. Ia hendaklah dilakukan dalam keadaan tenang (*tama'ninah*). Firman Allah di dalam ayat berikut:

يَنَأِيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَرْكَعُوا وَأَسْجَدُوا وَأَعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَأَفْعُلُوا الْخَيْرَ

لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

Al-Hajj 22: 77

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman, ruku'lah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang), dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di Akhirat).*

Sabda Rasulullah S.A.W:

وإذا سجدت فامكن جبهتك من الأرض حتى تجد حجم الأرض.

Maksudnya:

*Apabila kamu sujud letakkan dahimu ke tanah sehingga bertemu tanah.<sup>82</sup>*

8. Duduk di antara dua sujud.

---

<sup>82</sup> Lihat Md. Hashim Yahaya, *Ensiklopedia Solat* ( Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2011), 335.

Duduk di antara dua sujud adalah duduk bersimpuh di hadapan Allah untuk memohon keampunan, rahmat, rezeki, darjat yang tinggi, petunjuk-petunjuk, kesihatan dan kemaafan dari Allah. Syarat duduk di antara dua sujud ini hendaklah dilakukan dengan *tama'ninah* sekurang-kurangnya sekadar mengucap sekali tasbih. Sabda Nabi S.A.W:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ثم اسجد حتى تطمئن ساجدا ثم ارفع حتى

تطمئن جالسا ثم اسجد حتى تطمئن ساجدا.

Maksudnya:

*Rasulullah S.A.W bersabda: Kemudian sujudlah engkau sehingga engkau tenang kemudian bangkitlah engkau sehingga engkau duduk dengan tenang kemudian sujudlah engkau sehingga engkau sujud dengan tenang.<sup>83</sup>*

#### 9. Duduk ketika membaca *Tahiyyāt* akhir.

*Tahiyyāt* merupakan perkataan dalam bahasa Melayu yang berpandukan kepada bacaan “*al-Tahiyyāt al-Mubārakat as-Ṣalawāt at-Tayyibāt*”, manakala dalam bahasa Arab disebut *tasyahud* berpandukan bacaan “*Asy-hadu an lā ilāha illallah*”.

#### 10. Membaca *tasyahud* pada duduk rakaat akhir.

Diriwayatkan oleh Ibn *Mas'ūd* R.A menceritakan pada hadith berikut:

كُنَا إِذَا كُنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الصَّلَاةِ قَلْنَا : السَّلَامُ عَلَى اللَّهِ مِنْ

عَبَادِهِ . السَّلَامُ عَلَى فَلَانٍ وَفَلَانٍ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَقُولُوا

<sup>83</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Azan, Bab Mā Yatakhayyar Min al-Doā’ Ba’d al-Tashahud Wa Laisa Bi Wājib, no. Hadith 797. Ṣalīḥ al-Bukhārī, Ṣalīḥ bin A'bād al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 228.

السلام على الله فإن الله هو السلام ، ولكن قولوا: التحيات لله، والصلوات والطيبات، السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وببركاته، السلام علينا وعلى عباد الله الصالحين، فإنكم إذا قلتم أصاب كل عبد صالح في السماء أو بين السماء والأرض،أشهد ان لا اله الا الله، وأشهد ان محمدا عبده ورسوله، ثم يتخير من الدعاء أعجبه إليه فيدعوه.

Maksudnya:

*“Apabila kami solat bersama Rasulullah S.A.W, kami mengucapkan salam sejahtera ke atas Allah daripada hamba, dan salam atas polan dan polan... Nabi S.A.W bersabda: janganlah kamu mengucapkan ‘Assalamu ‘alaihi kerana Allah itu adalah al-Salam, tetapi hendaklah kamu mengucapkan:”Segala kehormatan itu adalah milik Allah, juga segala ibadat dan segala yang baik-baik. Mudah-mudahan Allah melimpahkan kesejahteraan kepadamu, wahai Nabi, demikian pula rahmat Allah dan berkatnya. Mudah-mudahan kesejahteraan itu dicurahkan pula kepada kami dan kepada hamba-hamba Allah yang soleh. ‘Sebab jika kamu mengucapkan salam tersebut, akan sampai kepada setiap hamba Allah yang soleh, baik di langit maupun di bumi.”Aku bersaksi bahawa tidak ada tuhan selain Allah. Aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan utusannya. Selanjutnya hendaklah ia memilih doa yang disenangi untuk dipanjatkan.<sup>84</sup>*

## 11. Membaca selawat ke atas Nabi pada *tasyāhud* akhir.

---

<sup>84</sup> Hadith riwayat al-Muslim, *Kitab al-Solat*, Bab al-Tasyāhud Fī al-Solat, No. Hadith 895. Lihat al-Imam al-Nawawī, “ Saḥīḥ Muslim (Beirut: Dār al-Ma’rifat, 1998), 4: 337.

Jumhur ulamak telah bersepakat membaca selawat ke atas Nabi pada *tasyahud* akhir adalah wajib.

Firman Allah di dalam ayat berikut:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الْذِيْنَ إِمَّا مُّؤْمِنُوْا صَلَوَأَعَلَيْهِ وَسَلَّمُوا



Al-Ahzab 33: 56

Maksudnya:

*Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w); Wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

## 12. Salam yang pertama.

Salam yang pertama diucapkan sambil berpaling ke kanan. Salam yang pertama ini adalah wajib. Manakala salam yang kedua adalah sunat.

Sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W:

كَنْتُ أَرِي رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ يَسَارِهِ حَتَّى أَرِي  
بِيَاضِ خَدَهُ.

Maksudnya:

*Saya melihat Rasulullah S.A.W memberi salam kekanan dan kiri sehingga saya nampak pipinya yang putih.<sup>85</sup>*

<sup>85</sup>Hadith riwayat al-Muslim, Kitab al-Solat, Bab Istihibbāt rafa'a al-Yadāin Khazu al-Munkabina Ma'a Takbitatul al-Ihram, No. Hadith 860. Lihat al-Imam al-Nawawi, "Sahih Muslim (Beirut: Dār al-Ma'rifat, 1998), 339

13. Tertib, ertiya wajib mengikut urutan rukun yang telah ditetapkan.

Secara kesimpulannya, solat mempunyai tiga belas rukun yang bermula dari niat dan diakhiri dengan salam. Rukun ini pula dibahagikan kepada tiga bahagian<sup>86</sup>.

Jadual 2.1: Bahagian Rukun Solat

RUKUN SOLAT		
<i>Rukun Qalbi</i>	<i>Rukun Qawli</i>	<i>Rukun Fi'li</i>
1. Niat	2. Takbiratul Ihram 3. Membaca al-Fatihah 4. Membaca <i>Tahiyyāt</i> akhir 5. Selawat ke atas Nabi 6. Salam pertama	7. Berdiri 8. <i>Ruku'</i> 9. <i>I'tidal</i> 10. Sujud 11. Duduk antara dua sujud 12. Duduk <i>Tahiyyāt</i> akhir 13.Tertib

Jadual 2.1 menunjukkan bahagian rukun solat yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

Bahagian pertama: **Rukun Qalbi** (Perkara yang melibatkan hati) iaitu :

1. Niat.

Bahagian kedua : **Rukun Qawli** (Perkara yang melibatkan bacaan) iaitu:

1. Takbiratul Ihram.
2. Membaca surah al-Fatihah.
3. *Tahiyyāt* akhir.
4. Selawat ke atas Nabi.
5. Salam pertama.

<sup>86</sup> Daud bin Abdullah al-Fathani<sup>7</sup>, *Bughiyat al-Tullāb* (Bangkok: Maktabah al-Nahdi Wa al-Awlad, 2006), 7.

Bahagian ketiga : **Rukun Fi'li** (Perkara yang melibatkan perbuatan), iaitu:

1. Berdiri.
2. *Ruku'*.
3. *I'tidal*.
4. Sujud.
5. Duduk antara dua sujud.
6. Duduk *Tahiyyāt* akhir.
7. Tertib.

## 2.4 MODEL KEM BESTARI SOLAT (KBS)

Program Kem Bestari Solat (KBS) adalah di antara model yang diperkenalkan dalam ko-kokurikulum program j-QAF bagi tujuan pemantapan ibadah solat pelajar Islam itu sendiri. Bahagian kurikulum Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil beberapa langkah alternatif dalam usaha memastikan semua murid dapat menunaikan solat dengan sempurna terutamanya apabila murid tersebut telah berada ditahun enam.

Pendekatan ini bertujuan untuk memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) pendidikan Islam sejajar dengan perkembangan semasa. Antara kaedah di luar PdP yang dilaksanakan dalam usaha melahirkan generasi pelajar yang unggul solatnya adalah dengan mewujudkan model Kem Bestari Solat (KBS) di bawah program pendidikan Islam j-QAF.

Kumpulan sasaran peringkat awal program ini bermula murid tahun satu pada tahun 2005, kemudian dilanjutkan kepada semua murid Islam sekolah rendah secara berperingkat-peringkat.

#### **2.4.1 OBJEKTIF KEM BESTARI SOLAT( KBS)**

Pelaksanaan KBS telah diperkenalkan dan diperluaskan pada tahun 2005 secara lebih menyeluruh di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran. Ia mensasarkan semua murid bermula tahun satu sehingga murid tamat persekolahan peringkat rendah. Pelaksanaan program ini bertujuan supaya <sup>87</sup>:

1. Murid dapat mengetahui cara-cara berwuduk.
2. Murid dapat berwuduk dengan sempurna.
3. Murid dapat mengetahui bilangan rakaat solat fardu dan mengetahui cara-cara menunaikan solat dari segi bacaan dan perbuatan.
4. Murid dapat membaca dengan betul dan lancar bacaan dalam solat.
5. Murid dapat menunaikan solat dengan sempurna samaada secara individu atau berjemaah.

#### **2.4.2 STRATEGI PELAKSANAAN MODEL KEM BESTARI SOLAT (KBS)**

Program Kem Bestari Solat merupakan aktiviti kokurikulum yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah di bawah pengawasan dan pemantauan Guru Besar. Dalam strategi pelaksanaan program ini, Ketua Panitia Pendidikan Islam mesti merancang dengan menukuaskan jawatankuasa pelaksana dan jawatankuasa kerja. Selepas itu, mengadakan mesyuarat untuk menentukan tarikh, masa dan tempat bagi pelaksanaan Kem Bestari Solat. Selain itu juga, penentuan fasilitator, jadual Kem Bestari Solat dan agihan kumpulan murid atau sasaran yang terlibat ditentukan semasa mesyuarat tersebut.

---

<sup>87</sup> JAPIM, *Buku Panduan Pelaksanaan Model-Model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum j-QAF* (Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004), 203.

Fasilitator Kem Bestari Solat adalah terdiri daripada guru-guru j-QAF, guru pendidikan Islam, guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), guru-guru lain atau ibubapa penjaga yang berkebolehan, dan pihak yang berkelayakan yang telah dipersetujui oleh pihak sekolah.

Selepas semua perancangan tersebut berjalan lancar, taklimat kepada semua guru pembimbing dan fasilitator diberikan berkenaan garis panduan perjalanan KBS yang telah ditetapkan.

Pengajaran dan Pembelajaran fardu ain yang berteraskan seratus peratus kepada amali solat telah dilaksanakan dalam bentuk Kem Bestari Solat (KBS) sebanyak empat kali dalam tempoh setahun.<sup>88</sup> Setiap kem mengambil masa dua hari tanpa bermalam. Pihak sekolah diberi pilihan sama ada melaksanakan program ini secara separuh hari atau bermalam dengan syarat semua aktiviti dilaksanakan dalam tempoh atau jumlah masa yang ditetapkan dalam model ini. Masa yang ditetapkan dalam Kem Bestari Solat (KBS) ini adalah 10 jam.

Perjalanan program tertumpu kepada bentuk Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang tidak melebihi bilangan murid 10 orang bagi seorang fasilitator dalam setiap kumpulan. Aktiviti kumpulan adalah berbentuk penerangan, perbincangan, ujian pelakuan dan ujian bacaan dalam solat. Ia dilaksanakan dalam bentuk latih tubi di luar waktu PdP sama ada di dalam dan di luar kawasan sekolah.

Cara penilaian KBS dijalankan dengan menggunakan beberapa borang penilaian antaranya Rekod Pencapaian Murid yang diisi oleh penilai (fasilitator)

---

<sup>88</sup> *Ibid.*, 204.

ketika pelaksanaan KBS di sekolah, Borang Soal Selidik Pra dan Pasca KBS serta Rekod Catatan Pelaksanaan Solat Fardu yang perlu diisi oleh murid ketika di rumah. Borang-borang penilaian tersebut adalah berdasarkan item-item dan instrumen yang ditetapkan oleh pihak JAPIM dan dikendalikan sepenuhnya oleh pihak sekolah. Penilaian ini dijalankan secara lisan dan amali dengan merekod pencapaian murid setiap kali aktiviti kem dilaksanakan. Penguasaan adalah dinilai dengan berpandukan skala yang ditetapkan iaitu menguasai sederhana (MS), menguasai dengan cemerlang (MC) dan belum menguasai (BM). Rekod Catatan Pelaksanaan Solat Fardu pula perlu diedar kepada murid untuk dicatat amali solat fardu harian mereka selama 30 hari selepas setiap kem dijalankan. Kemudian ibubapa atau penjaga mengesahkan catatan murid diruangan yang disediakan. Rekod catatan yang telah lengkap diisi dan disahkan ibubapa atau penjaga, hendaklah dikembalikan kepada pihak sekolah untuk dianalisa. Bagi murid-murid yang dikenalpasti belum menguasai kemahiran hendaklah diambil tindakan susulan. Pihak sekolah akan menyediakan laporan untuk setiap kem yang dilaksanakan dengan merekod penguasaan murid dan melaporkan kepada penyelaras kem, ibubapa atau penjaga, Ketua Panitia, Guru Besar dan JPN. Oleh yang demikian, Kem Bestari Solat yang akan dilaksanakan seterusnya akan mengambil kira kekuatan dan kelemahan murid berdasarkan penilaian kem yang terdahulu.

Sumber kewangan dalam program KBS ini adalah terdiri daripada peruntukan khusus iaitu peruntukan kewangan Kem Bestari Solat j-QAF, sumbangan PIBG, sumbangan agensi swasta dan lain-lain.

Kesimpulannya, Pelaksanaan program Kem Bestari Solat (KBS) memerlukan perancangan yang baik dan kerjasama dari semua pihak. Usaha yang murni ini perlu dimasukkan dalam takwim sekolah kerana ia dikategorikan sebagai aktiviti

kokurikulum pendidikan Islam. Penilaian KBS yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia diharapkan akan memberi kesedaran terhadap pentingnya amalan solat dalam usaha untuk melahirkan generasi yang beramal soleh, berakidah, rajin beribadat dan berakhlik mulia serta terpuji.

#### **2.4.3 RUKUN SOLAT DALAM MODEL KEM BESTARI SOLAT (KBS)**

Pihak JAPIM di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan rukun solat melalui model Kem Bestari Solat (KBS) seperti mana yang terkandung dalam Buku Panduan Pelaksanaan Model-Model Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Kokurikulum (2004) adalah selari seperti yang disepakati oleh mazhab *Syafi'i* iaitu<sup>89</sup> :

1. Niat.
2. Berdiri bagi yang mampu ketika solat fardu dan bagi yang tidak mampu, disebabkan sakit dan sebagainya boleh melakukannya secara duduk, berbaring, terlentang, atau dengan isyarat.
3. Takbiratul ihram.
4. Membaca surah al-Fatihah.
5. *Ruku'*.
6. *I'tidal selepas ruku'*.
7. Sujud dua kali dalam setiap rakaat.
8. Duduk di antara dua sujud.
9. Duduk ketika membaca *Tahiyyāt akhir*.
10. Membaca *tasyahud* pada duduk rakaat akhir.

---

<sup>89</sup> *Ibid.*, 215

11. Membaca selawat keatas Nabi pada *tasyahud* akhir.
12. Salam yang pertama.
13. Tertib, ertinya mengikut urutan rukun yang telah ditetapkan.

#### **2.4.4 TAJUK-TAJUK PENGAJARAN SOLAT UNTUK WAKTU ULUM SYARI'AH BAGI ENAM BULAN KEDUA BAGI MODEL BESTARI SOLAT.**

Eleman Bestari Solat telah dimasukkan dalam pengajaran ‘*Ulum Syar’iyyah* bertujuan untuk mengukuhkan kefahaman dan amali solat dalam kehidupan murid. Pihak JAPIM menyediakan garis panduan untuk guru dalam melaksanakan pengajaran solat dalam waktu ‘*Ulum Syariah*.<sup>90</sup>

Panduan ini akan memberikan penjelasan ringkas kepada para guru tentang tajuk-tajuk yang patut disentuh untuk melaksanakan pengajaran ini. Dicadangkan supaya guru j-QAF mengambil sekurang-kurangnya lima minit masa ‘ulum syariah untuk menerangkan dan menyoal murid tentang amali solat sama ada yang berkaitan dengan bacaan atau perbuatan berdasarkan tajuk-tajuk yang dicadangkan. Ini adalah untuk memastikan murid-murid dapat mendirikan solat dengan sempurna melalui bimbingan para guru secara berterusan.

---

<sup>90</sup> *Ibi*, 208

**Jadual 2.2: Tajuk-Tajuk Pengajaran Solat Mengikut Minggu Untuk Waktu  
Ulum Syari'ah Bagi Enam Bulan Kedua Bagi Model Bestari Solat<sup>91</sup>**

Minggu	Tajuk
1	Lafaz niat wuduk
2	Anggota wuduk iaitu membasuh muka dan tangan hingga ke siku
3	Membasuh kepala dan kaki
4	Bacaan doa selepas wuduk
5	Bacaan lafaz niat solat subuh dan zuhur
6	Bacaan lafaz niat solat asar, maghrib dan <i>isya'</i>
7	Bacaan doa iftitah
8	Bacaan doa iftitah berdiri betul dan takbiratul ihram
9	Ruku' dan bacaan ketika <i>ruku'</i>
10	<i>I'tidal</i> dan bacaan ketika <i>i'tidal</i> sujud dan bacaan ketika sujud
11	Duduk antara dua sujud dan bacaan ketika duduk antara dua sujud
12	Duduk antara dua sujud dan bacaan ketika duduk antara dua sujud
13	Bacaan <i>tahiyyāt</i> awal
14	Duduk <i>tahiyyāt</i> awal dan bacaan <i>tahiyyāt</i> awal
15	Duduk <i>tahiyyāt</i> akhir dan bacaan <i>tahiyyāt</i> akhir
16	Doa qunut

---

<sup>91</sup> *Ibid.*

## **2.5 RUMUSAN**

Model Bestari Solat adalah sebahagian daripada Program j-QAF yang wajib dilaksanakan. Walaupun ia satu bentuk aktiviti kokurikulum, semua sekolah perlu melaksanakannya seperti yang telah ditetapkan dalam buku panduan. Setiap pengurusan sekolah bertanggungjawab memastikan perjalanan pelaksanaan Kem Bestari Solat dengan teratur dan tersusun.

Aspek amali solat ditekankan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Guru-guru j-QAF bersama dengan guru pendidikan Islam akan menggunakan sedikit masa dalam waktu *Ulum Syari'ah* untuk menerapkan dan mengukuhkan aspek amali solat kepada murid-murid secara berterusan. Maklumat terperinci perkara ini telah dijelaskan dalam Panduan Pelaksanaan *Ulum Syari'ah* 6 Bulan Kedua Tahun lima.

Dengan pelaksanaan kem ini akan memberi kesan kepada murid-murid dalam meningkatkan kemahiran, kesungguhan dan rasa tanggungjawab untuk melaksanakan aspek fardu ain yang diperintahkan oleh Allah S.W.T.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini menerangkan bentuk metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Beberapa aspek yang akan dijelaskan adalah reka bentuk kajian, lokasi kajian, responden kajian, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data, prosedur pengumpulan data dan analisis data. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan kualitatif. Responden yang dipilih oleh penyelidik adalah terdiri daripada murid tahun lima di enam buah sekolah di daerah Gua Musang. Sekolah yang dipilih pula terletak di kawasan bandar dan luar bandar. Penyelidik telah menggunakan instrumen soal selidik, pemerhatian, dan temubual.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian, reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk deskriptif. Kajian deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku<sup>92</sup>. Rekabentuk kajian ini adalah yang paling sesuai digunakan untuk mendapatkan hubungan antara kedua-dua pembolehubah yang telah dinyatakan oleh pengkaji. Menurut Sidek (2005) rekabentuk kajian yang selalunya dilakukan atau digunakan bertujuan memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta-fakta atau ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang

---

<sup>92</sup> Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 96.

digemari secara tepat ialah reka bentuk kajian deskriptif.<sup>93</sup> Kajian ini juga berbentuk kualitatif di mana kaedah pemerhatian dan temu bual turut dilaksanakan.

Satu kajian soal selidik diedarkan kepada murid-murid di enam buah sekolah yang telah dipilih iaitu SK Sri Wangi 1, SK Sri Wangi 2, SK Gua Musang, SK Paloh 1&2, SK Chiku 3, dan SK Sri Ciku. Penyelidik juga telah membuat pemerhatian terhadap pelaksanaan Program Kem Bestari Solat (KBS) dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pemerhatian dijalankan bersama kaedah temu bual dan analisis dokumen. Kemudian, maklumat-maklumat tersebut ditriangulasikan untuk menjelaskan dapatan yang diperolehi.

---

<sup>93</sup> Sidek Mohd Noah, Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori Dan Praktis (Selangor: Penerbitan Universiti Putra Malaysia, 2005), 58.

Jadual 3.1: Kutipan data, kaedah / sumber kutipan data, kaedah analisis dan hasil & kegunaan maklumat mengikut soalan kajian.

Soalan Kajian	Data yang dikutip	Kaedah / Sumber Kutipan Data	Kaedah Analisis	Hasil Kajian dan Masalah
<p>Soalan 1:</p> <p>Apakah persepsi murid terhadap pelaksanaan program Kem Bestari Solat (KBS) antara sekolah di bandar dan luar bandar</p>	<p>Model pelaksanaan Kem Bestari Solat (KBS)</p>	<p>Analisa dokumen model pelaksanaan, soal selidik, temu bual, pemerhatian,</p>	<p>Analisis dokumen, kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai, Analisis transkrip, Nota Catatan</p>	<p>Pelaksanaan sekolah bandar mengikut model KBS dan luar sekolah luar bandar mengikut model dan kesesuaian sekolah</p>
<p>Soalan 2:</p> <p>Apakah persepsi murid terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran guru berkaitan rukun solat antara sekolah di bandar dan luar bandar di dalam KBS</p>	<p>Kaedah pengajaran, agihan masa, interaksi guru-murid,</p>	<p>Soal selidik, analisis dokumen, pemerhatian, temu bual, model pengajaran</p>	<p>Min dan sisihan piawai, Analisis transkrip, Nota Catatan</p>	<p>Kaedah pengajaran dan pembelajaran mengikut kemahiran guru dan fasilitator program KBS</p>
<p>Soalan 3:</p> <p>Sejauhmanakah penguasaan rukun solat murid menerusi program Kem Bestari Solat (KBS) antara sekolah di bandar dan luar bandar</p>	<p>Perbezaan penguasaan rukun solat (rukun <i>qalbi/qawli</i> dan <i>fi'li</i>) yang dilakukan di bandar dan luar bandar</p>	<p>Soal selidik, temu bual, pemerhatian</p>	<p>Kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai, Analisis transkrip, Nota Catatan</p>	<p>Perbandingan penguasaan rukun solat terhadap responden di bandar lebih tinggi berbanding responden di luar bandar</p>

### **3.3 Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di daerah Gua Musang, yang merupakan sebuah daerah yang terletak di negeri Kelantan. Penyelidik telah memilih enam buah sekolah. Tiga buah sekolah daripadanya adalah terletak di bandar dan tiga buah adalah di luar bandar. Faktor-faktor yang menarik minat pengkaji untuk memilihnya adalah kerana:

1. Daerah Gua Musang merupakan daerah yang terbesar dalam negeri kelantan dari segi keluasannya dan turut dikenali sebagai daerah pedalaman atau hulu kelantan.
2. Terdapat dua jenis sekolah iaitu sekolah bandar dan sekolah luar bandar.
3. Jarak lokasi setiap sekolah yang terdiri di antara kawasan luar bandar dan bandar adalah jauh iaitu mengambil masa hampir satu jam tempoh perjalanan.

### **3.4 Populasi dan persampelan kajian**

Populasi bagi kajian ini adalah semua murid tahun lima di sepuluh buah sekolah yang telah melaksanakan program Kem Bestari Solat (KBS) di daerah Gua Musang yang berjumlah 1750 orang murid. Daripada jumlah populasi tersebut, tiga buah sekolah telah dipilih di kawasan bandar, dan luar bandar menjadikannya enam buah sekolah. Sekolah-sekolah ini telah dipilih secara rawak oleh pengkaji. Tiga buah sekolah di bandar yang telah dipilih iaitu SK Sri Wangi 1, SK Sri Wangi 2, dan SK Gua Musang, manakala tiga buah sekolah yang dipilih di luar bandar adalah SK Paloh 1&2, SK

Chiku 3 dan SK Sri Ciku. Jumlah semua murid tahun lima di enam buah sekolah ini adalah seramai 1381 orang murid.

Persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan secara rawak mudah dan sampel diambil mengikut jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) seperti berikut:

Jadual 3.2: Jadual Penentuan Saiz Sampel (Krejcie & Morgan, 1970)

N	S	N	S	N	S
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	320
80	66	420	201	3500	346
100	80	500	217	6000	360
150	108	750	254	15000	375
200	132	1000	278	75000	382

Petunjuk: N= Bil. Populasi dan S= Bil. Sampel

Jadual 3.2 menunjukkan persampelan Krejcie dan Morgan (1970), untuk populasi yang bersaiz 1400 orang, saiz sampel yang digunakan ialah 320 orang.<sup>94</sup> Oleh itu pengkaji telah memilih 315 murid sebagai sampel kajian daripada 1381 orang.

Pengkaji menulis semua nama populasi di atas kertas kecil dan memasukkannya ke dalam sebuah botol. Kemudian, pengkaji mencabut 315 nama murid yang diperlukan untuk dijadikan sampel kajian.

<sup>94</sup> Krejcie, Robert V. Morgan Daryle W." Determining Sample Size for Research Activities", *Educational and Psychological Measurement*, Vol. 30 (Duluth: University of Minnesota, 1970), 607-610.

### **3.5 Kaedah Pengumpulan Data**

Menurut Mohamad Nor (2000), data didefinisikan sebagai angka, kejadian, atau fakta kasar yang diolah mengikut keperluan bagi mendapatkan maklumat daripada sampel kepada penyelidik<sup>95</sup>. Selain itu, data yang dimaksudkan adalah maklumat yang dikumpulkan dan dianalisis dalam sesuatu kajian. Begitu juga apa-apa yang dimaksudkan dalam data tersebut termasuklah perkataan, surat, rajah, carta, graf, kertas undi, bacaan meter air dan sebagainya<sup>96</sup>.

Kajian yang baik adalah kajian yang menggunakan dua jenis data, iaitu primer dan sekunder. Data primer adalah sebagai data kuantitatif iaitu data-data yang dikumpulkan melalui soal selidik, manakala data sekunder adalah data kualitatif iaitu data-data yang dikumpulkan melalui temu bual, pemerhatian dan dokumen<sup>97</sup>.

Data-data soal selidik, temu bual, pemerhatian dan dokumen dikumpulkan dan diolah mengikut keperluan bagi menjawab persoalan kajian.

Dalam pengumpulan data, kaedah triangulasi boleh dilakukan melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif yang juga disebut sebagai ‘*multi method approach*’ dalam penyelidikan iaitu data-data yang dipungut melalui soal selidik(data primer) akan dianalisis melalui kaedah kuantitatif, manakala temu bual, pemerhatian dan dokumen (data sekunder) akan dianalisis secara kualitatif<sup>98</sup>.

---

<sup>95</sup> Mohamad Nor Mohamad Taib, Model Guru Sebagai Penyelidik: Asas-Asas Menjalankan Kajian Di Sekolah (Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar, 2000), 11

<sup>96</sup> Othman Lebar, Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori Dan Metod (Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 106

<sup>97</sup> *Ibid.*, 11

<sup>98</sup> Marohaini Yusof, Penyelidikan Kualitatif, Pengalaman Kerja Lapangan Kajian (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 39.

Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini bertujuan bagi melengkapkan dan mengukuhkan pengumpulan data yang diperolehi daripada sumber utama iaitu soal selidik.

### **3.5.1 Penyelidikan Perpustakaan**

Kajian keperpustakaan adalah peringkat permulaan kajian yang amat penting untuk pengumpulan data bagi meneruskan kajian. Melalui kaedah ini, data-data berdasarkan penulisan serta dokumentasi bertulis akan dikumpul dan digunakan untuk membentuk landasan teori sama ada ia bersifat primer atau sekunder. Maklumat yang diperolehi bukan sahaja membolehkan pengkaji menyokong dan menambah bukti tetapi juga menolong mengesahkan maklumat yang diperolehi daripada temu bual dan pemerhatian<sup>99</sup>.

Pengkaji akan mendapatkan data-data dan maklumat menerusi bahan bercetak seperti buku, jurnal, tesis, disertasi, prosiding atau kertas kerja, laporan penyelidikan, surat-surat pekeliling yang berkaitan, majalah, akhbar, kertas seminar dan latihan ilmiah yang lepas, artikel, bahan di laman sesawang dan sebagainya yang dinukilkan oleh para ilmuan sama ada dalam bahasa Melayu, Inggeris mahupun dalam bahasa Arab yang kemudiannya dianalisis oleh pengkaji untuk mendapatkan satu kesimpulan. Melalui kajian keperpustakaan ini, amat membantu pengkaji untuk menyediakan pengenalan kepada kajian dan landasan teori dalam bab satu dan bab dua. Justeru, secara tidak langsung ia memudahkan pengkaji merangka borang soal selidik untuk mendapatkan hasil dapatan kajian.

---

<sup>99</sup> Suseela Malakolunthu, Analisis Data Kualitatif: Satu imbasan, dalam Marohaini Yusoff, 2001), 129

Tempat sumber rujukan dalam penyelidikan perpustakaan ini ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Sumber Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Perpustakaan Negara. Semua bahan yang didapati adalah untuk menyokong sumber-sumber yang diperolehi dari kerja lapangan. Ia meliputi kajian tentang kepentingan, bentuk pelaksanaan program, teknik pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang digunakan pelaksana terhadap murid sekolah rendah dalam menentukan penguasaan rukun solat mereka di sekolah.

### **3.5.2 Penyelidikan Lapangan**

Selain melakukan kajian perpustakaan, Kajian lapangan juga telah digunakan dalam bentuk kajian ini. Kaedah ini digunakan untuk mendapat maklumat dengan lebih terperinci iaitu mengumpul segala maklumat, data-data, statistik secara langsung dari responden. Menurut Morahaini (2001) untuk mendapatkan data-data kajian yang lebih seimbang dan bersesuaian, kajian lapangan perlu dilakukan<sup>100</sup>. Dalam kajian ini, Pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah dalam melaksanakan kerja lapangan ini iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Hasil kajian yang diperolehi melalui soal selidik yang merupakan data utama dalam kajian ini akan dibentangkan dalam bentuk jadual. Jadual yang dibina adalah mengikut sub topik dan huraian mengikut peratusan, min dan sisihan piawai. Manakala hasil kajian yang diperolehi melalui

---

<sup>100</sup> Marohaini Yusoff, "Pertimbangan Kritis Dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif", dalam Marohani Yusof (ed) Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001, 35-36.

temu bual dan pemerhatian yang merupakan data sokongan atau tambahan bagi menghuraikan dapatan kajian.

### a) Soal selidik

Soal selidik secara amnya merupakan alat ukur yang paling praktikal dan berkesan bagi kajian tinjauan, terutamanya jika melibatkan populasi yang besar dan jika kedudukan sampel atau subjek adalah jauh antara satu sama lain. (Mohd. Majid Konting, 2005)<sup>101</sup>. Tujuan soal selidik digunakan bagi memudahkan pengkaji memungut data terhadap responden yang ada di merata tempat. Teknik pungutan soal selidik yang baik ialah secara bersemuka (*face to face*)<sup>102</sup>. Cara ini mempunyai kekuatan dan kelebihan kerana responden dapat menjawab item-item di hadapan pengkaji dan sekirannya timbul sebarang permasalahan, boleh diselesaikan dengan serta merta.

Pengkaji telah menggunakan borang kaji selidik ini untuk kajian jenis kuantitatif. Sebanyak 315 set borang soal selidik telah diedar kepada sekolah yang dipilih dan dikenalpasti terlebih dahulu. Edaran borang selidik dilakukan oleh pengkaji sendiri dengan cara memberikan borang soal selidik kepada responden dan responden mengembalikan terus borang soal selidik tersebut kepada pengkaji. Seramai 315 orang responden telah terlibat dalam borang soal selidik ini. Borang soal selidik untuk kajian ini yang dibina dan diubah suai berdasarkan kajian Kamarul Hazani (2011), Bashah Abu Bakar (2008), Sukatan Model Kem Bestari Solat (KBS), j-QAF yang berpandukan pada item rekod pencapaian murid dalam program Kem Bestari Solat (KBS)<sup>103</sup>.

---

<sup>101</sup> Mohd Majid Konting, Kaedah Penyelidikan Pendidikan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 201.

<sup>102</sup> David Pratt, Curriculum design and development, international edition, USA: Jovonarich, 1980, 27

<sup>103</sup> Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral (JAPIM), Buku Panduan Pelaksanaan Model-Model Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Kokurikulum j-QAF, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004, 225

Soalan kaji selidik ini telah dibina oleh pengkaji berdasarkan objektif yang ingin dicapai di dalam kajianya. Namun begitu, pengkaji masih merujuk kepada instrumen kaji selidik dari kajian-kajian lepas untuk memastikan soalan kaji selidik yang dibina bersesuaian dengan kumpulan responden dan seterusnya dapat menjawab persoalan kajian.

Jadual 3.3: Skala Likert untuk borang kaji selidik mengukur penguasaan rukun solat menerusi KBS, persepsi murid terhadap pelaksanaan program PBS, dan persepsi murid terhadap kaedah pelaksanaan PdP sepanjang pelaksanaan KBS.

Skala	
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Skala: (1) menunjukkan responden ‘Sangat tidak setuju’ tentang pernyataan, (2) ‘Tidak setuju’, (3) ‘Tidak pasti’, (4) ‘Setuju’ dan (5) ‘Sangat setuju’.

Borang kaji selidik ini terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian A adalah maklumat peribadi responden atau demografi responden yang terdiri daripada jantina, lokasi tempat tinggal, penguasaan bacaan *Iqra'*, pekerjaan bapa dan pekerjaan ibu. Bahagian B adalah soal selidik yang berkaitan dengan persepsi murid terhadap pelaksanaan KBS di sekolah. Seterusnya soalan dibahagian C adalah berkaitan dengan persepsi murid terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran guru sepanjang pelaksanaan KBS dan bahagian D adalah soalan yang berkaitan dengan penguasaan murid terhadap rukun solat menerusi KBS. Pada bahagian rukun solat ini, dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu penguasaan tentang rukun *qalbi*, penguasaan tentang rukun *qawli*, dan penguasaan tentang rukun *fi'li* (kelakuan).

### **i. Borang Soal Selidik Bahagian (A)**

Borang selidik dibahagian (A) adalah untuk diisi oleh murid. Bahagian ini mengandungi lima item soalan yang berkaitan dengan maklumat latar belakang murid atau demografi responden iaitu jantina, kelas, kawasan tempat tinggal, penguasaan bacaan *iqra'* dan pekerjaan ibubapa penjaga. Responden hanya perlu menjawab dengan menandakan (✓) pada ruangan jawapan yang disediakan.

### **ii. Borang Soal Selidik Bahagian (B)**

Borang selidik dibahagian (B) adalah soalan untuk diisi oleh murid untuk mengetahui persepsi mereka terhadap pelaksanaan Program Kem Bestari Solat (KBS) di sekolah. Item pada bahagian (B) ini dibina untuk mengetahui pandangan mereka secara terperinci berdasarkan elemen yang dipilih iaitu waktu pelaksanaan dan tempohnya, tempat pelaksanaan serta penglibatan murid dalam program ini. Responden diberi lima pilihan jawapan menggunakan skala likert seperti jadual 3.3 iaitu; (1) ‘Sangat tidak setuju’, (2) ‘Tidak setuju’, (3) ‘Tidak pasti’, (4) ‘Setuju’ dan (5) ‘Sangat setuju’.

### **iii. Borang Soal Selidik Bahagian (C)**

Borang soal selidik dibahagian (C) pula mengenai persepsi murid terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran guru sepanjang pelaksanaan KBS. Item-item yang dibina pada bahagian ini adalah untuk mengenal pasti teknik pengajaran guru terhadap penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai seperti tayangan video, menggunakan contoh yang sesuai dalam pengajaran amali solat dan kaedah pengukuhan yang digunakan guru . Responden juga diberi lima pilihan jawapan menggunakan skala likert iaitu; (1) ‘Sangat tidak setuju’, (2) ‘Tidak setuju’, (3) ‘Tidak pasti’, (4) ‘Setuju’ dan (5) ‘Sangat setuju’.

#### iv. Borang Soal Selidik Bahagian (D)

Borang soal selidik bahagian (D) pula mengenai penguasaan murid terhadap rukun solat menerusi Kem Bestari Solat (KBS). Dalam bahagian ini merangkumi tiga bahagian rukun iaitu penguasaan rukun *qalbi*, penguasaan rukun *qawli* dan penguasaan rukun *fi'li* (kelakuan) murid dalam solat. Item-item yang dibina berdasarkan 13 rukun solat untuk mengetahui penguasaan murid terhadap rukun *qalbi*, *qawli*, dan *fi'li*. Pada item penguasaan murid terhadap rukun *qalbi* ini sebanyak lima persoalan yang berkaitan dengan niat solat subuh, zohor, asar, maghrib dan *isya'*. Seterusnya, item yang berkaitan tentang penguasaan rukun *qawli* adalah sebanyak lima item iaitu menyebut lafaz takbiratul ihram, membaca surah surah al-Fatihah dengan baik, membaca *tahiyāt* dengan sempurna, membaca selawat atas Nabi dengan baik dan menyebut salam yang pertama dengan betul ketika hampir solat. Manakala item yang menyentuh persoalan penguasaan rukun *fi'li* pula sebanyak 11 item iaitu dapat berdiri dengan betul ketika melakukan solat, melakukan *rukū'* dengan sempurna, *i'tidal* selepas *rukū'*, sujud, duduk antara dua sujud, duduk *tahiyāt* akhir, solat dengan *tama'ninah* ketika *rukū'*, *i'tidal*, sujud, duduk antara dua sujud dan solat dengan tertib. Responden juga diberi lima pilihan jawapan dengan menggunakan skala likert iaitu: (1) Sangat tidak setuju, (2) Tidak setuju, (3) Tidak pasti, (4) Setuju, (5) Sangat setuju.

Jadual 3.4: Pembahagian item dalam soal selidik penguasaan rukun solat menerusi Kem Bestari Solat (KBS)

Pemboleh ubah	Bahagian	No. Item	No. Soalan kajian yang dijawab
1 Demografi responden	A	1-6	Profil murid
2 Persepsi Murid Terhadap Pelaksanaan Program KBS	B	1-5	1
3 Persepsi Murid Terhadap Teknik PdP Guru	C	1-5	2

4	Penguasaan Rukun Qalbi	D.1	1-5	3
5	Penguasaan Rukun Qawli	D.2	1-5	3
6	Penguasaan Rukun Fi’li	D.3	1-11	3

Jadual 3.4 menunjukkan pembahagian item dalam soal selidik penguasaan murid terhadap rukun solat menerusi Kem Bestari Solat (KBS). Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian seperti yang dinyatakan dalam jadual tersebut.

### b) Temu bual

Temu bual bermaksud perbuatan yang mempunyai matlamat<sup>104</sup>. Ia adalah kaedah yang digunakan pengkaji untuk mengumpul dapatan yang dalam kajian ini. Teknik ini dikatakan mengandungi unsur-unsur *validity* dan *reliability item*<sup>105</sup>. Menurut Mohd Majid Konting (2009) pengumpulan data secara temu bual sesuai digunakan untuk memperolehi maklumat yang lebit tepat dan lebih banyak untuk mencapai sesuatu objektif penyelidikan<sup>106</sup>. Menurut Othman Lebar, tujuan utama temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat yang khusus<sup>107</sup>. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan gambaran secara langsung tentang penguasaan murid terhadap rukun solat dan bentuk pelaksanaan rukun solat melalui Kem Bestari Solat (KBS) yang dilaksanakan di setiap sekolah. Mengikut Patton pula, penyelidik hendaklah mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang. Beliau menjelaskan, “ *We interview people to find out from them those thing we cannot directly observe... We cannot observe feeling, thoughts, and intentions.*”<sup>108</sup> Temu bual

<sup>104</sup> Alfred Kadushin, *The Social Work Interview*, New York, Colombia: University Press, 1993, 13

<sup>105</sup> James Coleman, “Rational Analysis: The Study Of Social Organization With Survey Method”, *Human Organization*, Vol.17, 1958, 28-36

<sup>106</sup> Ibid., 237

<sup>107</sup> Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori Dan Metod*, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009, 119

<sup>108</sup> Patton, M., *Qualitative Evaluation Methods* (Beverly Hill: Sage. 1978), 196.

adalah sebaik-baiknya dilakukan bersama pemerhatian supaya memperolehi hasil kajian yang lebih jelas<sup>109</sup>.

Bagi mencapai objektif penyelidikan ini, beberapa langkah telah diatur supaya kajian dapat dijalankan dengan baik dan tersusun. Antaranya, adalah mengadakan temu janji dengan setiap guru yang terlibat. Ini bertujuan untuk memastikan mereka dapat meluangkan masa dan memberi kerjasama dengan sebaik mungkin sepanjang proses temu bual berlangsung.

Pengendalian temu bual boleh dilaksanakan dalam beberapa fasa. Namun, pengkaji hanya memilih dua fasa sahaja dalam kajian ini. Fasa yang pertama adalah, sesi pengenalan yang menyatakan maksud dan tujuan kajian dengan mereka yang terlibat. Manakala fasa yang kedua adalah sesi temu bual yang sebenar dan berfokuskan isi kandungan sebenar kajian.

Seterusnya, pengkaji telah membina item-item yang bersesuaian dengan objektif kajian sebelum menemu bual guru yang terlibat. Temu bual yang dijalankan pengkaji dalam kajian ini adalah secara semi berstruktur. Kesemua guru yang ditemu bual adalah guru agama yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program KBS. Di samping itu juga, terdapat beberapa soalan spontan yang digunakan pengkaji dalam tempoh temu bual tersebut.

Kaedah triangulasi boleh digunakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data yang terkumpul melalui temu bual<sup>110</sup>. Tidak terkecuali dalam

---

<sup>109</sup> Robert C. Bogdan & Sari Knop Biklen, *Qualitative Research in Education: An Introduction to Theory and Method*, 2<sup>nd</sup> Ed. (Boston: Allyn & Bacon, Inc, 1992), 96.

<sup>110</sup> Janesik Velerie, "The Dance of Qualitative Research Design", dalam (Ed. Norman K. Denzin Y vonna S. Lincoln) *Handbook of Qualitative research*, London, Sage Publication, 1994, 214-215.

kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah triangulasi bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih baik. Dengan melaksanakan kaedah ini, selain bergantung maklumat yang diberikan seorang guru, pengkaji memperolehi maklumat dari guru yang lain dengan lebih tepat dan jelas lagi.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menemu bual enam orang guru yang terlibat di sekolah dan seorang pegawai khas Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) secara langsung tentang bentuk pelaksanaan rukun solat melalui KBS. Disamping itu juga, seramai enam orang murid telah dipilih untuk ditemu bual bagi melihat penguasaan rukun solat mereka secara langsung. Temu bual dibuat secara terancang. Bagi memastikan segala butiran di dalam temu bual tidak tercicir, pengkaji telah merakam keseluruhan temu bual tersebut dengan menggunakan pita rakaman dan catatan yang kemudian dipindahkan ke dalam bentuk transkrip penulisan. Temu bual ini dijalankan secara semi berstruktur yang dilakukan dalam bulan Februari dan April 2013.

### c) Pemerhatian

Melalui pemerhatian, pengkaji dapat merekod perlakuan yang sedang berlaku. Menurut Othman Lebar, pemerhatian melibatkan tindakan merakam peristiwa, perkara dan perlakuan secara sistematik dilatar sosial yang dipilih untuk kajian. Pemerhatian merupakan teknik yang terbaik apabila aktiviti, peristiwa atau situasi boleh diperhati secara langsung, atau apabila perspektif yang baru diperlukan.<sup>111</sup>

Pemerhatian juga dilaksanakan dalam penyelidikan ini bagi memperolehi maklumat tambahan yang sukar diperolehi melalui kaedah kaji selidik dan temu bual.

---

<sup>111</sup> Othman Lebar, *Penyelidikan Kuantitatif, Pengenalan Kepada Teori dan Metod* (Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007), 66.

Hal ini penting bagi pengkaji untuk membuat triangulasi maklumat yang dikumpulkan dengan pemerhatian.

Dalam kajian ini, pemerhatian yang dilakukan pengkaji adalah pemerhatian secara ikut serta dalam beberapa sesi Program Kem Bestari Solat (KBS) yang dilaksanakan di beberapa buah sekolah sebagai pemerhati kepada perjalanan kem tersebut. Pemerhatian ini dilaksanakan untuk meninjau bagaimakah guru-guru j-QAF mengawal murid mereka dengan berbagai-bagai ragam dan karenah semasa mengendalikan program tersebut. Disamping itu juga, pemerhatian telah dibuat terhadap proses pengajaran dan pembelajaran guru terhadap rukun solat sepanjang proses pelaksanaannya di setiap sekolah. Selain itu, pemerhatian juga dilakukan ke atas murid di surau sekolah semasa melakukan amali solat berfokuskan rukun solat yang telah dipelajari mereka.

### **3.6 Kajian Rintis**

Instrumen-instrumen kajian iaitu soal selidik boleh diuji untuk kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian rintis.<sup>112</sup> Justeru, Satu kajian rintis dijalankan untuk memastikan instrumen ini sah dan boleh dipercayai. Alfa Cronbach digunakan untuk memastikan instrumen ini boleh dipercayai. Kekuatan kolerasi bagi setiap pembolehubah boleh dikelaskan berdasarkan kepada julat 0.0 hingga 1.0. Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk:

- 1) Menentukan dan memastikan arahan-arahan untuk menjawab soalan kaji selidik adalah jelas dan mudah difahami.

---

<sup>112</sup> Mok Soon Sang, *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*, (Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, 2010), 216.

- 2) Menentukan kesesuaian bahasa pada borang kaji selidik dengan responden sebenar dan kefahaman item.
- 3) Menentukan sama ada bahasa yang digunakan dalam borang soal selidik adalah betul dan mudah difahami oleh tahap pendidikan responden.

Seramai 30 orang responden mengambil bahagian di dalam kajian rintis ini. Responden kajian rintis ini terdiri daripada pelajar sekolah rendah biasa di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Nilai yang didapati daripada Alfa Cronbach untuk kedua-dua instrumen adalah seperti berikut:

**Jadual 3.5: Nilai Alfa Cronbach bagi kedua-dua instrumen.**

Instrumen	Alfa Cronbach
Borang kaji selidik penguasaan rukun solat menerusi KBS, persepsi murid terhadap pelaksanaan program KBS, dan persepsi murid terhadap kaedah PdP melalui pelaksanaan KBS	0.89

Nilai Alfa Cronbach yang diperolehi adalah 0.89 yang mana tahap kesahihan dan kebolehpercayaan instrumen ini adalah tinggi.

**Jadual 3.6: Pekali Alfa Cronbach.**

Nilai	Tahap
0.0 – 0.2	Sangat Lemah
0.2 – 0.4	Lemah
0.4 – 0.7	Sederhana
0.7 – 0.9	Kuat
0.9 – 1.0	Sangat Kuat

Sumber: Azizi Yahaya et al, *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisa & Interpretasi Data*, 2003, 65.

### **3.7 Prosedur Pengumpulan Data**

Prosedur pengumpulan data dalam kajian ini dijalankan secara berperingkat supaya berjalan dengan lancar, teratur dan telus. Pada peringkat permulaan, pengkaji telah mendapatkan kelulusan tajuk kajian daripada Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam. Apabila kelulusan tajuk kajian telah diperolehi, pengkaji membuat surat permohonan untuk menjalankan penyelidikan kepada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPD / EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah mendapat kebenaran dari pihak BPPD Kementerian Pendidikan Malaysia, pengkaji seterusnya memohon kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan (JPNK) untuk menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah yang telah dikenalpasti.

Setelah mendapat kelulusan daripada JPNK, pengkaji telah pergi ke sekolah untuk memohon kebenaran daripada Guru Besar sekolah yang terlibat. Apabila kebenaran telah diperolehi, pengkaji telah menetapkan hari dan waktu untuk menjalankan kajian. Pengkaji telah melibatkan diri secara langsung dalam pengagihan dan penerangan terhadap borang kaji selidik tersebut dengan kebenaran guru-guru mata pelajaran pendidikan Islam.

Apabila semua borang soal selidik yang diisi oleh responden dikumpul dan disemak, langkah yang terakhir ialah memasukkan semua data yang diperolehi ke dalam komputer dengan menggunakan perisian SPSS untuk diisi dan dianalisis.

### **3.8 Analisis Data**

Data kajian yang diperolehi daripada borang-borang soal selidik dikumpul daripada responden dan diproses dengan komputer pengaturcaraan ‘*Statistic Package for The Social Science*’ (SPSS version 19.0 for windows). Data dianalisis mengikut soalan kajian. Penganalisaan data yang dibuat mengikut analisis deskriptif yang merangkumi jumlah peratus dan frekuansi untuk memerihalkan demografi responden pada bahagian A. Manakala, nilai penganalisaan dalam bentuk min dan sisihan piawai digunakan dalam bahagian B, C serta D. Bagi menjawab persoalan kajian deskriptif ini, interpretasi nilai min skala lima likert dibuat berdasarkan gabungan interpretasi min oleh Nunally (1978) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.6 di bawah:

**Jadual 3.7 Interpretasi skor min nunally (1978)**

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi</b>
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.00-2.00	Rendah

Sumber: Nunally, J. C, *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw Hill Publication Company, 1978.

Sementara itu, dapatan data yang diperolehi melalui kaedah temu bual dan pemerhatian pula dibentangkan secara deskriptif sebagai menyokong data soal selidik.

## **BAB 4**

### **HASIL KAJIAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Di dalam bab ini, penyelidik akan menjelaskan hasil kajian yang telah dijalankan ke atas responden seramai 315 orang murid tahun lima di enam buah sekolah di daerah Gua Musang, di mana tiga buah sekolah dari kawasan bandar Gua Musang, dan tiga buah sekolah lagi di kawasan luar bandar. Selain itu, penyelidik akan menjelaskan perbezaan dapatan demografi yang diperolehi, dan analisis dapatan pada setiap bahagian soalan yang telah dikumpulkan.

#### **4.2 Demografi Responden**

**Jadual 4.1 : Jantina Responden**

	Frekuensi	Peratus
Lelaki	162	51.4
Perempuan	153	48.6
Total	315	100

Jadual 4.1 menunjukkan bilangan responden berdasarkan jantina lelaki dan perempuan yang dijalankan di enam buah sekolah di daerah Gua Musang. Daripada jumlah 315 orang responden, 162 daripadanya bersamaan dengan 51.4% terdiri daripada murid lelaki, manakala 153 orang responden iaitu bersamaan 48.6% terdiri daripada murid perempuan.

**Jadual 4.2 : Lokasi Tempat Tinggal**

	Frekuensi	Peratus
Bandar	160	50.8
Luar Bandar	155	49.2
Total	315	100

Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden mengikut lokasi tempat tinggal bandar dan luar bandar. Daripada hasil analisis, penyelidik telah mendapati 160 orang murid atau 50.8 peratus murid yang menjadi responden tinggal di bandar, manakala 155 orang murid lagi atau 49.2 peratus murid tinggal di luar Bandar.

**Jadual 4.3 : Penguasaan Bacaan *Iqra'***

	Frekuensi	Peratus
Buku <i>Iqra'</i> 1 hingga 3	47	14.9
Buku <i>Iqra'</i> 4 hingga 6	57	18.1
Al-Quran	211	67
Total	315	100

Jadual 4.3 menunjukkan penguasaan bacaan *Iqra'* murid. 14.9 peratus daripada jumlah 315 murid hanya menguasai bacaan *Iqra'* 1 hingga 3, manakala 18.1 peratus murid menguasai bacaan *Iqra'* 4 hingga 6, dan selebihnya iaitu seramai 67 peratus murid telah dapat membaca al-Quran dengan baik.

**Jadual 4.4 : Pekerjaan Bapa Responden**

	Frekuensi	Peratus
Kerajaan	84	26.7
Swasta	36	11.4
Kerja Sendiri	127	40.3
Lain-lain	68	21.6
Total	315	100

Bagi jadual 4.4 pula, peratus pekerjaan bapa yang bekerja sendiri adalah lebih tinggi daripada pekerjaan lain iaitu 40.3 peratus. Peratus pekerjaan bapa yang paling rendah adalah sektor swasta yang hanya mencatat sebanyak 11.4 peratus. Manakala bagi sektor kerajaan mencatat peratusan sebanyak 26.7 peratus, dan lain-lain pekerjaan sebanyak 21.6 peratus. Lain-lain pekerjaan ini, termasuklah bapa responden yang tidak bekerja dan yang telah bersara.

**Jadual 4.5 : Pekerjaan Ibu Responden**

	Frekuensi	Peratus
Kerajaan	58	18.4
Swasta	7	2.2
Kerja Sendiri	68	21.6
Lain-lain	182	57.8
Total	315	100

Jadual 4.5 menunjukkan peratusan dan kekerapan pekerjaan ibu responden. Daripada jadual di atas, penyelidik mendapati peratus pekerjaan ibu dalam kumpulan lain-lain adalah paling tinggi berbanding sektor kerajaan, swasta, dan bekerja sendiri iaitu sebanyak 57.8 peratus diikuti oleh bekerja sendiri sebanyak 21.6 peratus, sektor kerajaan sebanyak 18.4 peratus, dan akhirnya sektor swasta iaitu sebanyak 2.2 peratus. Berpandukan soal selidik yang dikumpulkan bagi item ini, responden menyatakan ibu mereka tidak bekerja dan mengklasifikasikan sebagai kumpulan lain-lain.

**Jadual 4.6 : Taburan Jantina Mengikut Lokasi Tempat Tinggal Bandar Dan Luar Bandar.**

<b>Jantina</b>		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	Bandar	74	45.7
	Luar bandar	88	54.3
	Total	162	100.0
Perempuan	Bandar	86	56.2
	Luar bandar	67	43.8
	Total	153	100.0

Jadual 4.6 menunjukkan analisis bilangan responden mengikut jantina dan kawasan. Di dalam kajian ini, penyelidik telah menjalankan kajian terhadap 315 orang responden. Daripada jumlah tersebut, 74 orang responden lelaki dan 86 orang responden perempuan responden diambil dari sekolah rendah yang terletak di bandar dengan jumlah 160 orang, manakala 88 orang responden lelaki dan 67 orang responden perempuan diambil dari sekolah rendah luar bandar dengan jumlah 155 orang.

**Jadual 4.7 : Penguasaan Bacaan *Iqra'* Responden Mengikut Jantina Dan Lokasi Tempat Tinggal.**

<b>Jantina</b>	<b>Tempat tinggal</b>		<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	Bandar	Buku <i>iqra'</i> 1 hingga 3	4	5.4
		Buku <i>iqra'</i> 4 hingga 6	10	13.5
		al-Quran	60	81.1
	Total		74	100.0
Luar bandar	Buku <i>iqra'</i> 1 hingga 3	26	29.5	
		Buku <i>iqra'</i> 4 hingga 6	20	22.7
		al-Quran	42	47.7
	Total		88	100.0
Perempuan	Bandar	Buku <i>iqra'</i> 1 hingga 3	7	8.1
		Buku <i>iqra'</i> 4 hingga 6	8	9.3
		al-Quran	71	82.6
	Total		86	100.0
Luar bandar	Buku <i>iqra'</i> 1 hingga 3	10	14.9	
		Buku <i>iqra'</i> 4 hingga 6	19	28.4
		al-Quran	38	56.7
	Total		67	100.0

Jadual 4.7 menunjukkan analisis penguasaan bacaan *Iqra'* responden mengikut jantina dan lokasi tempat tinggal. Daripada jadual ini, penyelidik mendapat 5.4 peratus murid lelaki di kawasan bandar hanya menguasai bacaan *Iqra'* 1 hingga 3, manakala di kawasan luar bandar sebanyak 29.5 peratus. Bagi murid perempuan pula, sebanyak 8.1 peratus murid bandar hanya menguasai bacaan *Iqra'* 1 hingga 3, dan 14.9 peratus bagi murid luar bandar. Bagi penguasaan bacaan *Iqra'* 4 hingga 6 pula, peratusan murid lelaki di kawasan bandar adalah sebanyak 13.5 peratus, manakala luar bandar adalah sebanyak 22.7 peratus.

**Jadual 4.8 : Pekerjaan Bapa Mengikut Jantina Dan Lokasi Tempat Tinggal Responden.**

<b>Jantina</b>	<b>Tempat tinggal</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	Bandar	Kerajaan	26
		Swasta	10
		Kerja Sendiri	22
		Lain-lain	16
	Total	74	100.0
Luar bandar	Luar bandar	Kerajaan	18
		Swasta	4
		Kerja Sendiri	46
		Lain-lain	20
	Total	88	100.0
Perempuan	Bandar	Kerajaan	33
		Swasta	14
		Kerja Sendiri	27
		Lain-lain	12
	Total	86	100.0
Luar bandar	Luar bandar	Kerajaan	7
		Swasta	8
		Kerja Sendiri	32
		Lain-lain	20
	Total	67	100.0

Jadual 4.8 menunjukkan taburan pekerjaan bapa responden mengikut jantina dan lokasi tempat tinggal. Bagi responden lelaki, 35.1 peratus pekerjaan bapa responden yang tertinggi yang tinggal di bandar adalah dalam sektor kerajaan, manakala di luar bandar 46 peratus bapa responden adalah bekerja sendiri di mana ia mencatat peratusan yang tertinggi berbanding pekerjaan lain. Responden perempuan juga mencatat peratusan yang hampir sama di mana peratusan yang tertinggi di luar bandar ialah bapa yang bekerja sendiri iaitu sebanyak 47.8 peratus, dan di bandar adalah sektor kerajaan iaitu sebanyak 38.4 peratus.

**Jadual 4.9: Pekerjaan Ibu Mengikut Jantina Dan Lokasi Tempat Tinggal Responden.**

Jantina	Tempat tinggal	Kekerapan	Peratus
Lelaki	Bandar	Kerajaan	23
		Swasta	2
		Kerja Sendiri	12
		Lain-lain	37
		Total	74
	Luar bandar		100.0
		Kerajaan	7
		Swasta	3
		Kerja Sendiri	22
		Lain-lain	56
		Total	88
			100.0
Perempuan	Bandar	Kerajaan	22
		Swasta	2
		Kerja Sendiri	22
		Lain-lain	40
		Total	86
			100.0
	Luar bandar	Kerajaan	6
		Kerja Sendiri	12
		Lain-lain	49
		Total	67
			100.0

Jadual 4.9 pula menunjukkan taburan pekerjaan ibu responden mengikut jantina dan lokasi tempat tinggal. Bagi responden lelaki, 63.6 peratus pekerjaan ibu responden yang tertinggi yang tinggal di luar bandar adalah dari lain-lain pekerjaan yang terdiri

daripada suri rumah, meninggal dunia, sakit dan sebagainya. Manakala di bandar peratus ibu responden perempuan telah mencatat peratusan yang tertinggi di luar bandar ibu yang bekerja sendiri iaitu sebanyak 73.1 peratus, Manakala peratusan yang sama dapat dilihat oleh responden perempuan di bandar terhadap pekerjaan ibu adalah sektor kerajaan dan swasta iaitu masing-masing sebanyak 25.6 peratus.

#### **4.3 Mengenal Pasti Persepsi Murid Terhadap Pelaksanaan Rukun Solat Melalui Kem Bestari Solat (KBS) antara Sekolah Bandar dan Luar Bandar.**

Untuk mengetahui persepsi murid terhadap pelaksanaan Kem Bestari Solat (KBS) antara sekolah di bandar dan luar bandar daerah Gua Musang, pengkaji telah memilih responden seramai 315 orang yang terdiri daripada pelajar tahun lima. Mereka dipilih melalui proses persampelan rawak mudah yang dilakukan ke atas enam buah sekolah rendah di daerah Gua Musang.

Responden yang terdiri dalam kalangan pelajar ini diminta memberikan pendapat mereka terhadap pelaksanaan Program KBS di sekolah mereka. Sebanyak lima item soalan yang telah dibina oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengannya. Kajian ini mengkhususkan kepada lima bentuk pelaksanaan rukun solat dalam KBS oleh pelaksana.

Lima item ini dipecahkan mengikut persepsi murid bandar dan luar bandar bagi mendapatkan skor min yang disusun daripada nilai tertinggi dan nilai yang terendah sebelum dibahagikan kepada kumpulan bandar dan luar bandar. Hasil kajian

yang dijalankan tentang persepsi responden terhadap bentuk pelaksanaan Program KBS ini telah dinyatakan seperti dalam jadual 4.10:

**Jadual 4.10: Persepsi Murid Terhadap Pelaksanaan Rukun Solat Melalui Program Kem Bestari Solat Yang Dilaksanakan Di Sekolah Bandar Dan Luar Bandar**

Bil	Butiran	Bandar		Luar Bandar	
		Min	S.P	Min	S.P
1	Waktu Program Kem Bestari solat (KBS) yang dilaksanakan di sekolah saya adalah tidak sesuai	2.42	1.69	3.15	1.64
2	Tempoh waktu Program KBS yang dilaksanakan di sekolah saya sangat terhad	1.99	1.57	2.77	1.64
3	Program KBS dilaksanakan di tempat yang selesa kerana terdapat kemudahan asas seperti kipas angin	4.69	.938	4.45	1.19
4	Saya terpaksa mengikuti LDK dalam program KBS di tempat yang sesak dan sempit	1.55	1.27	2.48	1.48
5	Saya sering kali ponteng atau tidak hadir dari mengikut program KBS yang dilaksanakan di sekolah saya	1.51	1.04	2.18	1.46

Dalam jadual 4.10, dapatan kajian telah menunjukkan pernyataan tentang pelaksanaan rukun solat melalui Program Kem Bestari Solat (KBS) yang dilaksanakan di sekolah untuk murid. Pernyataan pertama berkenaan dengan ‘pelaksanaan waktu program KBS yang dilaksanakan di sekolah mereka tidak sesuai, nilai min yang diperolehi responden di bandar adalah min=2.42 berbanding nilai min=3.15 di luar bandar. Ini menunjukkan bahawa pelajar luar bandar lebih bersetuju dengan pernyataan item tentang waktu pelaksanaan KBS yang tidak bersesuaian. Namun begitu, min pelajar bandar berada di tahap sederhana rendah dan ini menyatakan kebanyakan mereka bersetuju dengan waktu pelaksanaan KBS

di sekolah. Hal ini menunjukkan waktu pelaksanaan KBS di sekolah antara satu sama lain adalah berbeza mengikut kesesuaian pihak sekolah<sup>113</sup>.

Manakala untuk pernyataan yang seterusnya iaitu mengenai ‘tempoh waktu pelaksanaan Program KBS yang dilaksanakan di sekolah saya sangat terhad’, min yang diperolehi adalah  $\text{min}=1.99$  bagi bandar, dan  $\text{min}=2.77$  bagi luar bandar. Nilai ini jelas menyatakan min bagi bandar berada pada tahap rendah dan min luar bandar berada pada tahap sederhana rendah. Ini menggambarkan murid di bandar merasakan tempoh waktu pelaksanaan KBS adalah sesuai, manakala murid luar bandar masih bersetuju dengan pernyataan item ini kerana skor yang diperolehi berada di tahap sederhana rendah. Hasil temu bual pengkaji bersama empat orang guru pendidikan Islam dan tiga orang guru j-QAF, lima daripadanya telah menyatakan bahawa tempoh masa yang dilaksanakan oleh pihak sekolah seperti agihan jadual waktu dalam LDK KBS adalah mengikut kesesuaian pihak sekolah. Dapatkan ini disokong oleh melalui kajian lepas berhubung perkara yang sama oleh Asmawati & Lukman (2009) yang mendapati bahawa guru-guru j-QAF berpandangan jadual program KBS yang telah disusun adalah sesuai(85.7%). Manakala tempoh masa Kem Bestari Solat yang dilaksanakan adalah sesuai dan mencukupi (73.1%).<sup>114</sup>

Bagi item ketiga, iaitu ‘program KBS dilaksanakan di tempat yang selesa’. Nilai min yang diperolehi bagi murid bandar adalah  $\text{min}=4.69$ , dan luar bandar  $\text{min}=4.45$ . Nilai kedua-dua min ini berada pada tahap tinggi, telah menjelaskan bahawa murid di bandar dan luar bandar merasa selesa dengan tempat yang

<sup>113</sup>Puan Kamariah Md Ali (Ketua Panitia, SK Sri Ciku, Gua Musang) dalam temu bual dengan pengkaji, 19 Mac 2013 dan En. Suhaimi Abdullah, Penyelaras j-QAF SK Sri Wangi (2), Gua Musang) dalam temu bual dengan pengkaji, 20 Mac 2013.

<sup>114</sup> Asmawati Suhid & Lukman Abdul Mutalib, “Tinjauan Terhadap Kem Bestari Solat,” *Jurnal of Islamic Education 1(1)(2009)*, 24.

digunakan untuk pelaksanaan KBS di sekolah. Hal ini juga dibuktikan dengan pemerhatian pengkaji sendiri sewaktu pelaksanaan amali solat dijalankan dalam aktiviti berkumpulan iaitu sewaktu agihan murid dalam kumpulan LDK di SK. Paloh 1&2, Gua Musang, Kelantan<sup>115</sup>. Melalui pemerhatian tersebut, pengkaji mendapati situasi murid berada dalam keadaan yang sesuai dan selesa disamping dapat memanfaatkan kemudahan infrastruktur sekolah.

Nilai min yang diperolehi bagi item keempat iaitu, ‘saya terpaksa mengikuti LDK dalam program KBS di tempat yang sesak dan sempit’ adalah min=1.55 bagi bandar dan min=2.48 bagi luar bandar. Item ini telah dimanipulasi daripada item tiga. Nilai min yang diperolehi berada di tahap rendah, dan ini menunjukkan tempat yang dipilih oleh pihak sekolah adalah selesa dan sesuai untuk program KBS ini. Dapatan ini selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Noor Azimah & Ab. Halim (2012) menyatakan bahawa tempat yang digunakan untuk pelaksanaan program KBS adalah sesuai dan selesa (min=4.16)<sup>116</sup>.

Item kelima iaitu, ‘saya sering kali ponteng atau tidak hadir dari mengikut Program KBS yang dilaksanakan di sekolah saya’ menunjukkan min yang berada di tahap rendah juga iaitu min=1.51 bagi bandar, dan min=2.18 bagi luar bandar. Ini jelas menunjukkan kebanyakan murid tidak bersetuju dengan pernyataan item ini, dan majoriti daripadanya murid dapat menghadiri program KBS walaupun ada segelintir murid yang tidak dapat hadir ketika program KBS dilaksanakan. Hal ini telah dibuktikan melalui pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap pelaksanaan KBS di dua buah sekolah di daerah Gua Musang. Sekolah tersebut

---

<sup>115</sup> Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap pelaksanaan rukun solat dalam Program KBS di SK Paloh 1&2, Gua Musang pada 14hb Mac, 2013.

<sup>116</sup> Noor Azimah Surip & Ab. Halim Tamuri, “Penilaian Pelaksanaan Kem Bestari Solat Program j-QAF di Sekolah Rendah. Kajian di daerah Kuala Selangor”, *Jurnal Pendidikan* vol.1, (2012), 11.

ialah sekolah bandar iaitu di SK Gua Musang dan luar bandar iaitu SK Chiku 03, Gua Musang, Kelantan<sup>117</sup>. Beberapa kelemahan dapat dikenalpasti oleh pengkaji berkaitan jumlah kehadiran murid dalam menyertai program KBS yang telah diadakan pada hari sabtu. Mengikut rekod kehadiran dua sekolah yang berbeza, peratusan murid yang hadir ke program KBS kali ketiga masing-masing hanyalah mencapai hampir 85% sahaja. Dapatan ini selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Asmawati & Lukman (2009) terhadap masalah kehadiran murid juga adalah hampir sama iaitu sebanyak 73.1% sahaja<sup>118</sup>.

Secara keseluruhannya, pengkaji berpendapat bahawa hampir keseluruhan persepsi murid di bandar dan luar bandar memberi kerjasama yang baik dalam pelaksanaan Program KBS ini.

---

<sup>117</sup> Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap pelaksanaan rukun solat dalam Program KBS di SK Gua Musang dan SK Chiku 03, Gua Musang pada 12 dan 18hb Mac, 2013.

<sup>118</sup> Asmawati Suhid & Lukman Abdul Mutalib, "Tinjauan Terhadap Kem Bestari Solat," 24.

**Jadual 4.11: Purata Min keseluruhan Persepsi Murid Terhadap Pelaksanaan Rukun Solat Melalui Program KBS Yang Dilaksanakan Di Sekolah Bandar Dan Luar Bandar bagi semua kategori**

Persepsi murid terhadap pelaksanaan program KBS yang dilaksanakan di bandar	Min	Persepsi murid terhadap pelaksanaan program KBS yang dilaksanakan di luar bandar	Min
Min keseluruhan	2.43	Min keseluruhan	3.00
N	160	N	155

Jadual 4.11 menunjukkan nilai min keseluruhan persepsi murid terhadap pelaksanaan rukun solat melalui program KBS yang dilaksanakan di sekolah bandar dan luar bandar bagi semua kategori. Berpandukan jadual 4.11 di atas, nilai min keseluruhan persepsi murid terhadap pelaksanaan rukun solat melalui program KBS yang dilaksanakan di sekolah luar bandar adalah lebih tinggi berbanding bandar dengan min=3.00 bagi luar bandar dan min=2.43 bagi bandar.

Ini menunjukkan persepsi murid terhadap pelaksanaan program KBS di luar bandar berada pada tahap sederhana tinggi berbanding persepsi murid bandar adalah berada pada tahap sederhana rendah pada persepsi mereka.

**4.4 Mengenal Pasti Persepsi Murid Terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Berkaitan Rukun Solat Menerusi KBS Antara Sekolah di Bandar dan Luar Bandar.**

**Jadual 4.12: Persepsi Murid Terhadap Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Berkaitan Rukun Solat Menerusi KBS Antara Sekolah Di Bandar Dan Luar Bandar.**

Bil	Butiran	Bandar		Luar Bandar	
		Min	S.P	Min	S.P
1	Guru saya menggunakan tayangan video di dalam pengajaran rukun solat	2.13	1.47	1.45	.920
2	Guru saya menunjukkan contoh atau cara yang paling sesuai mengenai pelakuan dan bacaan solat	4.11	.949	3.99	1.23
3	Guru saya menggunakan papan hitam dan kapur sahaja dalam KBS	2.51	1.79	3.06	1.61
4	Guru memberi bimbingan kepada saya dengan menyolo dan mengulangi untuk menguasai bacaan dan perlakuan rukun solat	4.12	.921	4.18	1.09
5	Guru saya memberi hadiah atau pujian apabila saya menjawab soalan dengan betul	4.75	1.47	2.96	1.60

Jadual 4.12 memaparkan analisis pernyataan yang merujuk kepada lima item yang berkaitan persepsi murid terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran guru berkaitan rukun solat menerusi KBS antara sekolah di bandar dan luar bandar.

Pernyataan pertama merujuk kepada perihal penggunaan tayangan video oleh guru di dalam pengajaran rukun solat semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatkan kajian menunjukkan nilai min yang di perolehi di bandar adalah min=2.13 dan luar bandar dengan min=1.45. Ini menunjukkan kedua-dua min yang diperolehi bagi item ini adalah sederhana rendah bagi bandar dan rendah bagi luar bandar. Keadaan ini bergantung pada kemudahan yang disediakan pihak pelaksana program

dan inisiatif para guru semasa mengendalikan LDK dalam program tersebut. Hal ini telah dibuktikan melalui pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap penggunaan tayangan video oleh guru semasa program dijalankan di dua buah sekolah dibandar dan luar bandar menunjukkan penggunaan tayangan video di sekolah luar bandar amat rendah berbanding sekolah di bandar. Pada pandangan pengkaji, hal demikian berlaku kerana sekolah di bandar mempunyai prasarana yang lebih baik berbanding sekolah luar bandar. Dapatan ini juga disokong melalui hasil temu bual pengkaji bersama dua orang guru penyelaras program KBS yang menyatakan bahawa guru kurang menggunakan tayangan video semasa LDK kerana kemudahan peralatan tersebut yang disediakan di sekolah luar bandar amat rendah.<sup>119</sup> Dapatan ini juga selari dengan kajian yang dilakukan oleh Hashim et al. (2010) yang menunjukkan bahawa penggunaan BBM, gaya pengajaran guru dan kemudahan sekolah membantu kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah<sup>120</sup>. Menurut teori pengajaran oleh *Ibn Khaldūn*, yang menjelaskan bahawa medium yang perlu dilakukan oleh guru dalam proses menyampaikan ilmu ialah dengan penggunaan alat bantu mengajar<sup>121</sup>.

Seterusnya pernyataan kedua pula merujuk kepada persepsi murid terhadap ‘Guru saya menunjukkan contoh atau cara yang paling sesuai mengenai pelakuan dan bacaan solat’. Nilai min yang diperolehi bagi pernyataan ini di bandar adalah min=4.11 dan luar Bandar dengan min=3.99. Ini menunjukkan teknik pengajaran guru di bandar dengan cara menunjukkan contoh yang mudah difahami dan menunjukkan cara bacaan dalam solat adalah tinggi berbanding teknik guru yang dilaksanakan di

<sup>119</sup>Puan Norazizah Abdullah ( penyelaras j-QAF, SK Paloh 1&2) dalam temu bual dengan pengkaji, 5 Mac, 2013, Puan Rohana Mohamed ( penyelaras KBS, SK Chiku 03) dalam pemerhatian oleh pengkaji, 7 Mac 2013,

<sup>120</sup>Hashim et al., Perbandingan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Antara Sekolah Di Bandar Dan Luar Bandar (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2010), 43.

<sup>121</sup> Abdullah al-Amīn al-Na’mī. *Kaedah Dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldūn dan Al-Qābīsī*, terj. Mohd Ramzi Omar. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1994), 53.

luar bandar adalah sederhana tinggi. Dapatan ini selari dengan hasil kajian oleh Bitah Takbilola yang menyatakan bahawa teknik pengajaran guru yang kerap digunakan ialah secara tunjukcara atau demonstrasi dengan (nilai min=4.5)<sup>122</sup>. Pada pandangan pengkaji, keadaan ini sebenarnya lebih digemari oleh kebanyakkan murid kerana cara ini mereka dapat lebih tumpuan dan bimbingan langsung dari guru mereka.

Berhubung dengan ‘ penggunaan papan hitam dan kapur sahaja dalam KBS ’ pada pernyataan yang ketiga, kajian mendapati nilai min yang diperolehi di bandar iaitu min=2.51 berada pada tahap sederhana berbanding di luar bandar dengan min=3.06 berada pada tahap sederhana tinggi. Ini mengambarkan penggunaan kapur dan papan hitam semasa proses pengajaran telah berubah dan menurun kerana kebanyakkan guru lebih senang menggunakan metod pengajaran mengikut kesesuaian mereka dengan cara ulang sebut dan tunjuk ajar langsung khususnya dalam program KBS solat ini.

‘Guru memberi bimbingan kepada saya dengan menyoal dan mengulangi untuk menguasai bacaan dan perlakuan rukun solat’ adalah kandungan yang tercatat dalam pernyataan yang keempat. Didapati nilai min=4.12 di bandar berbanding dengan min=4.18 luar bandar menunjukkan nilai min berada pada tahap tinggi. Hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti daripada responden bersetuju bahawa guru memberi bimbingan dengan cara menyoal dan mengulangi bagi mengukuhkan lagi penguasaan murid terhadap bacaan dan perlakuan rukun solat mereka. Hal ini selari dengan hasil kajian Bitah Takbilola (2008), yang menunjukkan bahawa teknik

---

<sup>122</sup> Bitah Takbilola, “Teknik Pengajaran Guru Dalam Kem Bestari Solat Program j-QAF 2008 Di Sekolah-Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan”, (Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidik IPG Kampus Dato’Razali, 22-24 Oktober 2008), 9

pengajaran guru dalam KBS mengikut pandangan pelajar adalah tinggi nilai minnya<sup>123</sup>.

Manakala bagi pernyataan kelima iaitu ‘Guru saya memberi hadiah atau pujian apabila saya menjawab soalan dengan betul’, mendapati nilai min=4.75 yang diperolehi responden di bandar adalah tinggi berbanding responden luar bandar iaitu min=2.96. Dapatkan ini selari dengan kajian yang sama dilakukan oleh Kamarul et al (2011), yang menyatakan bahawa penggunaan kaedah pengajaran oleh guru dengan cara pujian dan pemberian hadiah dapat mendorong murid melibatkan diri dalam aktiviti pendidikan Islam dan secara tidak langsung memotivasi mereka<sup>124</sup>.

Secara keseluruhannya pada pandangan pengkaji, nilai min yang diperolehi ini jelas menunjukkan bahawa murid di bandar lebih beminat dan bermotivasi berbanding murid luar bandar untuk menguasai rukun solat.

---

<sup>123</sup>*Ibid.*

<sup>124</sup> Kamarul Azmi Jasmi et al., “Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan,” *Jurnal Teknologi* 56, (2011), 191.

**Jadual 4.13: Min keseluruhan Persepsi Murid Terhadap Kaedah Pengajaran Guru Berkaitan Rukun Solat menerusi Program KBS Diantara Bandar Dan Luar Bandar bagi semua kategori**

<b>Persepsi murid terhadap pengajaran guru berkaitan rukun solat menerusi program KBS di bandar</b>	<b>Min</b>	<b>Persepsi murid terhadap pengajaran guru berkaitan rukun solat menerusi program KBS di luar bandar</b>	<b>Min</b>
Min keseluruhan	3.61	Min keseluruhan	3.19
N	160	N	155

Jadual 4.13 menunjukkan nilai min keseluruhan bagi persepsi murid terhadap kaedah pengajaran guru berkaitan rukun solat melalui program KBS yang dilaksanakan di sekolah bandar adalah lebih tinggi iaitu dengan nilai min=3.61 berbanding sekolah luar bandar dengan nilai min=3.19. Ini menunjukkan bahawa persepsi murid terhadap pengajaran guru di bandar dan luar bandar berada pada tahap sederhana tinggi. Keseluruhannya, hasil dapatan ini menggambarkan bahawa terdapat kecenderungan yang serupa dalam penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih pelbagai di sekolah bandar dan luar bandar. Kaedah pengajaran guru yang pelbagai sangat penting untuk membolehkan murid yang mengikuti Kem Bestari Solat mendapat manfaat dengan sebaik mungkin.

#### **4.5 Mengenal pasti Penguasaan Murid Terhadap Rukun Solat Melalui Kem Bestari Solat (KBS) Antara Sekolah Bandar Dan Luar Bandar Daerah Gua Musang.**

Bagi mengetahui perbezaan penguasaan penguasaan murid terhadap rukun solat melalui Kem Bestari Solat (KBS) antara sekolah di bandar dan luar bandar daerah Gua Musang, seramai 315 responden telah diperolehi. Tujuannya untuk mengenal pasti penguasaan murid terhadap rukun solat yang dibahagikan kepada tiga bahagian rukun iaitu rukun *qalbi*, rukun *qawli* (bacaan) dan rukun *fi'li* (kelakuan).

##### **4.5.1 Penguasaan Responden Terhadap Rukun Solat ( Rukun *Qalbi* )**

Dapatan penguasaan responden terhadap rukun *qalbi* melalui KBS antara sekolah di bandar dan luar bandar dinyatakan dalam jadual 4.11 hingga 4.15. Penguasaan responden terhadap rukun *qalbi* tersebut ialah responden dapat menyebut niat solat Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan *Isya'*. Kesemua item dalam bahagian ini akan diperjelaskan dalam bentuk huraihan dan jadual sebagaimana berikut;

Merujuk jadual 4.14 menunjukkan pernyataan kepada item ‘saya dapat menyebut niat solat Subuh’. Dapatan kajian menunjukkan responden di bandar dapat menyebut niat solat subuh iaitu bersetuju dengan pernyataan ‘Saya dapat menyebut niat solat subuh’ adalah seramai 139 orang (86.9%) berbanding seramai 96 orang responden (61.9%) di luar Bandar. Manakala responden yang bersetuju pula adalah sejumlah 21 orang (21%) di bandar dan diikuti sejumlah 52 orang (33.5%) diluar bandar. Walaupun terdapat tiga responden (1.9%) yang tidak bersetuju dan hanya empat responden

(2.6%) yang tidak pasti, namun majoriti menunjukkan bahawa responden dapat menyebut niat solat subuh adalah tinggi peratusannya.

**Jadual 4.14: Saya dapat menyebut niat solat subuh**

Tempat tinggal		Frekuansi	Peratus
Bandar	Setuju	21	13.1
	Sangat setuju	139	86.9
	Total	160	100.0
Luar bandar	Tidak setuju	3	1.9
	Tidak pasti	4	2.6
	Setuju	52	33.5
	Sangat setuju	96	61.9
Total		155	100.0

Jadual 4.15 pula menunjukkan responden yang dapat menyebut niat solat zohor. Berdasarkan jadual tersebut, didapati bahawa 140 orang responden (87.5 %) daripada sejumlah 160 responden yang tinggal di bandar sangat bersetuju dengan pernyataan ‘saya dapat menyebut niat solat zohor’. Selebihnya 20 responden (12.5 %) memilih skala setuju. Ini menunjukkan pelajar di bandar secara keseluruhannya dapat menyebut niat solat zohor dengan baik. Walaubagaimanapun, dapatan di luar bandar menunjukkan lima orang responden (3.2 %) yang dapat menyebut niat solat zohor, seterusnya masih terdapat tiga responden (1.9%) yang tidak pasti dapat menyebut niat zohor. Majoriti responden yang bersetuju dapat menyebut niat zohor adalah 85 orang (54.8 %), dan sangat bersetuju seramai 62 orang (40.0%).

**Jadual 4.15: Saya dapat menyebut niat solat zohor**

<b>Tempat tinggal</b>		<b>Frekuansi</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	Setuju	20	12.5
	Sangat setuju	140	87.5
	Total	160	100.0
Luar bandar	Tidak setuju	5	3.2
	Tidak pasti	3	1.9
	Setuju	85	54.8
	Sangat setuju	62	40.0
Total		155	100.0

Jadual 4.16 menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi item ‘saya dapat menyebut niat solat asar’. Daripada jadual tersebut, didapati dua orang responden (1.3%) yang tinggal di bandar tidak dapat menyebut niat solat asar. Selain itu didapati seramai 27 responden (16.9) bersetuju dapat menyebut niat solat asar dan selebihnya seramai 131 orang murid (81.8%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Manakala di luar bandar pula didapati sejumlah tujuh responden (4.5 %) yang tidak bersetuju dan lima orang (3.2%) yang tidak pasti dengan pernyataan ini. Seterusnya bilangan responden yang setuju seramai 73 orang (47.1%) dan bilangan responden yang sangat bersetuju seramai 70 orang (45.2%) dengan pernyataan ini.

**Jadual 4.16: Saya dapat menyebut niat solat asar**

<b>Tempat tinggal</b>		<b>Frekuansi</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	Tidak setuju	2	1.3
	Setuju	27	16.9
	Sangat setuju	131	81.8
	Total	160	100.0
Luar bandar	Tidak setuju	7	4.5
	Tidak pasti	5	3.2
	Setuju	73	47.1
	Sangat setuju	70	45.2
	Total	155	100.0

Jadual 4.17 pula menunjukkan jadual bagi item ‘saya dapat menyebut niat solat maghrib’. Daripada jadual tersebut, terdapat sejumlah lima responden (3.1%) yang tinggal di bandar tidak dapat menyebut niat solat maghrib. Manakala seramai 43 responden (26.9 %) bersetuju dan seramai 112 responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Berbeza pula responden di luar bandar, didapati seorang responden (0.6 %) sahaja yang sangat tidak setuju dan tujuh responden (4.5%) pula yang tidak setuju. Ini menunjukkan masih terdapat sebanyak lapan orang responden yang tidak dapat menyebut niat solat maghrib. Walaubagaimanapun, didapati seramai 78 responden (50.3%) bersetuju. Seterusnya seramai 67 responden (43.2 %) adalah sangat bersetuju dengan pernyataan ini.

**Jadual 4.17: Saya dapat menyebut niat solat maghrib**

<b>Tempat tinggal</b>		<b>Frekuansi</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	Tidak setuju	5	3.1
	Setuju	43	26.9
	Sangat setuju	112	70.0
	Total	160	100.0
Luar bandar	Sangat tidak setuju	1	.6
	Tidak setuju	7	4.5
	Tidak pasti	2	1.3
	Setuju	78	50.3
	Sangat setuju	67	43.2
	Total	155	100.0

Jadual 4.18 adalah merujuk kepada item ‘saya dapat menyebut niat solat *isya*’. Didapati daripada jadual tersebut hanya dua orang murid orang responden (1.3%) yang tinggal di bandar tidak bersetuju dan didapati hanya seorang(0.6%) yang tidak pasti. Selain itu, seramai 31 orang responden (19.4 %) bersetuju dan seramai 126 responden (78.8%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Manakala responden di luar bandar pula, didapati hanya enam orang responden (3.9 %) yang

tidak bersetuju dan hanya dua orang responden (1.3%) yang tidak pasti dengan pernyataan ini. Seterusnya bilangan murid yang setuju seramai 90 orang (58.1%) dan bilangan murid yang sangat bersetuju seramai 57 responden (36.8%) dengan pernyataan ini.

**Jadual 4.18: Saya dapat menyebut niat solat *isya'***

<b>Tempat tinggal</b>		<b>Frekuansi</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	Tidak setuju	2	1.3
	Tidak pasti	1	.6
	Setuju	31	19.4
	Sangat setuju	126	78.8
	Total	160	100.0
Luar bandar	Tidak setuju	6	3.9
	Tidak pasti	2	1.3
	Setuju	90	58.1
	Sangat setuju	57	36.8
	Total	155	100.0

#### **4.5.2 Penguasaan Responden Terhadap Rukun Solat (Rukun *Qawli*)**

Jadual 4.19 pula adalah merujuk kepada item yang berkaitan penguasaan rukun *qawli* iaitu murid dapat menyebut lafaz takbiratul ihram ketika mengerjakan solat. Berdasarkan jadual di bawah, didapati hanya seorang responden sahaja (0.6%) yang tinggal di bandar yang sangat tidak setuju dan dua orang responden (1.3%) tidak bersetuju. Seterusnya sejumlah 43 responden (26.9%) bersetuju diikuti seramai 114 responden (71.3%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Manakala bagi responden luar bandar pula didapati empat responden (2.6%) yang tidak bersetuju dan sejumlah 81 responden (52.3%) bersetuju. Seterusnya seramai 70 orang responden (45.2%) sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan majoriti responden di bandar dan luar bandar dapat menyebut lafaz takbiratul ihram ketika mengerjakan solat mereka.

**Jadual 4.19: Saya menyebut lafaz Takbiratul ihram ketika mengerjakan solat**

<b>Tempat tinggal</b>		<b>Frekuansi</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	Sangat tidak setuju	1	.6
	Tidak setuju	2	1.3
	Setuju	43	26.9
	<u>Sangat setuju</u>	<u>114</u>	<u>71.3</u>
	Total	160	100.0
Luar bandar	Tidak setuju	4	2.6
	Setuju	81	52.3
	<u>Sangat setuju</u>	<u>70</u>	<u>45.2</u>
	Total	155	100.0

Jadual 4.20 adalah merujuk kepada item ‘murid dapat membaca surah al-Fatihah dengan baik ketika mengerjakan solat’. Didapati daripada jadual tersebut hanya seorang sahaja (0.6%) yang tinggal di bandar sangat tidak setuju dan dua orang murid (1.3%) adalah tidak pasti. Sebaliknya, didapati sejumlah 19 responden (11.9%) bersetuju dan 138 responden sangat setuju dengan pernyataan ini. Manakala bagi responden luar bandar pula, hasil dapatan menunjukkan seorang responden (0.6%) adalah sangat tidak bersetuju dan empat orang responden (2.6%) tidak bersetuju. Justeru itu juga didapati hanya tiga orang responden (1.9%) tidak pasti dengan pernyataan ini. Seterusnya sejumlah 52 orang responden (33.5%) bersetuju dan seramai 95 responden (61.3%) sangat bersetuju dengan pernyataan sedemikian.

**Jadual 4.20: Saya dapat membaca surah al-Fatihah dengan baik ketika mengerjakan solat**

<b>Tempat tinggal</b>		<b>Frekuansi</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	Sangat tidak setuju	1	.6
	Tidak pasti	2	1.3
	Setuju	19	11.9
	<u>Sangat setuju</u>	138	86.3
	Total	160	100.0
Luar bandar	Sangat tidak setuju	1	.6
	Tidak setuju	4	2.6
	Tidak pasti	3	1.9
	Setuju	52	33.5
	<u>Sangat setuju</u>	95	61.3
	Total	155	100.0

Jadual 4.21 adalah merujuk kepada item ‘Saya boleh membaca *Tahiyyāt Akhir* dengan sempurna ketika mengerjakan solat’. Jadual tersebut menunjukkan terdapat tiga orang responden (1.9%) yang tinggal di bandar sangat tidak setuju dan 24 orang responden (15%) tidak setuju. Seterusnya didapati pula sejumlah tujuh orang responden (4.4%) yang tidak pasti dengan bacaan sempurna dalam *Tahiyyāt Akhir* solat mereka. Dalam hal yang demikian, didapati juga bilangan responden yang bersetuju seramai 68 orang responden (42.4%) dan sejumlah 58 responden lagi sangat bersetuju. Manakala bagi responden luar bandar pula didapati seramai 20 orang murid (12.9%) sangat tidak bersetuju dan 58 orang (37.4%) yang tidak setuju. Seterusnya didapati juga sejumlah tujuh orang responden (4.4%) tidak pasti dengan pernyataan ini dan seramai 50 orang responden (32.3%) bersetuju dan seramai 20 orang murid (12.9%) sangat bersetuju dengan pernyataan demikian. Ini menunjukkan masih terdapat responden di luar bandar yang tidak boleh membaca *Tahiyyāt Akhir* dengan sempurna ketika mengerjakan solat berbanding responden di bandar. Dapatan ini juga dibuktikan melalui temu bual pengkaji terhadap enam responden yang dipilih terhadap bacaan *Tahiyyāt Akhir*. Didapati tiga daripada jumlah responden yang dipilih tersebut tidak dapat membaca dengan baik dan lancar sewaktu diadakan amali solat di surau SK Chiku 03, Gua Musang<sup>125</sup>. Hal demikian disokong melalui pemerhatian pengkaji ketika aktiviti berkumpulan dalam LDK terhadap amali solat yang dijalankan di sekolah. Didapati masih terdapat beberapa responden yang tidak dapat membaca bacaan *Tahiyyāt Akhir* dengan sempurna ketika dalam solat mereka. Ini menunjukkan tahap bacaan *Tahiyyāt Akhir* masih berada ditahap yang rendah.

---

<sup>125</sup> Nor Athirah Natasya, Mohd Nor Fadhlul Baqi Rusmadi dan Mohd Fadhil Abdul Hamid (Murid Tahun 5Arif, SK Chiku 03, Gua Musang) dalam temu bual dengan pengkaji terhadap penguasaan rukun *qawli*, 7 Mac 2013.

**Jadual 4.21: Saya boleh membaca *Tahiyyāt* Akhir dengan sempurna ketika mengerjakan solat**

Tempat tinggal		Frekuansi	Peratus
Bandar	Sangat tidak setuju	3	1.9
	Tidak setuju	24	15.0
	Tidak pasti	7	4.4
	Setuju	68	42.5
	<u>Sangat setuju</u>	58	36.3
<u>Total</u>		160	100.0
Luar bandar	Sangat tidak setuju	20	12.9
	Tidak setuju	58	37.4
	Tidak pasti	7	4.5
	Setuju	50	32.3
	<u>Sangat setuju</u>	20	12.9
<u>Total</u>		155	100.0

Jadual 4.22 pula adalah merujuk kepada item ‘Saya membaca selawat atas Nabi dalam *Tahiyyāt* Akhir dengan baik ketika mengerjakan solat’. Daripada jadual tersebut didapati empat orang responden (2.5%) yang tinggal di bandar sangat tidak setuju dan 25 orang responden (15.6%) tidak bersetuju seterusnya terdapat enam orang responden (3.8%) yang tidak pasti dengan bacaan selawat atas Nabi dalam *Tahiyyāt* Akhir dengan baik ketika mengerjakan solat. Seterusnya, didapati bilangan sejumlah 36 orang responden (22.5%) yang bersetuju dan 89 responden menyatakan sangat bersetuju. Manakala bagi responden di luar bandar pula menunjukkan kelainan kerana didapati sejumlah 42 orang responden (27.1%) sangat tidak setuju dan 40 orang (25.8%) yang tidak setuju. Seterusnya responden yang menyatakan tidak pasti adalah sejumlah lima orang (3.2%). Dalam hal yang sama, didapati sejumlah 53 orang responden (34.2%) bersetuju dan seramai 15 responden (9.7%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan separuh bilangan responden iaitu 87 daripada jumlah keseluruhan 155 responden diluar bandar masih tidak boleh membaca selawat atas Nabi dalam *Tahiyyāt* Akhir dengan baik ketika mengerjakan solat. Hal yang sama juga berlaku terhadap responden di bandar hanya seramai 35 responden sahaja

yang tidak dapat membaca selawat tersebut walaupun majoritinya dapat menguasai bacaan tersebut . Dapatkan ini juga dibuktikan dengan pemerhatian pengkaji sewaktu mempraktikkan amali solat semasa KBS berlangsung di surau SK Paloh 1&2, Gua Musang dan ketika amali solat dalam LDK di SK Gua Musang<sup>126</sup>. Ini menunjukkan bacaan murid ketika membaca selawat atas Nabi masih ditahap yang rendah dan lemah disebabkan faktor ingatan yang menjelaskan kelancaran bacaan selawat atas Nabi dalam *Tahiyyāt Akhir* dalam solat mereka. .

**Jadual 4.22: Saya membaca selawat atas Nabi dalam *Tahiyyāt Akhir* dengan baik ketika mengerjakan solat**

Tempat tinggal		Frekuansi	Peratus
Bandar	Sangat tidak setuju	4	2.5
	Tidak setuju	25	15.6
	Tidak pasti	6	3.8
	Setuju	36	22.5
	Sangat setuju	89	55.6
	Total	160	100.0
Luar bandar	Sangat tidak setuju	42	27.1
	Tidak setuju	40	25.8
	Tidak pasti	5	3.2
	Setuju	53	34.2
	Sangat setuju	15	9.7
	Total	155	100.0

Jadual 4.23 di bawah pula merujuk kepada item ‘Saya dapat memberi salam yang pertama dengan betul ketika hampir selesai solat’. Daripada jadual tersebut menunjukkan sejumlah 37 orang responden (23.1%) yang tinggal di bandar bersetuju

<sup>126</sup> Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap pelaksanaan amali solat di Surau SK Paloh 1&2, Gua Musang pada 3 April 2013 dan semasa Latihan dalam Kumpulan(LDK) SK Gua Musang pada 9 April 2013.

dan 123 responden (76.9%) telah memilih sangat bersetuju dengan kenyataan bahawa responden dapat memberi salam yang pertama dengan betul ketika hampir selesai solat. Manakala responden di luar bandar pula menunjukkan hanya seorang responden sahaja(0.6%) yang tidak bersetuju dan 32 orang responden (20.6%) bersetuju. Seterusnya seramai 122 orang responden (78.7%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa kebanyakkan murid di bandar dan luar bandar dapat memberi salam yang pertama dengan betul ketika hampir selesai solat walaupun masih terdapat seorang murid luar bandar yang tidak dapat memberi salam yang pertama dengan betul ketika hampir selesai solat mereka. Dapatan ini disokong melalui hasil temu bual pengkaji bersama responden ketika pelaksanaan KBS di salah sebuah sekolah luar bandar mendapati bahawa murid yang tidak dapat menguasai salam yang pertama adalah kerana mengalami masalah dalam sebutan huruf *hijaiyyah*. Dapatan ini selari dengan laporan kajian yang dilakukan oleh Nik Rosila Nik Yaacob menyatakan dalam kajian beliau bahawa penguasaan pelajar dalam Jawi adalah lemah dan terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan jawi dan pencapaian pelajar dalam pendidikan Islam<sup>127</sup>.

**Jadual 4.23: Saya dapat memberi salam yang pertama dengan betul ketika hampir selesai solat**

<b>Tempat tinggal</b>		<b>Frekuansi</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	Setuju	37	23.1
	Sangat setuju	123	76.9
	Total	160	100.0
Luar bandar	Tidak setuju	1	.6
	Setuju	32	20.6
	Sangat setuju	122	78.7
	Total	155	100.0

<sup>127</sup> Nik Rosila Nik Yaacob," Penguasaan Jawi dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam". *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 22, (2007), 169.

#### **4.5.3 Penguasaan Responden Terhadap Rukun Solat (Rukun *Fi'li*)**

Jadual 4.24 hingga 4.34 pula adalah bertujuan melihat penguasaan responden terhadap rukun solat (rukun *fi'li*). Terdapat sebanyak 11 item yang merujuk kepada penguasaan rukun *fi'li* iaitu perihal berkaitan kelakuan responden di dalam solat mereka.

Berpandukan jadual 4.24 di bawah yang merujuk kepada item ‘Saya dapat berdiri dengan betul ketika melakukan solat’ mendapati seramai 30 responden (18.8%) yang tinggal di bandar bersetuju dan seramai 130 responden (81.3%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Manakala bagi responden di luar bandar pula menunjukkan 46 responden (29.7%) daripada jumlah 155 responden bersetuju dan bakinya sejumlah 109 responden (70.3%) sangat bersetuju. Ini menunjukkan kebanyakkhan responden di bandar dan luar bandar dapat berdiri dengan betul ketika melakukan solat.

**Jadual 4.24: Saya dapat berdiri dengan betul ketika melakukan solat**

<b>Tempat tinggal</b>		<b>Frekuansi</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	Setuju	30	18.8
	Sangat setuju	130	81.3
	Total	160	100.0
Luar bandar	Setuju	46	29.7
	Sangat setuju	109	70.3
	Total	155	100.0

Jadual 4.25 adalah merujuk kepada item ‘Saya melakukan perbuatan *rukus* dengan sempurna ketika solat’. Jadual di bawah menunjukkan 38 responden (23.8%) yang tinggal di bandar bersetuju dan seramai 122 responden (76.3%) sangat bersetuju. Manakala bagi responden luar bandar pula, didapati hanya seorang responden (0.6%)

sahaja yang sangat tidak setuju dan sebaliknya sejumlah 57 orang responden (36.8%) bersetuju. Seterusnya seramai 97 responden (84.5%) sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa responden dapat melakukan *rukū'* dengan sempurna ketika solat. Ini menunjukkan majoriti responden sama ada di bandar dan luar bandar dapat melakukan perbuatan *rukū'* dengan sempurna ketika solat.

**Jadual 4.25: Saya melakukan perbuatan *rukū'* dengan sempurna ketika solat**

<b>Tempat tinggal</b>		<b>Frekuansi</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	Setuju	38	23.8
	Sangat setuju	122	76.3
	Total	160	100.0
Luar bandar	Sangat tidak setuju	1	.6
	Setuju	57	36.8
	Sangat setuju	97	62.6
	Total	155	100.0

Jadual 4.26 pula adalah merujuk kepada item ‘Saya melakukan *i'tidal* selepas *rukū'* dalam solat’. Berpandukan jadual di bawah menunjukkan 30 responden (18.8%) yang tinggal di bandar bersetuju dan seramai 130 responden (81.2%) sangat bersetuju. Manakala bagi responden luar bandar pula, terdapat sejumlah 58 responden (37.4%) bersetuju dan selebihnya seramai 97 responden (62.6%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa kesemua responden dapat melakukan rukun solat yang keseterusnya iaitu *i'tidal* selepas *rukū'* dalam solat.

**Jadual 4.26: Saya melakukan *i'tidal* selepas *rukū'* dalam solat**

<b>Tempat tinggal</b>		<b>Frekuansi</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	Setuju	30	18.8
	Sangat setuju	130	81.2
	Total	160	100.0
Luar bandar	Setuju	58	37.4
	Sangat setuju	97	62.6
	Total	155	100.0

Dalam Jadual 4.27 adalah merujuk kepada item ‘Saya dapat melakukan perbuatan sujud dengan betul ketika solat’. Jadual di bawah ini menunjukkan 31 orang responden (19.4%) yang tinggal di bandar adalah bersetuju dan seramai 129 responden (80.6%) sangat bersetuju. Manakala bagi responden luar bandar pula, sejumlah 56 responden (36.1%) daripada 155 orang bersetuju dan bakinya seramai 99 responden (85.2%) sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa keseluruhan responden di bandar dan luar bandar dapat melakukan perbuatan sujud dengan betul ketika solat.

**Jadual 4.27: Saya dapat melakukan perbuatan sujud dengan betul ketika solat**

Tempat tinggal		Frekuansi	Peratus
Bandar	Setuju	31	19.4
	Sangat setuju	129	80.6
	Total	160	100.0
Luar bandar	Setuju	56	36.1
	Sangat setuju	99	63.9
	Total	155	100.0

Jadual 4.28 adalah merujuk kepada item ‘Saya dapat melakukan perbuatan duduk antara dua sujud dalam solat’. Jadual di bawah menunjukkan 58 orang responden (36.3%) yang tinggal di bandar bersetuju dan seramai 102 responden (63.8%) sangat setuju. Manakala bagi responden luar bandar pula, didapati hanya dua orang responden (1.3%) yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini namun seramai 69 responden (45.5%) bersetuju dan seramai 84 responden (54.2%) adalah sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan majoriti responden dapat melakukan perbuatan duduk antara dua sujud dalam solat walaupun masih lagi terdapat responden yang tidak boleh melakukan perbuatan duduk antara dua sujud dalam solat mereka.

**Jadual 4.28: Saya dapat melakukan perbuatan duduk antara dua sujud dalam solat**

Tempat tinggal		Frekuansi	Peratus
Bandar	Setuju	58	36.3
	Sangat setuju	102	63.8
	Total	160	100.0
Luar bandar	Tidak setuju	2	1.3
	Setuju	69	44.5
	Sangat setuju	84	54.2
Total		155	100.0

Jadual 4.29 pula adalah merujuk kepada item ‘Saya dapat melakukan duduk *tahiyyāt* akhir semasa solat’. Didapati sejumlah tujuh orang responden (4.4%) yang tinggal di bandar adalah yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Seterusnya didapati pula 69 orang responden (43.1%) bersetuju dan seramai 84 orang responden (52.5%) sangat bersetuju. Manakala bagi responden luar bandar pula, didapati sejumlah lapan orang responden (5.2%) tidak bersetuju dan hanya dua orang responden (1.3%) sahaja yang menyatakan tidak pasti dengan kenyataan ini. Seterusnya terdapat seramai 75 orang responden (48.4%) yang bersetuju dan seramai 70 responden (45.2%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat responden sama ada di bandar dan luar bandar yang tidak dapat melakukan perbuatan duduk *tahiyyāt* akhir semasa dalam solat mereka.

**Jadual 4.29: Saya dapat melakukan duduk *tahiyyāt* akhir semasa solat**

Tempat tinggal		Frekuansi	Peratus
Bandar	Tidak setuju	7	4.4
	Setuju	69	43.1
	Sangat setuju	84	52.5
Total		160	100.0
Luar bandar	Tidak setuju	8	5.2
	Tidak pasti	2	1.3
	Setuju	75	48.4
	Sangat setuju	70	45.2
	Total	155	100.0

Jadual 4.30 adalah merujuk kepada item ‘Saya melakukan *tama’ninah* dalam *rukus*’ ketika solat’. Jadual ini menunjukkan responden yang tinggal di bandar hanya terdapat dua orang responden (1.3%) tidak bersetuju dan sejumlah 29 responden (18.1%) bersetuju seterusnya sebanyak 129 orang responden (80.6%) sangat bersetuju. Manakala bagi responden luar bandar pula, didapati hanya seorang responden (0.6%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Sebaliknya, terdapat sejumlah 56 orang responden (36.1%) bersetuju dan selebihnya seramai 98 orang responden (63.2%) adalah sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat responden sama ada di bandar dan luar bandar yang tidak dapat melakukan *tama’ninah* dalam *rukus*’ ketika bersolat walaupun pada keseluruhannya dapat melakukan *tama’ninah* dalam *rukus*’ ketika solat.

**Jadual 4.30: Saya melakukan *tama’ninah* dalam *rukus*’ ketika solat**

Tempat tinggal		Frekuansi	Peratus
Bandar	Tidak setuju	2	1.3
	Setuju	29	18.1
	Sangat setuju	129	80.6
	Total	160	100.0
Luar bandar	Tidak setuju	1	.6
	Setuju	56	36.1
	Sangat setuju	98	63.2
	Total	155	100.0

Jadual 4.31 adalah merujuk kepada item ‘Saya *i’tidal* dengan *tama’ninah* ketika solat’. Jadual ini menunjukkan hanya terdapat seorang responden (0.6%) yang tinggal di bandar tidak bersetuju dan sejumlah 33 orang responden (20.6%) bersetuju diikuti sebanyak 126 responden (78.8%) sangat bersetuju. Manakala bagi murid luar bandar pula, didapati juga hanya seorang responden (0.6%) yang menyatakan tidak bersetuju.

Seterusnya bilangan responden yang bersetuju adalah seramai 52 orang (33.5%) dan seramai 102 orang murid (65.8%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat responden di bandar dan luar bandar yang tidak melakukan *i'tidal* dengan *tama'ninah* ketika solat.

**Jadual 4.31: Saya *i'tidal* dengan *tama'ninah* ketika solat**

<b>Tempat tinggal</b>		<b>Frekuansi</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	Tidak setuju	1	.6
	Setuju	33	20.6
	Sangat setuju	126	78.8
	Total	160	100.0
Luar bandar	Tidak setuju	1	.6
	Setuju	52	33.5
	Sangat setuju	102	65.8
	Total	155	100.0

Jadual 4.32 pula adalah merujuk kepada item ‘Saya solat dengan *tama'ninah* ketika sujud’. Jadual ini menunjukkan dua orang responden (1.3%) di bandar adalah tidak bersetuju dan sejumlah 35 orang responden (21.9%) bersetuju, seterusnya sejumlah 123 orang responden (76.9%) adalah memilih sangat bersetuju . Manakala bagi responden luar bandar pula, didapati hanya seorang responden (0.6%) tidak bersetuju dan sejumlah 50 orang responden (32.3%) bersetuju. Seterusnya seramai 104 orang responden (67.1%) sangat bersetuju dengan pernyataan ‘saya dapat solat dengan *tama'ninah* ketika sujud. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat responden sama ada di bandar dan luar bandar yang melakukan sujud tanpa *tama'ninah* dalam solat mereka walaupun pada keseluruhan responden dapat solat dengan *tama'ninah* ketika sujud.

**Jadual 4.32: Saya solat dengan *tama'ninah* ketika sujud**

Tempat tinggal		Frekuansi	Peratus
Bandar	Tidak setuju	2	1.3
	Setuju	35	21.9
	Sangat setuju	123	76.9
	Total	160	100.0
Luar bandar	Tidak setuju	1	.6
	Setuju	50	32.3
	Sangat setuju	104	67.1
	Total	155	100.0

Jadual 4.33 adalah merujuk kepada item ‘Saya solat dengan *tama'ninah* ketika duduk antara dua sujud’. Jadual ini menunjukkan hanya dua orang responden (1.3%) yang tinggal di bandar tidak bersetuju dan 35 responden (21.9%) bersetuju serta seramai 123 orang responden (76.9%) sangat bersetuju. Manakala bagi responden luar Bandar pula, didapati hanya seorang responden yang tidak pasti dan sejumlah 44 orang responden (28.4%) bersetuju. Seterusnya seramai 110 orang responden (71%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan juga masih terdapat responden sama ada di bandar dan luar bandar yang tidak solat dengan *tama'ninah* ketika duduk antara dua sujud.

**Jadual 4.33: Saya solat dengan *tama'ninah* ketika duduk antara dua sujud**

Tempat tinggal		Frekuansi	Peratus
Bandar	Tidak setuju	2	1.3
	Setuju	35	21.9
	Sangat setuju	123	76.9
	Total	160	100.0
Luar bandar	Tidak pasti	1	.6
	Setuju	44	28.4
	Sangat setuju	110	71.0
	Total	155	100.0

Jadual 4.34 pula adalah merujuk kepada item ‘Saya melakukan solat dengan tertib dalam rukun solat’. Didapati hanya seorang responden (0.6%) yang tinggal di bandar tidak bersetuju dan seorang responden pula (0.6%) tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Sebaliknya, bilangan responden yang bersetuju adalah seramai 36 orang (22.5%) dan responden yang sangat bersetuju seramai 122 orang (76.3%). Manakala bagi responden luar bandar pula, didapati seorang responden (0.6%) tidak bersetuju dan 51 orang responden (32.9%) yang bersetuju. Seterusnya, seramai 103 orang responden (66.5%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa keseluruhan responden di bandar dan luar bandar telah melakukan solat dengan tertib dalam rukun solat mereka walaupun masih terdapat responden yang tidak melakukan solat dengan tertib dan sempurna.

**Jadual 4.34: Saya melakukan solat dengan tertib dalam rukun solat**

Tempat tinggal		Frekuansi	Peratus
Bandar	Tidak setuju	1	.6
	Tidak pasti	1	.6
	Setuju	36	22.5
	Sangat setuju	122	76.3
	Total	160	100.0
Luar bandar	Tidak setuju	1	.6
	Setuju	51	32.9
	Sangat setuju	103	66.5
	Total	155	100.0

## **Min Penguasaan Rukun Solat**

Setiap analisis deskriptif yang dijalankan adalah untuk menjawab soalan kajian satu hingga tiga. Tujuannya untuk mengenal pasti penguasaan rukun solat menerusi Kem Bestari Solat (KBS) dalam kalangan murid tahun lima. Untuk melengkapkan lagi dapatan kajian ini, Selain pengkaji menganalisis data secara deskriptif dengan menggunakan kekerapan dan peratusan, dapatan kajian ini juga dianalisis secara deskriptif yang diinterpretasi menggunakan jadual skor min dan sisihan piawai yang dirumuskan oleh Nunally (1978) dan digunakan oleh Kamarul Azmi (2011), Azhar (2006) serta Azmil (2010). Jadual 4..35 di bawah menunjukkan skor min oleh nunally (1978) seperti berikut:

**Jadual 4.35** Interpretasi skor min nunally (1978)

<b>Skor Min</b>	<b>Interpretasi</b>
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.00-2.00	Rendah

Jadual 4.36 di bawah menunjukkan taburan min dan sisihan piawai bagi penguasaan rukun solat iaitu rukun qalbi melalui Kem Bestari Solat (KBS) antara bandar dan luar bandar. Didapati nilai min responden di bandar merujuk kepada item menyebut niat subuh ialah min=4.87, menyebut niat zohor dengan nilai min= 4.88, menyebut niat asar dengan nilai min=4.79, menyebut niat maghrib dengan nilai min=4.64 dan menyebut niat *isya'* dengan nilai min=4.76. Manakala nilai min responden di luar bandar pula adalah menyebut niat subuh dengan nilai min=4.55, menyebut niat zohor

dengan nilai min=4.32, menyebut niat asar dengan nilai min=4.33, menyebut niat maghrib dengan nilai min=4.31 dan menyebut niat *isya'* dengan nilai min=4.28.

Hasil dapatan yang diperolehi mendapati nilai min keseluruhan yang diperolehi responden di bandar ialah  $m= 4.78$  berbanding nilai min keseluruhan responden luar bandar pula ialah  $m=4.46$ . Ini menunjukkan kedua-dua keseluruhan min yang diperolehi adalah berada di tahap tinggi. Namun begitu, perbezaan min yang diperolehi di bandar adalah lebih tinggi berbanding luar Bandar. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan rukun solat iaitu rukun *qalbi* responden di bandar adalah lebih baik dari responden luar bandar.

**Jadual 4.36: Taburan Min dan sisihan piawai bagi Penguasaan Rukun Solat (Rukun *Qalbi*) melalui KBS antara bandar dan luar bandar**

Bil	Butiran	Bandar		Luar Bandar	
		Min	S.P	Min	S.P
1	Saya dapat menyebut niat solat subuh	4.87	.339	4.55	.646
2	Saya dapat menyebut niat solat zohor	4.88	.332	4.32	.672
3	Saya dapat menyebut niat solat asar	4.79	.490	4.33	.748
4	Saya dapat menyebut niat solat maghrib	4.64	.649	4.31	.769
5	Saya dapat menyebut niat solat <i>isya'</i>	4.76	.532	4.28	.679
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>4.78</b>		<b>4.46</b>	
<b>N</b>		160		155	

Jadual 4.37 pula menunjukkan taburan min dan sisihan piawai bagi penguasaan rukun *qawli* melalui KBS antara bandar dan luar Bandar. Merujuk kepada item yang dibina, pernyataan pertama adalah berkenaan dengan ‘Saya menyebut lafaz takbiratul ihram ketika mengerjakan solat. Hasil dapatan menunjukkan min yang diperolehi responden di bandar iaitu min=4.67 dan min=4.40 bagi responden luar bandar adalah tinggi. Ini menunjukkan majoriti responden dapat menyebut lafaz takbiratul ihram ketika mengerjakan solat.

Pernyataan kedua pula merujuk kepada item ‘Saya dapat membaca surah al-Fatihah dengan baik ketika mengerjakan solat. Nilai min yang diperolehi responden di bandar bagi item ini adalah min=4.83 berbanding dengan nilai min=4.52 luar bandar. Ini menunjukkan kedua-dua nilai min antara responden bandar dan luar bandar berada ditahap yang tinggi. Dapatan ini membuktikan bahawa murid dapat membaca surah al-Fatihah dengan baik ketika mengerjakan solat.

Seterusnya bagi pernyataan yang ketiga adalah merujuk kepada item ‘Saya boleh membaca *Tahiyyāt Akhir* dengan sempurna ketika mengerjakan solat’. Nilai min yang diperolehi bagi responden di bandar ialah min=3.96 dan luar bandar min=2.95. Dapatan ini menunjukkan nilai min bagi responden bandar adalah sederhana tinggi berbanding responden di luar bandar adalah sederhana rendah. Ini jelas membuktikan bahawa murid luar bandar kurang sempurna bacaan *Tahiyyāt Akhir* mereka berbanding murid di bandar bagi pernyataan ini.

Berdasarkan pernyataan keempat pula, adalah berkenaan dengan item ‘Saya membaca selawat atas Nabi dalam *Tahiyyāt Akhir* dengan baik ketika mengerjakan solat. Dapatan nilai min yang diperolehi responden di bandar ialah min=4.13. Manakala min di luar bandar adalah min= 2.74. Ini menunjukkan nilai min responden bandar adalah tinggi berbanding luar bandar iaitu sederhana rendah. Hal yang demikian membuktikan bahawa bacaan selawat atas nabi dalam *Tahiyyāt Akhir* bagi murid luar bandar masih lemah dan kurang memuaskan.

Merujuk pernyataan yang kelima iaitu ‘Saya dapat memberi salam yang pertama dengan betul ketika hampir selesai solat’. Nilai min=4.77 menunjukkan keseluruhan nilai min yang sama diperolehi antara responden bandar dan luar

bandar iaitu berada pada tahap yang tinggi. Hal ini membuktikan mereka dapat memberi salam yang pertama dengan betul ketika hampir selesai solat.

**Jadual 4.37: Taburan Min dan sisihan piawai bagi Penguasaan Rukun Solat (Rukun *Qawli*) melalui KBS**

Bil	Butiran	Bandar		Luar Bandar	
		Min	S.P	Min	S.P
1	Saya menyebut lafaz Takbiratul ihram ketika mengerjakan solat	4.67	.611	4.40	.630
2	Saya dapat membaca surah al-Fatihah dengan baik ketika mengerjakan solat	4.83	.492	4.52	.724
3	Saya boleh membaca <i>Tahiyyāt Akhir</i> dengan sempurna ketika mengerjakan solat	3.96	1.09	2.95	1.32
4	Saya membaca selawat atas Nabi dalam <i>Tahiyyāt Akhir</i> dengan baik ketika mengerjakan solat	4.13	1.20	2.74	1.42
5	Saya dapat memberi salam yang pertama dengan betul ketika hampir selesai solat	4.77	.423	4.77	.464
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>4.47</b>		<b>3.88</b>	
<b>N</b>		160		155	

Jadual 4.38 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai bagi penguasaan rukun solat (Rukun *Fi’li*) melalui KBS. Dalam jadual ini terdapat 11 pernyataan yang merujuk kepada item rukun *fi’li* yang telah disediakan untuk maklum balas responden. Hasil dapatan yang pertama adalah merujuk kepada pernyataan ‘Saya dapat berdiri dengan betul ketika melakukan solat. Nilai min yang diperolehi responden di bandar ialah min=4.81 dan luar bandar ialah min=4.70. Ini menunjukkan majoriti murid dapat berdiri dengan betul ketika melakukan solat.

Pernyataan yang kedua pula adalah merujuk kepada item ‘Saya melakukan perbuatan *rukū* dengan sempurna ketika solat. Nilai min yang diperolehi responden dibandar dan luar bandar masing-masing min=4.76 dan min=4.61. Berpandukan nilai

min menunjukkan majoriti responden melakukan *rukū'* dengan sempurna ketika solat dalam solat mereka.

Seterusnya bagi pernyataan ketiga dan keempat, nilai min yang diperolehi adalah sama masing-masing menunjukkan responden di bandar adalah min=4.81 berbanding nilai min luar bandar adalah min=4.63 dan min=4.64. Ini jelas dapatan min yang diperolehi menunjukkan majoriti murid dapat melakukan perbuatan *i'tidal* selepas *rukū'* dan sujud dengan betul ketika dalam solat mereka.

Bagi pernyataan kelima pula adalah merujuk kepada item ‘Saya dapat melakukan perbuatan duduk antara dua sujud dalam solat. Nilai min yang didapati responden di bandar adalah min=4.64 dan luar bandar min=4.52. Hal ini menjelaskan bahawa majoriti murid di bandar dan luar bandar dapat melakukan perbuatan duduk antara dua sujud dalam solat mereka.

Merujuk kepada nilai min bagi pernyataan keenam iaitu item ‘Saya dapat duduk *Tahiyyāt Akhir* semasa solat setelah diperolehi dari responden di bandar dengan min=4.44, manakala di luar bandar min=4.34. Ini menunjukkan nilai min adalah tinggi yang menyatakan bahawa majoriti murid dapat duduk *Tahiyyāt Akhir* semasa solat mereka.

Bagi pernyataan ketujuh dan lapan adalah berkenaan item ‘ Saya melakukan *i'tidal* dan *rukū'* dengan *tama'ninah* ketika solat. Dapatkan nilai min bagi kedua-dua pernyataan ini adalah min=4.78 di bandar manakala luar bandar masing-masing dengan nilai min=4.62 dan min=4.65. Ini menunjukkan nilai min yang diperolehi adalah tinggi. Dengan nilai min ini menunjukan bahawa majoriti murid dapat melakukan *i'tidal* dan *rukū'* dengan *tama'ninah* ketika dalam solat mereka.

Manakala bagi pernyataan kesembilan, sepuluh dan kesebelas adalah berkaitan item' saya solat dengan *tama'ninah* ketika sujud, saya solat dengan *tama'ninah* ketika duduk antara dua sujud, dan saya melakukan solat dengan tertib dalam rukun solat'. Nilai min bagi pernyataan tersebut dari responden di bandar adalah masing-masing min=4.74 dan min=4.75, berbeza dengan min yang diperolehi responden luar bandar pula adalah masing-masing dengan min=4.66, min=4.70 dan min=4.65. Ini menunjukkan bahawa majoriti murid solat dengan *tama'ninah* ketika sujud, *tama'ninah* ketika duduk antara dua sujud dan solat dengan tertib.

Secara keseluruhannya, responden menunjukkan penguasaan mereka terhadap rukun *fi'li* (kelakuan) ini adalah berada ditahap yang tinggi dan memuaskan.

**Jadual 4.38: Taburan Min dan sisihan piawai bagi Penguasaan Rukun Solat ( Rukun *Fi'li*) Melalui KBS**

Bil	Butiran	Bandar		Luar Bandar	
		Min	S.P	Min	S.P
1	Saya dapat berdiri dengan betul ketika melakukan solat	4.81	.392	4.70	.458
2	Saya melakukan perbuatan <i>ruku'</i> dengan sempurna ketika solat	4.76	.427	4.61	.564
3	Saya melakukan <i>i'tidal</i> selepas <i>ruku'</i> dalam solat	4.81	.302	4.63	.485
4	Saya dapat melakukan perbuatan sujud dengan betul ketika solat	4.81	.396	4.64	.482
5	Saya dapat melakukan perbuatan duduk antara dua sujud dalam solat	4.64	.482	4.52	.574
6	Saya dapat melakukan duduk <i>Tahiyyāt Akhir</i> semasa solat	4.44	.715	4.34	.750
7	Saya melakukan <i>tama'ninah</i> dalam <i>ruku'</i> ketika solat	4.78	.497	4.62	.526
8	Saya <i>i'tidal</i> dengan <i>tama'ninah</i> ketika solat	4.78	.462	4.65	.491
9	Saya solat dengan <i>tama'ninah</i> ketika sujud	4.74	.517	4.66	.487
10	Saya solat dengan <i>tama'ninah</i> ketika duduk antara dua sujud	4.74	.517	4.70	.472
11	Saya melakukan solat dengan tertib dalam rukun solat	4.75	.502	4.65	.517
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>4.73</b>		<b>4.61</b>	
<b>N</b>		160		155	

Dalam Jadual 4.39 menunjukkan nilai purata min keseluruhan mengikut bahagian rukun solat: rukun *qalbi*, rukun *qawli* dan rukun *fi'li* murid bandar dan luar bandar. Berdasarkan jadual Nunally (1978), skor min keseluruhan penguasaan rukun solat yang dibahagikan kepada tiga bahagian melalui KBS menurut murid bandar adalah lebih tinggi berbanding luar bandar dengan nilai min=4.66 bagi bandar dan nilai min=4.32 bagi luar bandar.

Jadual 4.39: Nilai min keseluruhan mengikut bahagian rukun solat: rukun *qalbi*, rukun *qawli* dan rukun *fi'li* murid bandar dan luar bandar

Rukun Solat	Min Keseluruhan	
	Bandar	Luar Bandar
<b>Rukun <i>Qalbi</i></b>	4.78	4.46
<b>Rukun <i>Qawli</i></b>	4.47	3.88
<b>Rukun <i>Fi'li</i></b>	4.73	4.61
Total Min	4.66	4.32

## **BAB 5**

### **PENUTUP**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Di dalam bab ini, pengkaji menjelaskan kesimpulan keseluruhan hasil daripada kajian ini dan saranan-saranan berdasarkan hasil kajian yang diperolehi. Hasil kajian ini bertujuan untuk penambahbaikan dalam program Kem Bestari Solat (KBS) yang dilaksanakan di sekolah rendah pada hari ini.

#### **5.2 KESIMPULAN**

Berdasarkan hasil kajian ini, beberapa kesimpulan telah dapat dirumuskan dan boleh dibahagikan kepada tiga bahagian sebagaimana berikut:

1. Perbezaan persepsi murid terhadap pelaksanaan Kem Bestari Solat (KBS) antara sekolah di bandar dan luar bandar daerah Gua Musang.
2. Perbezaan persepsi murid terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru berkaitan rukun solat dalam Program KBS antara sekolah di bandar dan luar bandar daerah Gua Musang.
3. Penguasaan murid terhadap rukun solat melalui Kem Bestari Solat (KBS) antara sekolah di bandar dan luar bandar daerah Gua Musang.

### **5.2.1 Persepsi murid terhadap pelaksanaan Kem Bestari Solat (KBS) antara sekolah di bandar dan luar bandar daerah Gua Musang.**

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi murid terhadap pelaksanaan Kem Bestari Solat (KBS) bagi sekolah luar bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan murid di bandar. Jika dilihat secara terperinci tentang murid berkaitan waktu pelaksanaan program KBS menunjukkan terdapat perbezaan antara murid bandar dan luar bandar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid di bandar lebih bersetuju terhadap waktu pelaksanaan KBS berbanding murid luar bandar.

Manakala dari segi tempoh pelaksanaan waktu KBS pula, murid luar bandar dan di bandar secara umumnya bersetuju dengan tempoh pelaksanaan KBS, namun tahap persetujuan murid luar bandar adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan murid di bandar.

Dari segi tempat pelaksanaan KBS pula, secara keseluruhannya, murid di bandar dan luar bandar bersetuju bahawa KBS dilaksanakan di tempat yang selesa. Bagi tempat ketika pelaksanaan program untuk Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dalam KBS pula, secara umumnya murid di bandar dan luar bandar telah bersetuju bahawa mereka mengikuti sesi LDK dalam KBS dengan selesa.

Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan majoriti murid telah menghadiri program KBS yang dijalankan di sekolah mereka.

**5.2.2 Persepsi murid terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru berkaitan rukun solat dalam Program KBS antara sekolah di bandar dan luar bandar daerah Gua Musang.**

Min keseluruhan yang diperolehi oleh pengkaji mendapati persepsi murid terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru berkaitan rukun solat dalam program KBS yang dilaksanakan di sekolah bandar adalah lebih tinggi daripada luar bandar. Berpandukan item yang dikemukakan oleh pengkaji, murid di bandar bersetuju menyatakan guru mereka banyak menggunakan tayangan video ketika waktu PdP. Selain itu, guru juga menunjukkan cara yang paling sesuai dan contoh diberikan ketika pembelajaran amali solat dan perlakuannya.

Namun begitu, murid di luar bandar mempunyai min yang tinggi berbanding luar bandar menyatakan guru mereka hanya menggunakan kapur dan papan hitam sahaja ketika PdP. Hasil daripada temu bual mendapati, kemudahan alat pandang dengar seperti projektor tayangan dan layar adalah tidak mencukupi sebagai pemudahcara dalam PdP. Oleh itu, mereka hanya mampu menggunakan bahan sedia ada seperti papan hitam dan kapur sahaja. Walaubagaimanapun, contoh amali masih diberikan untuk menjelaskan lagi proses pembelajaran yang berlangsung.

Selain itu, min untuk item bimbingan guru adalah hampir sama. Ini menunjukkan, guru menggunakan pelbagai cara sebagai pengukuhan di dalam proses pengajaran mereka seperti pengulangan dan teknik menyoal semula. Namun begitu, guru di sekolah bandar lebih cenderung untuk memberi hadiah dan pujian berbanding sekolah luar bandar. Kaedah ini juga adalah cara terbaik untuk meningkatkan motivasi murid untuk meningkatkan potensi diri mereka yang sering diabaikan oleh guru.

**5.2.3 Penguasaan murid terhadap rukun solat melalui Kem Bestari Solat (KBS) antara sekolah di bandar dan luar bandar daerah Gua Musang.**

*i. Rukun Qalbi*

Bagi item rukun *qalbi*, soalan yang berkaitan dengan sebutan niat solat telah diutarakan. Hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan masih ada segelintir murid daripada sekolah luar bandar yang tidak dapat menguasai niat solat lima waktu yang diwajibkan di dalam Islam. Berpandukan pemerhatian pengkaji ketika program KBS dijalankan, murid sering keliru dengan sebutan bilangan rakaat di dalam solat mereka. Walaubagaimanapun, majoriti murid di sekolah bandar dapat menguasai sepenuhnya sebutan niat solat seterusnya menjadikan penguasaan rukun *qalbi* mereka berada di tahap yang sangat baik.

*ii. Rukun Qawli (Bacaan)*

Hasil yang diperolehi daripada item rukun *qawli* mendapati, murid di sekolah bandar dan luar bandar secara kebanyakannya dapat menguasai bacaan Takbiratul ihram dan salam yang pertama dengan baik. Akan tetapi, bagi bacaan Surah al- Fatihah, *Tahiyyāt Akhir*, dan selawat ke atas Nabi dalam *Tahiyyāt Akhir* masih ada murid yang tidak dapat menguasainya dengan baik. Pengkaji membuat kesimpulan masalah ini berlaku kerana penguasaan tajwid yang lemah di samping bacaan yang agak panjang dan sukar diingati oleh kumpulan murid yang lemah, ini berdasarkan pemerhatian dan temu bual bersama beberapa orang murid. Hal ini dikukuhkan lagi berdasarkan peratusan murid luar bandar yang telah memilih skala sangat tidak setuju dan tidak setuju

pada item ‘saya boleh membaca *Tahiyyāt Akhir* dengan sempurna ketika mengerjakan solat’ mencatat sehingga 50.3% (78 orang murid daripada 155 orang murid luar bandar) berbanding murid di sekolah bandar yang hanya mencatat 16.9% ( 27 orang murid daripada 160 orang murid). Ini menunjukkan penguasaan murid dalam rukun *qawli* ini agak sederhana dan perlu diberi penekanan secara berterusan.

### **iii. Rukun *fi’li* (Pelakuan)**

Berkaitan rukun *fi’li* pula, Hasil dapatan kajian menunjukkan semua murid antara sekolah bandar dan luar bandar dapat menguasai rukun *fi’li* dengan baik. Ini disokong oleh hasil dapatan nilai min yang diperolehi berada di tahap tinggi iaitu jumlah purata min mengikut item dalam rukun *fi’li* antaranya masing-masing memperolehi nilai min=  $x > 4.00$ .

Kesimpulannya, walaupun murid tidak dapat menguasai rukun *qawli* dan *qalbi* dengan baik, mereka masih boleh menguasai rukun *fi’li* dengan betul dalam solat mereka. Ini kerana, rukun *fi’li* yang dilakukan memerlukan pemerhatian yang khusus dari segi pergerakkan dan penekanan oleh guru agar amalan yang berbentuk praktikal ini dapat dilakukan dengan betul dalam solat mereka.

### **5.3 SARANAN DAN CADANGAN**

Berdasarkan hasil dapatan dan perbincangan, beberapa saranan dan cadangan dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkaitan. Ini bertujuan untuk menambahbaik program KBS dan seterusnya menghasilkan murid yang lebih baik kualitinya dan dapat menguasai rukun solat dengan sempurna. Antara cadangan adalah seperti berikut:

#### **5.3.1 Saranan kepada Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral (JAPIM), KPM**

1. Menyediakan dan menambahbaik kemudahan sekolah terutamanya sekolah di luar bandar supaya pelaksanaan program-program seperti KBS dapat dilaksanakan dengan sempurna.
2. Membuat pemantauan dan bimbingan berkala terhadap pelaksanaan KBS terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar. Tindakan ini secara tidak langsung memberikan bimbingan yang berterusan bagi penambahbaikan kaedah pelaksanaan KBS.
3. Pihak JAPIM harus sentiasa mengatasi masalah dan kelemahan yang dihadapi oleh guru semasa mengendalikan program KBS. Seterusnya, mewujudkan langkah-langkah tertentu supaya masalah dan kelemahan yang timbul dapat diatasi.
4. Membuat penilaian pelaksanaan program KBS terhadap murid-murid sekolah. Tujuan penilaian ini adalah untuk mengesan masalah yang dihadapi oleh murid, kebolehan penguasaan rukun solat mereka dan minat mereka terhadap program KBS ini.

5. Sentiasa menilai kandungan kurikulum dengan penambahbaikan program KBS sedia ada untuk memastikan ia sesuai dilaksanakan dari masa ke semasa mengikut potensi murid.

### **5.3.2 Saranan kepada Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral JPN dan PPD**

1. Membuat pemantauan pelaksanaan program KBS ini di sekolah-sekolah untuk memastikan adakah ia dilaksanakan mengikut panduan dan kaedah yang telah ditetapkan dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah.
2. Sentiasa mengadakan pertemuan dan program dengan pelaksana program KBS yang terdiri daripada guru-guru j-QAF untuk menambahbaik kandungan dan pelaksanaan program ini.
3. Memberi anugerah atau penghargaan kepada sekolah-sekolah yang mempunyai pencapaian murid yang terbaik. Ini akan mewujudkan semangat persaingan antara sekolah dan seterusnya menggalakkan pembelajaran secara aktif dan produktif.

### **5.3.3 Saranan kepada Pihak Pengurusan Pihak Sekolah**

1. Pentadbiran sekolah perlu memantau perjalanan setiap program KBS agar benar-benar menepati objektifnya.
2. Memberi sokongan dan bantuan kepada guru-guru untuk melaksanakan program-program ilmuan seperti KBS. Sokongan yang dimaksudkan adalah

dari segi penggunaan kemudahan seperti tempat yang kondusif, alat pandang dengar dan galakan kepada guru-guru.

3. Mewujudkan sikap kerjasama daripada semua pihak dan kakitangan sekolah amat membantu dalam menjayakan program KBS.
4. Pihak sekolah juga harus membantu untuk memberi motivasi dan galakan kepada murid-murid yang menyertai program KBS ini agar prestasi mereka dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.
5. Perbincangan dan kesepakatan dengan persatuan ibu bapa juga amat penting supaya ibubapa tahu akan kepentingan pelaksanaan program KBS ini terhadap anak-anak mereka. Tindakan ini akan membantu mengurangkan bilangan murid yang ponteng daripada menghadiri program KBS.

#### **5.3.4 Saranan kepada Guru Pendidikan Islam dan Guru j-QAF**

1. Guru pendidikan Islam dan j-QAF perlu merancang kaedah pelaksanaan program KBS dengan teliti dan proaktif supaya semua murid yang melibatkan diri dalam program ini mendapat manfaat sepenuhnya.
2. Penggunaan alat bantu mengajar yang pelbagai dan menarik juga dapat menggalakkan penglibataan murid dalam pelaksanaan KBS ini.
3. Anugerah dan penghargaan juga boleh dilaksanakan kepada murid-murid yang berjaya melepassi tahap-tahap tertentu dalam penguasaan rukun solat.
4. Membuat penilaian berpandukan carta pencapaian bagi setiap murid dalam pelaksanaan program KBS ini supaya guru dapat membuat analisa perbandingan pencapaian murid yang mengikuti program ini.

### **5.3.5 Saranan kepada Ibubapa**

1. Ibubapa perlu memberi kerjasama yang sewajarnya kepada pihak sekolah dengan menjayakan program ini bagi meningkatkan penguasaan rukun solat anak-anak mereka. Kerjasama yang diberikan adalah dalam bentuk sokongan kepada anak-anak mereka supaya hadir dan mengikuti program yang dilaksanakan ini.
2. Ibubapa juga perlu lebih terbuka untuk memberi peluang kepada anak-anak meningkatkan prestasi pendidikan mereka terutamanya pendidikan Islam yang akan mereka bawa sehingga akhir usia mereka. Oleh itu, masalah ibu bapa yang tidak boleh menghantar anak-anak ke sekolah untuk menyertai program ini dapat diatasi dengan sebaik mungkin.
3. Pemantauan amali solat di rumah juga sangat penting untuk dilaksanakan. Amalan solat berjemaah atau sentiasa mengingatkan anak-anak untuk mengerjakan solat lima waktu harus menjadi amalan harian di dalam keluarga. Cara ini bukan sahaja dapat menunjukkan praktikal mengerjakan solat kepada anak-anak, malah dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan antara satu sama lain.
4. Ibu bapa yang harus mempunyai hubungan yang baik dengan pihak sekolah supaya mereka dapat mengetahui kelemahan anak-anak mereka dalam pelajaran dari masa ke semasa.

### **5.3.6 Saranan kepada murid**

1. Murid haruslah melibatkan diri dan menyertai setiap aktiviti program KBS yang dilaksanakan oleh pihak sekolah.
2. Fokus dalam setiap pengajaran dan contoh yang diberikan oleh guru amat penting dalam memastikan pemahaman yang jelas seterusnya penguasaan yang baik di kalangan murid.
3. Murid perlu melaksanakan solat fardu dengan konsisten pada setiap waktu yang telah ditetapkan oleh Islam iaitu lima waktu sehari semalam. Kaedah ini amat mempengaruhi sikap dan tingkah laku murid ke arah yang lebih baik.
4. Murid seharusnya berusaha untuk menguasai rukun solat untuk memastikan solat yang dilaksanakan dengan sempurna.
5. Murid yang mempunyai masalah dalam memahami kandungan PdP seharusnya menyuarakan dengan segera kepada guru atau fasilitator terbabit supaya masalah mereka dapat diatasi dengan segera.
6. Murid haruslah bersemangat dan berusaha menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan ketika pelaksanaan program KBS ini. Contohnya, kekurangan kemudahan tidak menjadi halangan kepada mereka untuk menghadirkan diri ke program KBS ini.
7. Sikap terbuka untuk menerima teguran adalah sangat baik untuk memastikan murid dapat meningkatkan potensi dan prestasi pembelajaran mereka.

### **5.3.7 Saran kepada pengkaji akan datang**

1. Kajian yang lebih terperinci boleh dilaksanakan bagi program KBS ini dengan menggunakan kaedah lain seperti kaedah korelasi, kajian kes, kajian berbentuk experimental dan sebagainya. Kaedah ini dapat memberi fokus kepada permasalahan kajian dengan lebih jelas.
2. Kajian ini hanya dilakukan terbatas kepada murid darjah lima di daerah Gua Musang sahaja. Maka, hasil kajian yang diperolehi tidak boleh digeneralisasikan dengan daerah-daerah lain. Oleh tu, pengkaji akan datang boleh meluaskan skop lokasi kajian mereka di daerah yang lain untuk mengetahui perbandingan hasil kajian yang diperolehi.
3. Kajian ini hanya memberi fokus kepada hasil pelaksanaan program KBS terhadap murid sahaja. Pengkaji akan datang boleh menukar sampel kajian atau menambah sampel kajian kepada guru dan fasilitator yang mengandalikan program KBS ini. Cara ini dapat digunakan oleh pengkaji untuk membuat perbandingan kaedah pembelajaran dengan prestasi murid.

## **5.4 PENUTUP**

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu mengenal pasti perbezaan persepsi murid terhadap pelaksanaan KBS antara sekolah di bandar dan luar bandar di daerah Gua Musang, mengenal pasti perbezaan persepsi murid terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran guru berkaitan rukun solat dalam program KBS antara sekolah di bandar dan luar bandar di daerah Gua Musang, dan menganalisis penguasaan murid terhadap rukun solat melalui KBS antara sekolah di bandar dan luar bandar di daerah Gua Musang.

Kajian ini mendapati, program KBS yang diperkenalkan oleh JAPIM ini berjaya dilaksanakan di sekolah rendah melalui program j-QAF. Namun begitu, masih terdapat kelemahan dari segi pelaksanaan dan penguasaan murid terhadap rukun solat. Walaupun hanya segelintir murid terutamanya di sekolah luar bandar yang masih lemah penguasaan rukun solat, namun langkah mengatasi haruslah diambil segera kerana solat bukanlah perkara enteng yang boleh diabaikan oleh umat Islam.

## BIBLIOGRAFI

### A) Rujukan Kitab Arab Dan Buku

*Al-Quran al-Karim.*

*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran.* Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri

### B) Rujukan Kamus

*Kamus Dewan.* Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2010.

*Kamus Dwi Bahasa.* Kuala Lumpur: Percetakan Titiwangsa Sdn. Bhd, 1979.

Marbawi, Muhammad Idris Abd Rauf al (t.t) *Qamus Idris al-Marbawi ‘Arab Melayu.*

Mesir: Mustafa al- Bab al- Halabi Wa Awlādi.

Miranda Steel, *New Oxford English - English - Malay Dictionary.* Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2004.

Rohi Baalbaki. *Al-Maurid Arabic- English Dictionary.* Beirut: Dār al-‘Ilm Lil Malayin, 1999.

### C) Rujukan Kitab Arab

Abdul ‘Aziz Bin Abdullah. *Fathul al-Bārī Syarh Shahih Bukhari.* Beirut: Dār al-Fikr, 1993.

Abdullah Nasih ‘Ulwan. *Tarbiyyat Al-Awlād Fi Al-Islam.* Kaherah: Dār al-Salām. Jilid. 1, 2002.

‘Abd Rahman al-Jazīrī. *Kitab Fiqh ‘Ala al-Mazāhib Al-Arba’ah*. Beirut: Dār al-Kutub

al- Ilmī, 1990.

Abī al-Hassan al-Hanafi, *Sunan Ibn Mājah*. Beirut: Dār al-Ma’rifat, 2000.

Al-Fathani, Daud Bin Abdullah. *Bughiyah al-Tullāb*. Bangkok: Maktabah Wa Matba’  
al-Nahdi Wa al-Awlād, t.t

Al-Ghazzālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Beirut:  
Dār al-Khir, 1994.

\_\_\_\_\_. *al-Wāṣiṭ Fi al-Mazāhib*. Kaherah: Dār al-Salām, 1997.

Husāin Muhammad Fahmi al-Syafī. *al-Dalil al-Mufahris Li Alfāz al-Quran al-  
Karim*. Kaherah: Dār al-Salām, 1998.

\_\_\_\_\_. *Muniyyah al-Muṣollī*. Kota Bharu: Percetakan al-Ma’arif, t.t

Ibn Qāyyim al-Jawzī. Muhammad Bin Abī Bakr. *Kitab āl-Solah Wa Hukmu Tārikuḥā*.  
Beirut: Maktabah al-Islamī, 1985

\_\_\_\_\_. *al-Ruh*. Kaherah: Maktabah al-Iman, 2001

Ibn Taimiyyah, Taqiyuddin Abu Al-Abbas Bin Syeikh Syihabbu al-Din ‘Abdul  
Halim. *Fiqh al-Salah*. Beirut: Dār al-Fikr al-Arabi, 1991.

Khalil Ma’mun Shikhā. *Shahih Muslim Bi Syarah al-Imam al-Nawāwi*. Beirut: Dār  
Ma’rifat, 1998.

Muhammad Abdullah al-Khaṭīb dan Muhamamad ‘Abdul Halim Ḥamid. *Nazzorah Fi  
Risālati al-Ta’līm*. Kaherah: Dār al-Tauzi’ Wa Nasyr al-Islamī, 1990.

Muhammad Khālid al-Attar. *Ī’ānah al-Tolibīn*. Beirut: Dār al-Fikr, 1998.

Muṣṭafa Al-Khin, Muṣṭafa al-Bughā dan ‘Ali al-Sharbajī. *Fiqh al-Manhajī ‘Ala  
Mazhab Imam al-Syafie*. Damsyik: Dār al-Qalam, 1998.

Sa’id Hawa. *al-Islam*. Kaherah: Dār al-Salām, 2001.

Sayyid Sābiq. *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: Dār al-Diyan. Jilid.1, 1990.

Syamsuddin Muhamad Bin Muhamad Khatib syarbini. *Al-Iqna' Hal al-Fāz Abī Shuja'*. Beirut: Dār al-Kutub Ilmī, 1999

Wahbah al-Zuhālī. *Al-Fiqh Islami Wa Adillatihī*, Damsyik: Dār Fikr, 1989.

#### D) Rujukan Kepada Buku Melayu

'Ali As'ad. *Terjemahan Fath al-Mu'in*. Selangor: Penerbit Klang Book Centre, 1988.

Abdul Qādir al-Rahbawī. *Salat Empat Mazhab*. Kuala Lumpur: Victory Agencie, 1992.

Abdul Rahman Mat Ismail. *Roh Sembahyang*. Kuala Lumpur: Dār al-Nu'man, 1994.

Abdullah al-Amin al-Na'mī. *Kaedah Dan Teknik pengajaran Menurut Ibn Khaldūn dan Al-Qābiṣī*, terj. Mohd Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1994.

Abdullah al-Qārī Hj. Salleh. *239 Kesalahan Di Dalam Solat*. Selangor: Pustaka Ilmi, 2012.

Abū Abdullah Muhammad Bin Ismail al-Bukhari, *Shahih Bukhari*, terj.'Syed Ahmad Semait'. Singapura: Pustaka Pte Ltd, 2006.

Abū Dhiya'. *Fiqh Ibadah*. Johor Bharu: Jahabersa, 1996

Ananda Kumar Palaniappan. *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Selangor: Pearson Malaysia, 2009.

Azizi Yahaya et al. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisa & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors, 2003.

Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan. Jilid 1*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2006.

Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan. Jilid Ke-2*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2006.

Ghazali Darusalam. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Selangor: Utusan Publication &

Distributors Sdn Bhd, 2001.

Haji Ishak Baharom, Azrul Hakim Suradi, *Solat & Keajaibannya*. Kuala Lumpur:

Anbakri Publika Sdn. Bhd, 2009

Hasbi Al-Shiddiqi, *Pedoman Solat*. Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn. Bhd, 1996.

Ibrahim Bin Mohamad. *Peranan Surau Sekolah Dalam Pembangunan Sahsiah Murid*

*Islam Di Sekolah Menengah Daerah Kulai, Johor*. Skudai: Universiti Teknologi

Malaysia, 2004.

Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral. *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan Dan*

*Pengurusan Kurikulum j-QAF*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia,

2005.

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. *Buku Panduan Kursus Pemantapan*

*Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR*, Kuala Lumpur: Kementerian

Pendidikan Malaysia, 2007.

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. *Buku Panduan Pelaksanaan Model-model*

*Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Kementerian

Pendidikan Malaysia, 2004.

Mohd Azhar Abd Hamid et al. *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah*. Skudai:

Universiti Teknologi Malaysia, 2001.

Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa Dan Pustaka, 2005.

Mohd Najib Abdul Ghafar, *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai,

Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2003.

Mok Soon Sang, *Literatur Dan Kaedah Penyelidikan*. Cet. Ke-3. Selangor: Penerbitan

Multimedia Sdn. Bhd, 2010.

Muhammad Idris al-Marbawi al-Azhari.(t.t.p), *Bulughul Marām Serta Terjemahan*

*Melayu*. Kaherah: Maṭba' al-Anwar al-Muhammadiah, t.t.

Muhammad Thalib. *Ibu bapa Mithali*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1997.

Muhammad Zuhaili dan Ahmad Suhaimi Karim. *Ensiklopedia Solat Mazhab Syafie*.

Selangor: Jasmin Publications, 2013.

Mustaffa Suhaimi. *Solat Rasulullah SAW*. Selangor: Progressive Publishing House Sdn.

Bhd, 2011.

Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2010.

Othman Lebar. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*.

Tanjong Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009.

Rohidzir Rais, Fuad Ismail dan Mohd Wahid Abd Hanif. *Ensiklopedia Solat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd, 2011.

Sayyid Ḥāmid Al-Habsyi, *Penghayatan Solat Pengertian tentang Sembahyang*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1993.

Syeikh ‘Abdul Qādir Ar- Rahbawi, *Panduan Lengkap Shalat Menurut Empat Mazhab*.

Cet. Ke-4. Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2008.

Universiti Malaya. Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Pejabat Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, 2012.

Wahbah al-Zuhaili. *Fiqh al-Islam Wa Adillatuhu*. Jilid Ke-2. Jakarta: Darul Fikir, 2010

Zaharuddin Abd. Rahman. *Formula Solat Sempurna*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.

Bhd, 2008.

Zulkifli Mohd Yusoff dan Muhammad Mukhlis. *Asbābun Nuzul*. Selangor: PTS Darul Furqan, 2012

Zulkurnain Zakaria. *Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*, Skudai: Universiti Teknologi, 2001.

#### **E) Rujukan Kepada Buku Inggeris**

- Afzal Ur Rahman. *Prayer Its Significance And Benefits*, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.2, 1979.
- Suhaib Hasan. *Why Do We Pray*, Riyadh: Darussalam, 1996.
- SH. Muhammad Ashraf. *The Virtues Of Salat*, Lahore: Malik Brothers, 1976.

#### **F) Rujukan Kepada Tesis Dan Disertasi**

- Dayangku Intan Awang Lawi. "Pelaksanaan Sembahyang Lima Waktu: Satu Tinjauan Di Pekan Kecil Meludam, Sri Aman, Bahagian Kedua, Sarawak".(Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1991).
- Fariyah Hussain. "Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja: Satu Kajian Di Alor Star", (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).
- Habibah Othman. "Cara dan Pelaksanaan Solat Fardu di Kalangan Pesakit Islam: Satu Kajian di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) Kuala Lumpur" (Kertas Projek Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1988).
- Kamarul Hazani Yusof. "Pelaksanaan Program Amali Solat Dalam Perkara Asas Fardu Ain (PAFA): Kajian Di Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat." (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).

Khalim Zainal. "A Comparison of the penalty system program and conventional program in managing discipline of the secondary school student in Malaysia". (Universiti Putra Malaysia, Kuala Lumpur: Unpublished Doctoral Thesis, 2004).

Md.Zuraini Mashrom. "Dakwah Di Sekolah: Kefahaman Dan Praktisnya Oleh Guru Pendidikan Islam." (Disertasi Sarjana Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007).

Mohd Suhardi Mat Jusoh. "Pengabaian Solat Fardu Dikalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah Di Sekitar Daerah Pasir Puteh, Kelantan". (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).

Muhammad Zakaria. "Amalan Sembahyang Fardu Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Di Beberapa Buah Sekolah Di Kota Bharu." (Kertas Projek Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1991).

Nor Azira Yusof. "Hubungkait Antara Pengabaian Solat Dengan Tingkah Laku Individu: Kajian Di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi." (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008).

Sabariah Bahrun. "Kajian Pelaksanaan Kurikulum j-QAF Oleh Guru Pelatih IPGM Kampus Kent, Tuaran, Sabah. (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

## G) Rujukan Kepada Jurnal Dan Kertas Kerja Persidangan

Abd. Rasyid Hj.Ahmad, "Aspek-aspek Pendidikan Dalam Solat", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 2, Mei 1995.

Asmawati Suhid, Lukman Abd Mutalib. Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat. *Journal of Islamic and Arabic Education 1(1)*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.

Awang Mohamad Amin. "Tulisan Jawi Ke Arah Penguasaan Yang Lebih Meluas Dan

Berkesan". *Jurnal Dewan Bahasa*, 1989.

Dangiran Haji Mustafa. "Kertas Kerja Utama Memperkasakan Pendidikan Islam".

Seminar Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain j-QAF, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004.

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. "Isu Khas Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Pendidikan". *Jurnal Pendidikan*. Jil. 19, 1998.

Ghazali Basri. Gejala Samseng Di Sekolah. Apa Usaha Kita? *Jurnal Pendidikan Islam*. Jil.10, Bil.4, Februari 2004. Selangor: Kolej Darul al-Hikmah, 2004.

Kamarul Azmi Jasmi et al. "Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar Dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan," *Jurnal Teknologi* 56, 2011.

Maimun Aqsha Lubis et al. "Pelaksanaan Model-model Program j-QAF Dalam Bilik Darjah: Satu Rumusan Kajian", Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali ke-4, 2010.

Nik Rosila Nik Yaacob. "Penguasaan Jawi Dan Hubungannya Dengan Minat Dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam". *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, Jil. 22, 2007.

Safora Juaini & Ab. Halim Tamuri. "Solat Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Islam Luar Bandar". *Jurnal Yadim*. Bil.10: 43-63, 2008.

\_\_\_\_\_. "Solat Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Islam Luar Bandar", *Jurnal YADIM*, Bil. 10, 2008.

Suhanim Abdullah, Rosnaini Hamid. "Pendidikan Aqidah Luqman Al-Hakim: Satu Analisis Dalam Konteks Pembangunan Modal Insan", Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006 di Universiti Malaya. Jilid 2, h. 358, 2006.

## **H) Rujukan Kepada Temu bual**

Kamariah Binti Mohd Ali (Ketua Panitia, SK Sri Chiku, Gua Musang) dalam temu bual dengan pengkaji, 19 Mac 2013.

Kamarul Bin Ariffin (Penyelaras j-QAF, SK Gua Musang, Kelantan ) dalam temu bual dengan pengkaji, 6 Mac 2013.

Mohd Fadzali Bin Mohd Noor (Pengawai Khas j-QAF, Pejabat Pelajaran Daerah Gua Musang, Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 21 Mac 2013.

Muhammad Hazim Bin Mohd Salmi (Murid Tahun 5, SK Sri Wangi, Gua Musang) dalam temu bual dengan pengkaji, 20 Mac 2013.

Nor Athirah Natasya Binti Ismail (Murid Tahun 5, SK Chiku 3, Gua Musang) dalam temu bual dengan pengkaji, 7 Mac 2013.

Norazizah Binti Abdullah (Penyelaras j-QAF, SK Paloh 1&2) dalam temu bual dengan pengkaji, 5 Mac, 2013.

Rohana Binti Mohamed (Penyelaras KBS, SK Bandar Ciku 3) dalam pemerhatian oleh pengkaji, 7 Mac 2013,

Rozmi Bin Ismail (Penyelaras KBS, SK Sri Ciku) dalam temu bual dengan pengkaji, 11 Mac 2013.

Suhaimi Bin Abdullah (Penyelaras j-QAF SK Sri Wangi (2), Gua Musang) dalam temu bual dengan pengkaji, 20 Mac 2013.

## I) Rujukan Kepada Laman Web

Laman sesawang Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM, dicapai 14 Ogos 2012, <http://eras.moe.gov.my/eras/>

Laman sesawang Portal Rasmi Bahagian Pendidikan Islam, KPM, dicapai 5 Oktober 2012, <http://www.bpi.edu.my/v1/index.php/muaturun>

Laman sesawang Portal Rasmi Bahagian Pendidikan Islam, KPM, dicapai 6 Oktober 2012, <http://www.bpi.edu.my/v1/index.php/program/j-qaf>

Laman sesawang Sektor Pendidikan Islam dan Moral Negeri Kelantan, dicapai 4 Mac 2012,

[http://www.spikel.bpi.edu.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=30](http://www.spikel.bpi.edu.my/index.php?option=com_content&view=article&id=30)

Laman sesawang Jabatan Pelajaran Kelantan, dicapai 10 Oktober 2012,  
<http://jpn.moe.gov.my/jpnkelantan/v2/>

Laman sesawang Kementerian Pelajaran Malaysia, dicapai 3 September 2012,  
<http://www.moe.gov.my/>

Laman sesawang Pejabat Pelajaran Daerah Gua Musang, dicapai 12 Disember 2012,  
<http://ppdguamusang.edu.my/>

## J) Rujukan Kepada Akhbar

“Al-Quran, Solat, Ingat Mati Pancar Cahaya Menyinari Hati”, *Berita Harian*, 23 April 2012.

“Martabatkan Tulisan Jawi”, *Harian Metro*, 5 November 2007.

“Pendekatan j-QAF disokong”, *Harian Metro*, 14 September 2005.

Fauzi Rahim Mustafa, “Latih Remaja Disiplin Solat”, *Harian Metro*, 5 Mei 2006.

Idris Musa, “Wajib Baca al-Fatihah Dengan Betul”, *Harian Metro*, 22 September 2006.

Khairina Yasin, “Kesan Pengajaran j-QAF”, *Berita Harian*, 5 Oktober 2009.

Maslinda Mahmood, “j-QAF For Secondary School too”, *New Straits Times (NST)* , 31 Januari 2012.

Rosman Shamsudin, “Latih Murid Tunai Solat”, *Harian Metro*, 23 Mac 2012.

Ruzaini Syukur Mansor, “j-QAF Program Menyeluruh Bentuk Peribadi”, *Berita Harian*, 2 April 2008.